


**Jilid II**  
**Bil. 50**

**Rabu**  
**23 Oktober 1996**



**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

## K A N D U N G A N

<b>JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN</b>	(Ruangan 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996) (NO.2) 1996	(Ruangan 17)
<b><u>Jawatankuasa:</u></b>	
<b><u>Jadual -</u></b>	
Maksud B.28, B.29, B.30, B.31, B.32 dan B.33	(Ruangan 36)
Maksud B.34	(Ruangan 47)
Maksud B.35, B.36, B.37, B.39, B.40	(Ruangan 47)
Maksud B.42	(Ruangan 59)
Maksud B.46	(Ruangan 60)
Maksud B.47	(Ruangan 66)
Maksud B.48	(Ruangan 74)
Maksud B. 51	(Ruangan 76)
Maksud B. 53	(Ruangan 82)
<b>USUL-USUL:</b>	
Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 1996	(Ruangan 17)
<b><u>Jawatankuasa:</u></b>	
Maksud P. 28	(Ruangan 36)
Maksud P. 40	(Ruangan 47)
Maksud P. 44	(Ruangan 60)
Maksud P. 46	(Ruangan 60)
Maksud P. 47	(Ruangan 66)
Maksud P. 48	(Ruangan 74)
Maksud P. 49	(Ruangan 75)
Maksud P. 50	(Ruangan 76)
Maksud P. 51	(Ruangan 76)
Maksud P. 52	(Ruangan 78)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat.	(Ruangan 46)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)“ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoo Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

- Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)

Yang Berhormat Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)

Yang Berhormat Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)

- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

Yang Berhormat Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)

- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)

Yang Berhormat Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

“ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

“ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

“ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

“ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

“ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

“ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)

“ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)

“ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)

“ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)

“ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

“ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN  
PARLIMEN MALAYSIA**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Said bin Sidik
Penolong Setiausaha Kanan	:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustakin bin Selamat

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Hajah Supiah binti Dewak Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Zaharah binti Naim Norwahidah binti Azizi Jainah binti Sakimin Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat	:	Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh
-------------------	---	--

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Rabu, 23 Oktober 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

## D O A

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN****RANGKAIAN JALAN RAYA 200 TOL - RASIONAL  
TERHADAP CADANGAN**

1. Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat] minta Menteri Kerja Raya menyatakan memandangkan akan wujud 200 tol di jalan-jalan raya di Lembah Kelang kelak, ia seolah-olah menggambarkan kerajaan telah mengabaikan tanggungjawabnya terhadap masyarakat kerana tidak menyediakan rangkaian jalan raya tanpa tol seperti yang dilakukan sebelum ini. Sila terangkan rasional sebenar di sebalik langkah ini supaya kerajaan tidak menerima pelbagai tohmahan daripada pelbagai pihak, khususnya pembangkang.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat dari Hulu Langat ini bersama-sama dengan pertanyaan-pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Seputeh pada 31hb. Oktober 1996, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai pada 27hb. November dan Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar pada 3hb. Disember kerana semuanya merupakan soalan yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah.

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan adalah mengenai rasional pembinaan, beban kepada pengguna, kesan kepada inflasi, sama ada kerajaan telah mengabaikan tanggungjawabnya untuk membina jalan raya tanpa tol dan sama ada pembinaan plaza-plaza tol ini hanya rancangan kementerian atau pun diputuskan oleh jemaah menteri.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, penswastan projek lebuhraya adalah selaras dengan dasar penswastan negara. Dalam pemilihan projek-projek lebuhraya yang akan diswastakan, beberapa kriteria telah diambil kira iaitu kos projek, kepentingan projek, keadaan muka bumi, kesan kepada aliran trafik setempat, halangan paling minimum, perolehan tanah dan juga kesan kepada alam sekitar.

Perlaksanaan projek-projek penswastan ini termasuk penetapan kadar tol perlu mendapat kelulusan kerajaan. Oleh itu sama ada pembinaan plaza tol ini hanyalah rancangan kementerian, sama sekali tidak timbul.

Tuan Yang di-Pertua, projek-projek penswastan lebuhraya hanya melibatkan projek-projek yang melibatkan peruntukan yang besar. Oleh itu, untuk mengurangkan beban kewangan kerajaan bagi membiayai projek-projek besar ini, kaedah penswastan telah digunakan sebagai alternatif, dengan izin.

Pihak swasta yang telah diberikan obligasi untuk melaksanakan pembangunan projek-projek lebuhraya ini dibenarkan mengutip tol untuk membiayai pelaburan yang telah dikeluarkan. Oleh itu, plaza-plaza tol telah dibina bagi kemudahan pengutipan tol. Jumlah plaza tol yang dibina bergantung kepada sistem kutipan tol, sama ada

secara terbuka atau secara tertutup. Bagi sistem kutipan secara tertutup, jumlah plaza tol yang dibina melebihi jumlah di bawah sistem kutipan tol secara terbuka, oleh kerana kutipan dibuat di setiap jalan susur masuk dan keluar.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari mengenai rasa kurang selesa pengguna-pengguna apabila terlalu banyak plaza tol dibina. Sebenarnya pembinaan 200 plaza tol seperti yang dibangkitkan hanyalah merupakan angka anggaran sahaja, bukan yang sebenarnya.

Pada masa ini, kerajaan sedang meneliti satu cadangan untuk menubuhkan satu badan atau agensi bagi pungutan tol yang dipusatkan (central tolling agency) di seluruh Lembah Kelang. Kerajaan menjangka apabila agensi ini beroperasi kelak, ia akan memberi kemudahan kepada pengguna dalam urusan pembayaran tol kerana pengguna tidak perlu berhenti dan membayar tol di setiap plaza tol yang dilalui.

Tuan Yang di-Pertua, perlu juga saya tekankan di sini peranan pihak swasta dalam pembangunan lebuh raya di negara ini adalah untuk membantu kerajaan mempercepatkan pelaksanaan rangkaian lebuh raya di negara ini. Kerajaan masih lagi mempunyai peranan penting dalam pelaksanaan projek-projek infrastruktur di negara ini. Misalnya, kerajaan masih lagi menyediakan peruntukan yang besar bagi membiayai projek-projek baru, menaik taraf jalan raya di laluan persekutuan, jalan-jalan negeri melalui kerajaan-kerajaan negeri dan jalan-jalan di kawasan luar bandar melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Bagi melengkapkan rangkaian jalan raya di Lembah Kelang, khususnya bagi Bandaraya Kuala Lumpur, kerajaan membiayai sepenuhnya pembinaan sebuah projek besar iaitu Projek Jalan Lingkaran Tengah II Kuala Lumpur di mana kos pembinaannya menghampiri RM1 bilion. Bagi projek ini, tidak ada tol akan dikenakan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini angka 200 itu dari mana? Dari satu Cabinet Paper atau dari satu Master Plan mengenai jalan-jalan raya di Lembah Kelang yang dikemukakan kepada Kementerian Kerja Raya dan apakah bentuknya itu atau angka 200 itu mimpi Yang Berhormat Timbalan Menteri sahaja. Tentu bukan mimpilah, tentu ada asas yang konkrit dan adakah ini dibawa ke Kabinet dan dibincangkan dan peringkat perbincangan sistem 200 tol di Lembah Kelang?

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan awal-awal tadi dalam jawapan saya, itu cuma anggaran sahaja, bukan satu ketetapan yang muktamad.

Jadi.....

**Tuan Lim Kit Siang:** [Bangun]

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Nanti dahulu.... saya terangkan kepada Dewan yang mulia ini. Sebenarnya yang dimaksudkan ialah di seluruh Lembah Kelang. Kalau kita hendak tengok secara terperinci, plaza tol yang ada yang beroperasi di Lembah Kelang ialah sebanyak 18 buah. Yang sedang dilaksanakan ialah sebanyak 25. Dalam perancangan baru 22 dan cadangan adalah 13. Jadi, kalau dijumlahkan semua baru 78. Ini bukan toll booth, tetapi plaza tol. Setiap satu plaza ada 4, 5 atau 10 booths.

Jadi, dalam kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, sebenarnya anggaran "agak-agak" sahaja. Bukan sebenarnya. Jadi, maknanya tidak boleh dianggap sebagai satu keputusan rasmi. Namun demikian, kalau pun ada sabarang keputusan berhubung dengan perkara ini mestilah diputuskan oleh Kabinet sebab sebarang keputusan, sama ada kadar tol yang dikenakan ataupun plaza tol yang hendak dibina mesti mendapat keputusan kerajaan, iaitu Kabinet.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selama ini dasar kerajaan memang membenarkan kutipan tol atas lebuh raya baru yang diswastakan,

tetapi baru-baru ini nampaknya walaupun kerja cuma melebarkan jalan seperti jalan dari Cheras ke Kajang dan juga Jalan Sungai Besi, nampaknya kerajaan membenarkan kutipan tol. Ini adalah dianggap sebagai tidak adil kepada penduduk tempatan. Jadi, saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah dasar kerajaan sekarang?

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, ini saya rasa lebih kepada rasional daripada apa yang ditimbulkan tadi. Jadi, maknanya kalau jalan yang diswastakan di mana satu concession agreement telah ditandatangani dengan syarikat swasta yang membolehkan syarikat berkenaan memungut tol, itu maknanya ia kena dibenarkan memungut tol, sama ada melebarkan jalan, membuat jalan baru dan sebagainya, asalkan ada satu agreement dibuat sama ada membina jalan baru, melebarkan jalan bagi memberikan kemudahan yang menyeluruh kepada rakyat. Itu maknanya adalah satu justifikasi yang dibuat, juga terkandung di dalam persetujuan konsesi yang ditandatangani antara kerajaan dengan syarikat berkenaan.

### PROGRAM KHIDMAT SOSIAL NEGARA - HASIL KAJIAN

2. **Dr. Ramli bin Taib [Kemaman]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) apakah hasil kajian yang dijalankan terhadap cadangan Program Khidmat Sosial Negara. Adakah ia mendapat tentangan dari mana-mana pihak; dan
- (b) adakah ini akan membuka laluan untuk mewajibkan latihan tentera atau kerahan tenaga untuk mengatasi masalah sosial yang serius yang melanda negara sekarang.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sebenarnya telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri, tetapi walau bagaimanapun saya jawab sekali lagi.

Konsep Program Khidmat Sosial ini masih merupakan idea yang baru sahaja yang dikemukakan kepada umum untuk mendapat response dan maklum balas. Sebuah pasukan petugas khas telah ditubuhkan bagi mengkaji secara lebih mendalam mengenai konsep dan kaedah pelaksanaannya termasuk implikasi mewajibkan semua lepasan SPM untuk mengikuti program ini.

Modul-modul yang boleh menarik minat remaja serta mengandungi elemen pembangunan minda, ketahanan fizikal dan pementapan peribadi. Kos yang terlibat, kaedah pembiayaannya dan prasarana yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, kajian ini dijangka akan dapat disiapkan pada akhir tahun 1996. Sehingga kini belum ada sebarang tentangan dari mana-mana pihak, malahan maklum balas yang diterima melalui media-massa dari pelbagai pihak termasuk dari tokoh-tokoh akademik, ketua-ketua jabatan kerajaan, pertubuhan-pertubuhan belia, sosial dan badan bukan kerajaan serta tokoh-tokoh masyarakat termasuk kalangan ibu bapa dan golongan remaja menunjukkan reaksi yang positif dan menyokong prasarana program ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut konsepnya kaedah pelaksanaan Program Khidmat Sosial Negara ini tidak akan menggunakan kaedah mewajibkan latihan ala tentera ataupun kerahan tenaga. Sebaliknya program ini sekiranya dilaksanakan ia akan mengambilkira segala aspek perkembangan kejiwaan remaja bagi merumuskan kaedah pelaksanaan yang lebih sesuai dan berkesan di kalangan remaja.

**Dr. Ramli bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ini adalah satu cadangan yang baik dan saya kira yang harus disegerakan. Soalan saya, adakah jawatankuasa yang ditubuhkan ini akan juga memikirkan untuk mewajibkan pelajar-pelajar yang tercicir sebelum SPM, kerana golongan ini juga yang banyak terlibat di dalam gejala-gejala yang kurang sihat?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya katakan pasukan petugas khas telah ditubuhkan dan masih menunggu pendapat ataupun pandangan-pandangan yang akan dikumpul oleh pasukan ini. Saya yakinlah bahawa cadangan ini kalau baik boleh dimasukkan ke dalam konsep ini.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kurikulum yang mungkin dirancang bagi Program Khidmat Sosial negara ini dan adakah kementerian atau jabatan yang lain, yang akan terlibat dalam program ini?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, konsep ini seperti apa yang telah dikemukakan oleh Kementerian Belia dan Sukan adalah satu konsep yang baik, tetapi implikasinya adalah luas, oleh kerana lepasan SPM ataupun murid-murid yang akan terlibat adalah besar di kalangan 400,000 orang setahun. Jadi kita anggap bahawa bukan sahaja Kementerian Belia dan Sukan akan dilibatkan, tetapi kementerian-kementerian lain juga akan dilibatkan untuk menolong. Oleh kerana itulah, konsep ataupun rancangan ini akan dibincangkan di Kabinet dan meminta sokongan daripada kementerian-kementerian serta agensi-agensi luar kerajaan untuk menyokong rancangan ini.

Mengenai kurikulum dalam konsep ataupun dalam rancangan ini, perkara ini sedang dibincangkan. Saya telah mengatakan bahawa elemen-elemen pembangunan minda, ketahanan fizikal dan juga nilai-nilai yang baik akan dimasukkan ke dalam kurikulum di bawah rancangan ini dan ini akan dijalankan selama 3 atau 4 bulan selepas SPM.

#### **BANK BAYI - PENOLAKAN PENUBUHAN**

3. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan negeri-negeri yang menolak cadangan penubuhan bank bayi serta alasan-alasannya. Apakah alternatif kementerian untuk menyelesaikan masalah pembuangan bayi setelah kabinet memutuskan untuk menyetujui idea tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan G. Palanivel]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negeri-negeri yang menolak cadangan penubuhan bank bayi ialah Kedah, Perak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Di antara alasan yang diberi adalah dari segi agama ia dianggap bertentangan dengan ajaran agama. Dari segi agama juga dan norma-norma sosial dijangka lebih banyak mendatangkan keburukan dan seolah-olah memberi ruang kepada penggalakan maksiat.

Ia juga seolah-olah menggalakkan perbuatan tidak baik dan dikhuatiri disalahgunakan, sungguhpun tujuan murni untuk menyelamatkan bayi. Langkah ini merupakan penggalakan seks di luar nikah terutama di kalangan remaja dan dijangka kejadian pembuangan bayi akan meningkat. Tindakan ini seolah-olah merestui perkara yang tidak baik atau tidak diingini terus berlaku dalam masyarakat.

Istilah 'bank' berunsur negatif kerana ia merupakan tempat pengumpulan bayi yang mempunyai nilai kewangan. Ia merupakan cara Barat dan tidak sesuai bagi negara ini. Ia akan menimbulkan sikap tidak bertanggungjawab pihak ibu terhadap bayi yang dilahirkan.

Tuan Yang di-Pertua,

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,.....[*Kedengaran suatu gangguan*].

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat teruskan.

**Tuan G. Palanivel:**

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sememangnya mengambil berat untuk memberi perlindungan kepada kanak-kanak yang dibuang. Bayi yang dibuang akan diberi perlindungan di institusi kebajikan JKM. Semua institusi kebajikan di bawah jabatan ini sentiasa dibuka untuk memberi pertolongan kepada wanita yang bermasalah dan di samping itu pegawai kebajikan masyarakat yang terdekat boleh dihubungi jika menghadapi masalah.

JKM sentiasa berusaha membantu wanita yang bermasalah supaya jalan penyelesaian dapat diambil dengan sebaik-baiknya. Selain diberi perlindungan kepada wanita-wanita ini, mereka juga akan diberi kaunseling, bimbingan dan latihan kemahiran yang boleh menjamin kehidupan yang lebih baik.

Sebagai usaha-usaha pencegahan, JKM juga menggalakkan penglibatan dan penyertaan masyarakat termasuk badan bukan kerajaan dalam membendung gejala sosial ini.

Pasukan perlindungan kanak-kanak yang telah diwujudkan di daerah-daerah adalah digalakkan untuk menjalankan program dan aktiviti di kawasan berisiko tinggi untuk memberi pertolongan kepada kanak-kanak yang memerlukan. Kempen-kempen melalui media massa, pameran serta ceramah-ceramah juga sentiasa diadakan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat berhubung dengan masalah sosial ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sehingga setakat ini berapakah jumlah bayi-bayi yang dilahirkan secara tidak sah yang sedang berada di rumah-rumah kebajikan, dan berapakah anak-anak yang di luar nikah ini yang dibuang merata-rata di tanah air kita ini menurut statistik yang ada di dalam pengetahuan pemerintah?

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik yang dipunyai oleh kementerian ini, untuk tahun ini Januari hingga Jun, jumlah kes bayi yang dibuang ialah 17. Dari jumlah ini, lelaki ialah 2 - statistik lain. Saya minta notis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, dia tak minta statistik jantina itu.

**Tuan G. Palanivel:** Jumlah yang dibuang pada tahun ini ialah 17, Januari hingga Jun.

**Tuan Lim Hock Seng:** Soalan tambahan. Seperti pengetahuan umum, masyarakat khususnya masyarakat Cina sekarang ada antara mereka sangat mendahagai mendapat bayi-bayi. Sehingga ada golongan yang menyeludup bayi dari negara jiran. Setahu saya bayi lelaki boleh - bukan dikata jual, tetapi boleh dapat dengan harga RM6,000 dan bayi perempuan dapat dibeli dengan lebih kurang RM4,000 hingga RM5,000. Untuk menyelamatkan nyawa bayi ini, adakah kerajaan atau khasnya Jabatan Kebajikan Masyarakat bersedia untuk membuat satu pengumuman kepada ibu-ibu yang mengandung, khususnya mereka yang belum berkahwin supaya menyerahkan

bayi mereka kepada JKM, dan sebaliknya ibu itu boleh dapat sedikit bantuan dari JKM. Saya bukan menggalakkan para masyarakat ini....

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, tak payah berhujah. Yang Berhormat hanya soal saja.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ini adalah satu kebenaran. Masyarakat sekarang mendahagai. Adakah kerajaan bersedia - itulah soalan, bersedia untuk membuat satu pengumuman?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, cukup jelas.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, mereka tak tahu, mereka tidak jelas. *[Ketawa]* Itulah masalah mereka.

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan khasnya Jabatan JKM bersedia membantu mereka yang bermasalah, tetapi bukan bersedia membantu mereka menjual anak-anak atau bayi. *[Tepuk]*

#### BALU/DUDA - PENCEN TERBITAN DIBATALKAN

4. **Tuan Mohamed bin Haji Abdullah [Pasir Putih]** minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah seorang balu hilang bayaran pencennya apabila ia berkahwin semula. Tidakkah ini melarang seseorang balu daripada menerima hak asasnya seperti di mana seorang duda boleh berkahwin tanpa ditamatkan bayaran pencen kematian isterinya. Tidakkah beliau ingin mengkaji semula dasar dan peraturan ini memandangkan ramai janda-janda muda yang ingin berkahwin semula tetapi tidak berbuat demikian kerana tidak mahu kehilangan keistimewaan ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah undang-undang pencen sekarang balu atau duda seseorang penjawat awam yang telah meninggal dunia dibayar pencen terbitan sepanjang hayat balu atau duda itu selagi beliau tidak berkahwin semula. Adalah tidak benar bahawa seseorang duda boleh terus dibayar pencen terbitan selepas beliau berkahwin semula. Seseorang balu yang berkahwin semula tidak lagi merupakan balu kepada si mati, tetapi mempunyai suami yang baru yang sepatutnya mampu menanggung nafkah hidupnya. Oleh itu, kerajaan tidak harus meneruskan tanggungan kewangan ke atasnya. Namun begitu, pencen terbitan akan terus dibayar kepada anak-anaknya hasil perkahwinan dengan si mati selagi anak-anak itu layak di bawah undang-undang pencen.

Seseorang janda tidak berhak mendapat pencen terbitan. Tak kiralah janda muda ataupun janda tua. *[Ketawa]* Peruntukan pencen terbitan yang ada sekarang, dengan pembayaran seumur hidup selagi balu atau duda tidak berkahwin semula, adalah lumayan dan kerajaan tidak bercadang mengubahkannya buat masa ini.

**Puan Aion Khariyah binti Dato' Mohd. Abas:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa berkaitan dengan status pesara-pesara ini, pesara lelaki diberi kemudahan pas kereta api dengan maksimum 2 orang isteri yang boleh dibawanya bersama. *[Ketawa]* Tetapi malangnya, bagi pesara wanita tidak ada pas tambahan untuk seorang suami. Soalan saya, adakah Timbalan Menteri bercadang untuk mengubah peraturan ini supaya pesara-pesara wanita diberi kemudahan untuk membawa suami mereka apabila berjalan siar-siar dengan kereta api?

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan bawakan maklumat ini kepada pihak yang berkenaan supaya ditimbang dengan sebaiknya.

**Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, bagi seorang lelaki kalau isterinya meninggal adalah wajar kalau dia tak dapat pencen. Tetapi kalau seorang isteri, kadang-kadang bila dia balu dia kahwin lain. Selepas itu, kadang-kadang mereka bercerai kali yang kedua. Jadi, apa kata kalau kerajaan bercadang untuk menyambung semula pencen ini apabila isteri ini bercerai?

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Saya ingat nampak susah juga soalnya. Fasal pada mulanya orang yang berkenaan itu jadi isteri kepada pekerja awam. Kemudian, suaminya mati, dia dapat pencen terbitan. Selepas itu, dia kahwin dengan orang lain pula, yang mungkin kemudian mati. Jadi, dapat dua pencen kalau kira begitu. Jadi, masalah-masalah sosial, saya ingat sukar hendak diterima pada masa ini. Alasan kita ialah beliau sudah menjadi isteri orang. Kalau cerai, dia adalah janda kepada orang yang baru. Jadi, ada peraturan lain untuk si janda membuat tuntutan daripada suami yang baru menceraikannya itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Dato' Hew See Tong.

*[Soalan No. 5 - Y.B. Dato' Hew See Tong [Kampar] tidak hadir]*

#### MYANMAR MENYERTAI ASEAN - PENDIRIAN KERAJAAN

6. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian kerajaan mengenai permohonan oleh Myanmar untuk menyertai ASEAN dan memandangkan keadaan demokrasi dan hak asasi manusia Myanmar masih perlu diperbaiki, bukankah munasabah jika kerajaan menolak penyertaan Myanmar buat masa ini.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai sebuah organisasi serantau Asean mempunyai prinsip dan amalan tertentu iaitu Code of Conduct yang telah menggariskan cara untuk berinteraksi dengan negara-negara lain. Di antara prinsip tersebut ialah amalan untuk tidak mencampuri urusan dan hal ehwal dalaman sesebuah negara lain.

Berlandaskan kepada prinsip ini Asean telah berinteraksi dengan Myanmar melalui dasar "Constructive Engagement" yang bertujuan untuk membawa kembali Myanmar menjadi ahli Community of Nations. Mesyuarat Ketua-ketua Negara/Kerajaan Asean yang Kelima di Bangkok pada 14hb. dan 15hb. Disember 1995 telah memutuskan antara lainnya, dengan izin, "*Asean shall work towards the speedy realisation of an Asean comprising all South East Asian countries as its enters 22st century.*"

Kini Myanmar telah pun memohon untuk menjadi Ahli Asean secepat mungkin. Dalam hal ini permohonan Myanmar tersebut akan diberi pertimbangan mengikut proses dan prosedur Asean yang biasa.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, bukankah tidak wajar untuk Malaysia memainkan peranan, nampaknya sebagai leading defender - pembela yang utama untuk SLORC -menjustifikasi semua dasar-dasar yang entire democratic dan adakah, oleh kerana Thailand dan Filipina sudah mula mengubah pendirian mereka mengenai keanggotaan Myanmar dalam Asean, oleh kerana pro-democracy crackdown yang ada di Myanmar, adakah Malaysia pun akan ubah sikap supaya memberi notis kepada SLORC bahawa constructive engagement tidak bererti SLORC boleh teruskan dasar-dasar zalim terhadap sama ada Aung San Suu Kyi atau pro-democracy activist. Kalau ini diteruskan, bahawa permohonan untuk memasuki Asean di tahun depan akan ditolak.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat apa yang dituduh oleh Yang Berhormat itu tadi sebenarnya tidak benar dan bahawa kita ingin menyatakan di sini, keputusan pemimpin-pemimpinnya dan ketua-ketua

negara kerajaan Asean yang saya sebutkan tadi, bahawa kita akan bersama-sama berusaha untuk mendapatkan supaya kita dapat merealisasikan Asean ini menjadi satu badan yang melibatkan atau menjadi ahlinya ialah South East Asian countries di dalam kita masuk ke abad 21. Ini adalah satu perkara yang ingin saya nyatakan di sini, apa Yang Berhormat nyatakan tadi adalah banyak yang tidak benar, kerana dalam usaha kita mengadakan constructive engagement, kita sentiasa ada hubungan untuk meneliti pembangunan dan perkembangan di bawah SLORC dan kita percaya serta kita yakin bahawa arah menuju membawa negara Myanmar itu dari sebuah negara yang isolated menjadi members of the Community of Nations akan menjadi satu realisasi.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana keadilan dan hak asasi manusia perlu ditegakkan di semua peringkat, termasuk peringkat antarabangsa dan ada pula kenyataan-kenyataan yang menunjukkan bahawa junta tentera Myanmar telah melakukan kekejaman ke atas minoriti Islam di Arakan sehingga ada di kalangan mereka yang terpaksa menjadi pelarian di negara-negara jiran. Adakah pihak kerajaan tidak mengambil kira di dalam menentukan dasar dan sikapnya berhubung dengan kemasukan Myanmar ke dalam Asean, tidak mengambil kira perasaan umat Islam dan perasaan kemanusiaan dan kewajipan untuk menegakkan keadilan dan hak asasi manusia?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyatakan, kalau boleh Ahli Yang Berhormat lebih meneliti lagi fakta-fakta sebelum mengemukakan sesuatu soalan atau kenyataan kepada Dewan ini, kerana sebenarnya tidak boleh dipersoalkan bahawa negara kita tidak, khususnya, pemimpin kerajaan Malaysia ini tidak sensitif kepada keperluan rakyat Islam di negara-negara lain di dunia ini. Nampaknya dasar-dasar luar kita banyak telah melibatkan diri kita untuk menegakkan keadilan dalam mana-mana golongan komuniti di dunia ini dan saya percaya ini adalah satu kenyataan yang tidak betul sekali.

Jadi, untuk keduanya, kita sebenarnya memahami bahawa keadaan di Myanmar itu adalah di mana pemimpin-pemimpin SLORC itu telah dikatakan berjaya untuk menyatupadukan banyak puak yang pada masa kini bertelingkah di dalam negara itu semasa mereka dalam keadaan isolation. Dan kita katakan inilah satu usaha yang boleh dikatakan cerah untuk mereka mendapatkan kestabilan politik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Datuk Song Swee Guan.

*[Soalan No. 7 - Y.B. Datuk Song Swee Guan [Bandar Kuching] tidak hadir]*

#### PUSPAKOM TUTUP TEMPAT PEMERIKSAAN KENDERAAN DI SRI AMAN - SEBAB-SEBAB

8. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sebab-sebab Puspakom Sdn. Bhd dibenarkan menutup tempat untuk pemeriksaan biasa di Sri Aman, Sarawak, dan memaksa orang di Sri Aman pergi ke pust-pusat di Sibujang yang sejauh 287 km atau di Kuching yang sejauh 190 km.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, mengikut perjanjian konsesi yang ditandatangani di antara kerajaan dengan Puspakom Sdn. Bhd, Puspakom dikehendaki mengadakan 3 pusat pemeriksaan di negeri Sarawak iaitu di Kuching, Sibujang dan Miri sahaja tidak termasuk di Sri Aman. Walau bagaimanapun berdasarkan sikap prihatin Puspakom terhadap pelanggan-pelanggan di Sri Aman, maka syarikat berkenaan telah pun bersetuju untuk meneruskan operasi pemeriksaan kenderaan di Sri Aman yang mana pada masa kini ianya di jalankan seminggu sekali.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, sungguhpun konsesi yang disebut tadi telah ditandatangani, adakah pihak kementerian bercadang untuk membatalkan dan memansuhkan Puspakom memandangkan baru-baru ini pihak polis mengeluarkan saman ke atas

kenderaan yang mengeluarkan asap berlebihan melalui penglihatan sahaja, iaitu kalau kamera boleh menangkap bahawa ada asap hitam keluar dari exhaust mereka, mereka akan disaman, sungguhpun mereka telah lulus ujian meter asap (Hartridge Smoke Unit) tidak melebihi 50 yard atau unit asap hartridge, sungguhpun mereka kurang daripada 50 yard, tetapi kalau ada asap hitam keluar daripada exhaust mereka, mereka tetap akan dikeluarkan saman.

Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna bahawa adalah tidak guna untuk menjalankan ujian oleh Puspakom kerana tetap akan disaman oleh pihak polis. Adakah perkara ini akan diseragamkan dengan memansuhkan undang-undang yang membolehkan polis mengeluarkan saman kerana penglihatan sahaja ataupun kerana Puspakom akan dimansuhkan kerana tidak berguna langsung?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada rancangan kerajaan untuk membatalkan Puspakom oleh kerana Puspakom telah pun menjalankan kerjanya dengan baik. Daripada rekod yang kita kumpul, didapati masa yang diambil untuk pemeriksaan sesebuah kenderaan adalah lebih baik daripada masa dahulu yang pernah direkodkan oleh JPJ, kerana itu rekod Puspakom memang baik dan berkesan dalam mempertingkatkan lagi urusan pemeriksaan kenderaan.

Dari segi kes ujian asap, memang kadang-kadang pihak JPJ ataupun polis memeriksa semula kenderaan jika didapati mengeluarkan asap walaupun baru sahaja keluar daripada pemeriksaan Puspakom. Ini bagi memastikan supaya mutu pemeriksaan Puspakom adalah mengikut spek yang telah ditentukan. Dalam hujah-hujah rambang yang dibuat oleh polis dan JPJ, banyak kes yang mana setelah diuji oleh Puspakom didapati asap masih lagi keluar melebihi had yang dibenarkan. Sekiranya berlaku satu dua kes, ini bukanlah bermakna bahawa Puspakom telah tidak menjalankan ujian dengan betul, ianya sebagai satu langkah berjaga-jaga kerajaan untuk memastikan supaya Puspakom sentiasa mengikut spek yang telah ditetapkan.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada kementerian sedar bahawa perjanjian yang dibuat di antara kementerian dan juga Puspakom Sendirian Berhad hanya membolehkan Puspakom Sendirian Berhad menjalan pemeriksaan berkala sahaja. Tetapi tugas-tugas pemeriksaan yang lain umpamanya pemeriksaan semula, pemeriksaan kemalangan khas dan initial, dengan izin, tidak terangkum di dalam perjanjian berkenaan.

Jadi, saya ingin tahu adakah kementerian bercadang untuk mengkaji semula kaedah perjanjian ini supaya apa yang dibuat oleh Puspakom selama ini boleh dilegalisekan?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat apa yang diuji oleh Puspakom memang legal. Tetapi kerajaan sebagai regulator, walaupun kita membenarkan Puspakom membuat ujian, tetapi kita hendak memastikan ujian itu memang betul dibuat, kerana itu sebagai regulator kita sesekali menyemak kepada ujian yang telah dilakukan, ini untuk menegaskan bahawa ujian yang dibuat memang legal dan boleh dipertahankan di mahkamah.

Tetapi, ada soalan tambahan tadi sama ada ujian pengesahan akhir hendak diberi juga kepada Puspakom, saya fikir itu adalah hak kerajaan sebagai regulator untuk menentukan yang terakhir sekali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tuan Lau Ngan Siew.

*[Soalan No. 9 - Y.B. Tuan Lau Ngan Siew [Sandakan] tidak hadir]*

**LOGO/TANDA "HALAL" MAKANAN YANG  
MERAGUKAN - TINDAKAN**

10. **Puan Sukinam Domo [Batang Sadong]** munta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) tindakan yang diambil terhadap kedai makanan dan restoran yang meletakkan tanda halal sendiri tanpa menggunakan tanda halal diluluskan oleh kerajaan; dan
- (b) langkah diambil oleh kerajaan untuk memaklumkan kepada orang awam tanda halal yang diperakui agar orang awam juga dapat membantu mengawasi kalau ada tanda halal yang meragukan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tindakan tidak boleh diambil terhadap pengusaha gerai makanan dan restoran yang meletakkan tanda halal sendiri sekiranya mereka menjual makanan yang halal. Bagaimanapun, jika mereka menjual makanan yang tidak halal, kerajaan boleh mengambil tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan 1972.
- (b) Langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk memperkenalkan 'logo' halal yang sah ialah melalui kaedah-kaedah berikut:-
  - (i) memberi taklimat kepada pengusaha makanan tentang konsep makanan halal dan cara pengendaliannya di peringkat negeri dan daerah;
  - (ii) mengadakan penerangan kepada orang awam melalui majlis-majlis penerangan, khutbah Jumaat dan media massa;
  - (iii) mengadakan bengkel kepada pengguna-pengguna tentang konsep halal haram bahan makanan dan barangan gunaan orang Islam di peringkat negeri dan daerah.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan mempunyai satu mekanisme yang khusus dan berkesan untuk mengawasi dan seterusnya memperakukan bahawa bahan-bahan makanan yang dijual di kedai-kedai itu adalah halal atau sebaliknya dan jikalau belum ada mekanisme ini adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan mekanisme tersebut?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada cara khusus bagi menentukan mana-mana kedai menjual barang ini. Tetapi pada keseluruhannya kita telah menentukan barang itu halal dan haram apabila pihak pengusaha pengeluar makanan dan juga restoran menjemput kita misalannya ataupun memberitahu kita barang-barang yang mereka hendak pasarkan.

Jadi, pihak BAHEIS akan datang sendiri melihat bahan-bahan makanan tersebut, ramuan-ramuannya sama ada perkara-perkara yang dicampurkan dalam makanan yang hendak dijual itu halal atau haram. Mana-mana yang kita kedapatan yang haram kita tidak benarkan mereka mencampurkan ke dalam bahan-bahan makanan dan yang halal kita terus memberi pengakuan bahawa barang-barang makanan dan sebagainya yang dikeluarkan oleh mereka itu adalah halal.

**Tuan Hamzah bin Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan, adakah pihak kerajaan mengadakan pengawasan

yang berterusan atau berkala bagi memastikan kelulusan tanda halal itu benar-benar dipatuhi sepanjang masa?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam urusan buat masa ini bagi menentukan makanan halal dan haram, kita juga memberi kuasa kepada pihak kuasa agama di negeri-negeri bagi menentukan di peringkat negeri-negeri itu, pengeluar-pengeluar makanan menggunakan bahan-bahan yang halal. Pada hakikatnya, kita tidak membuat jadual tertentu bagi memeriksa setiap pengeluar makanan sama ada halal ataupun haram tetapi kebanyakan di antara yang kita buat ialah di antaranya factory-factory yang baru.

Yang keduanya, kalau ada mana-mana aduan mengesyaki pengeluar-pengeluar ataupun penjual-penjual makanan itu menggunakan barang yang haram, maka pihak berkuasa BAHEIS ataupun pihak berkuasa di peringkat negeri akan membuat lawatan dan menyiasat sendiri, apakah benar-benar mereka menjual barang yang haram?

Sekiranya mereka menjual barang yang haram, kita akan memberi nasihat supaya tidak menggunakan barang itu dan kemudian kalau sekiranya kita masih ragu, kita akan lihat kali yang kedua dan masih berdegil lagi, maka kita akan bersama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk mengambil tindakan seterusnya supaya mereka dihukum.

#### MOTOSIKAL - LALUAN KHAS MENGATASI KEMALANGAN

11. **Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah kerajaan akan mula melaksanakan cadangan supaya laluan khas untuk motosikal dibina bagi mengurangkan kadar kemalangan yang melibatkan penunggang motosikal.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan merancang untuk mengadakan laluan/lorong khas motosikal bagi projek-projek lebuh raya/jalan raya baru yang akan dibina berasaskan kriteria-kriteria seperti berikut:-

- (a) peratusan motosikal yang menggunakan jalan raya;
- (b) bilangan isipadu kenderaan;
- (c) tahap kelajuan kenderaan;
- (d) kelas dan lokasi jalan;
- (e) kadar kemalangan yang melibatkan motosikal;
- (f) kos pembinaan; dan
- (g) perolehan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, perlu juga saya nyatakan di sini bahawa lorong khas motosikal sukar dibina di lebuh raya/jalan raya sedia ada kerana masalah pengambilan balik tanah. Tindakan semasa yang telah dilaksanakan oleh kerajaan ialah dengan cara melebarkan bahu-bahu jalan sedia ada dan menurapnya supaya dapat digunakan sebagai laluan motosikal. Bagi tahun 1996, sebanyak RM9.85 juta telah dibelanjakan bagi kerja-kerja melebar dan menurap bahu-bahu jalan di seluruh negara.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kepada masalah yang dijelaskan oleh Timbalan Menteri tadi tentang sukarnya untuk membina lorong khas di lebuh-lebuh raya, saya ingin tahu sama ada kerajaan sanggup menimbang untuk mengharamkan sahaja penggunaan motosikal di "expressway" kerana berdasarkan kepada statistik yang kita terima banyak kemalangan yang berlaku di lebuh-lebuh raya ini ataupun sama ada kerajaan bercadang untuk meningkatkan had umur mendapat lesen memandu motosikal yang sekarang ini 16 tahun.

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, hendak mengharamkan orang awam dari menggunakan jalan, saya rasa agak susahlah, sebab lebu-lebu raya di mana pada awalnya bila dirancang tidak ada peruntukan laluan khas motosikal, kita menasihatkan concessionaire- concessionaire supaya bahu jalan diperlebarkan dan digunakan sebagai laluan sikal.

Dan bagi menghadkan umur, walaupun ini tidak ada kena-mengena dengan Kementerian Kerja Raya, insya-Allah, kita boleh bawa perkara ini untuk diperbincangkan dengan pihak yang lebih bertanggungjawab dalam perkara ini.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada rancangan untuk mengadakan laluan khas untuk motosikal ini, adakah pihak kerajaan bercadang untuk mewartakan tempat-tempat tertentu khasnya di dalam kawasan bandar di mana tempat tersebut tidak dibenarkan untuk dilalui oleh motosikal?

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, memang belum ada rancangan sedemikian, tetapi kalau ini menjadi satu keperluan yang mustahak, boleh dipertimbangkan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tuan Chang See Ten.

*[Soalan No. 12 - Y.B. Tuan Chang See Ten [Gelang Patah] tidak hadir]*

#### PROTON - PERBEZAAN HARGA PASARAN

13. **Puan Chua Soon Bui [Tawau]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian menyatakan perbezaan harga jualan kereta Proton di pasaran dalam negeri dengan pasaran seberang laut. Apakah justifikasinya. Setakat manakah perbezaan harga itu dapat meningkatkan daya persaingan kereta Proton kita di negara-negara yang berkenaan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, Harga jualan kereta Proton di pasaran dalam negeri dengan dan di antara pasaran-pasaran seberang laut adalah berbeza. Sebagai contoh, kereta Proton Wira 1.5 Manual Sedan berharga RM45,199.24 di pasaran tempatan tetapi dijual dalam lingkungan harga RM41,535.00 di United Kingdom, RM97,734.00 di Singapura dan RM38,384.00 di Jerman. Kereta Proton Wira Automatik Aeroback pula berharga RM51,550.00 di pasaran tempatan dan dijual dalam lingkungan harga RM44,695.00 di United Kingdom, RM102,195.14 di Singapura dan RM40,784.00 di Jerman.

Tuan Yang di-Pertua, perbezaan harga jualan kereta Proton di pasaran dalam negeri dengan dan di antara pasaran seberang laut adalah sebab kereta-kereta Proton bagi pasaran tempatan adalah tertakluk kepada:

- (i) Duti Import sebanyak 13 peratus atas bungkusan-bungkusan "Completely Knock-down" (CKD); dengan izin,
- (ii) Duti Eksais yang berbeza mengikut c.c. dan nilai kereta (di antara RM4,000 hingga RM15,000);
- (iii) Cukai Jualan sebanyak 10 peratus daripada "Open Market Value" dengan izin, (nilai kereta termasuk duti import dan eksais).

Kereta-kereta yang dieksport adalah dikecualikan daripada duti dan cukai tersebut.

Selain daripada itu, perbezaan adalah juga bergantung kepada cukai-cukai dan duti-duti yang berbeza di antara pasaran-pasaran tertentu dan juga aksesori-aksesori yang berbeza dipasang mengikut permintaan sesuatu pasaran. Di samping, itu harga-harga jualan adalah juga tertakluk kepada persaingan harga di antara kereta-kereta di dalam segmen yang sama di pasaran-pasaran berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, jenama Proton adalah baru di arena antarabangsa, oleh itu terpaksa bersaing di pasaran dengan jenama-jenama lain yang telah kukuh dan mempunyai reputasi cemerlang. Namun demikian, Proton telah berjaya meningkatkan eksportnya daripada hanya 443 unit pada tahun 1987 hingga ke 19,741 unit pada 1995 dan menembusi pasaran 30 buah negara. Jumlah eksport di tahun 1996 dijangka meningkat, di mana sehingga bulan September Proton telah mengeksport sejumlah 20,487 unit kereta. Ini termasuklah ke negara-negara maju dan sedang membangun. Kejayaan ini adalah hasil daripada strategi-strategi pemasaran yang efektif termasuklah dari segi harga jualan yang kompetitif di pasaran eksport.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Saya hendak meminta penjelasan daripada Setiausaha Parlimen, mengenai prestasi jualan kereta Proton Saga di negara-negara Asean khasnya di negara Singapura. Apakah sebabnya jumlah jualan kereta Proton itu rendah jika berbanding dengan lain-lain kereta, seperti Honda dari Korea Selatan dan jika ia benar apakah tindakan yang telah diambil untuk meningkatkan jualan Proton di negara jiran?

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera, seperti saya sebutkan tadi tidak benar harga perbezaan di antara negara-negara ini standard dan di Singapura sebagai contoh, seperti yang saya sebutkan tadi Proton Wira 1.5 Manual Sedan kalau dipasarkan di negara kita berharga RM45,199.00 tetapi di Singapura jumlah harganya RM97,000.00 bermakna dua kali ganda. Mungkin ada kelemahan-kelemahan dari segi pasaran dan sebagainya dan pihak Proton sedang berusaha untuk memperbaiki cara marketing dan cara kita dapat pasarkan mengikut keadaan dan suasana dan situasi negara-negara tersebut.

Selain daripada itu, pihak Proton juga cuba sekarang ini untuk mengurangkan harga keluaran atau harga bersih kereta-kereta Proton, sebagai contoh telah berusaha untuk menambah bilangan barangan komponen tempatan di mana harga yang kita keluarkan dapat kita kurangkan lagi.

Keduanya, mendapatkan sumber komponen daripada negara-negara jiran, menerokai sumber-sumber komponen atau produk berdaya saing daripada pasaran antarabangsa atau dengan izin, global dengan harapan dengan barangan-barangan dan komponen yang lebih murah harganya kita dapat lebih kompetitif dalam pasaran-pasaran yang disebutkan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis:** Soalan tambahan. Saya nak bertanya sedikit kepada Dato' Setiausaha Parlimen, di samping itu tahniahlah menang Naib Ketua Pemuda UMNO. Ini keadaan kita ada dua paras harga, satu paras domestik dan satu paras di pasaran dunia. Adakah hanya pembuat kereta di negara kita sahaja? Saya tanya sama ada bagaimana di negeri Jepun, kita di Jepun pun harga domestik dia lebih mahal daripada harga di pasaran antarabangsa. Saya minta penjelasan adakah ini satu kaedah kita mengenakan dua peringkat harga ini bukan hanya di negara kita sahaja? Pembuat-pembuat kereta besar multi-national di negara mereka pun buat cara yang sama juga.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih sangat kepada Yang Berhormat wakil rakyat dari Rompin yang dapat membela saya dalam soalan ini. Dan saya bersetuju sangat, bahawa banyak persamaan dari segi strategi dan saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih atas sokongan beliau terhadap pertandingan saya baru-baru ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tuan Yunof Edward Meringking.

*[Soalan No.14, Y.B Tuan Yunof Edward Meringking tidak hadir]*

### LEMBAGA PERUMAHAN NEGARA - PENUBUHAN

15. **Dato' .Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis [Rompin]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah susulan daripada cadangan penubuhan Lembaga Perumahan Negara.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Saya mengucapkan ribuan terima kasih daripada Ahli Yang Berhormat daripada Rompin di atas keprihatinan beliau membangkitkan perkara ini walaupun perkara ini masih lagi di dalam perbincangan.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa pada masa ini kerajaan masih mengkaji kesesuaian dalam bidang tugas Lembaga Perumahan Negara memandangkan sebahagian besar dari keperluan perumahan bawah Rancangan Malaysia Ketujuh akan disediakan oleh pihak swasta.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]

*[Soalan No.16, Y.B Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau] tidak hadir]*

### PERTUBUHAN KESELAMATAN BANGSA-BANGSA BERSATU - REFORMASI

17. **Tuan Ong Tin Kim [Telok Intan]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kejayaan yang telah tercapai dalam usaha kita untuk mengubah constitusi "Council Keselamatan" Bangsa-Bangsa Bersatu. Apa sambutan terhadap cadangan ini dari anggota-anggota PBB.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, isu mengenai reformasi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau PBB telah giat dibincangkan sejak sesi ke-48 Perhimpunan Agung PBB tahun 1993. PBB melalui resolusinya 48/26 telah menubuhkan satu kumpulan kerja mengenai persoalan keanggotaan dan penambahan keahlian Majlis Keselamatan PBB.

Sehingga kini terdapat banyak negara termasuk Malaysia yang telah mengemukakan cadangan untuk reformasi majlis tersebut. Anggota PBB terutamanya dari negara-negara membangun berpendapat adalah wajar keanggotaan majlis tersebut iaitu ahli tetap dan ahli bukan tetap dikaji semula, untuk lebih mencerminkan keanggotaan badan dunia itu sendiri, di mana kini telah meningkat hingga 185 negara dan menjadi proses membuat keputusan yang lebih demokratik. Terdapat juga negara-negara maju seperti Jepun dan Jerman turut menyokong cadangan reformasi ini, secara amnya di samping memajukan cadangan mereka sendiri untuk menjadi ahli tetap Majlis Keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, isu ini masih lagi dibincangkan dengan tujuan mendapatkan kata sepakat mengenai penambahan jumlah keanggotaan majlis berkenaan.

### PEMBINAAN BANGUNAN BARU JPJ DI BINTULU

18. **Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada kementerian bercadang untuk membina sebuah bangunan/office JPJ baru di Bintulu. Jika ya, berapakah jumlah peruntukan dan apakah jadual pembinaan, bilakah projek itu akan siap dibina.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa projek pembinaan pejabat baru JPJ di Bintulu telah pun diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-7 dengan peruntukan sebanyak RM7 juta. Pembinaan pejabat baru JPJ Bintulu ini dijangka akan bermula pada tahun 1997 dan siap pada tahun 1998.

Termasuk Bintulu, kerajaan akan membina 22 buah pejabat JPJ di seluruh negara dalam Rancangan Malaysia Ke-7 yang menelan belanja sebanyak RM101,100 juta. Ini tambahan kepada 6 pejabat JPJ yang telah sedia ada pada masa ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tuan Liew Ah Kim.

*[Soalan No. 19 - Tuan Liew Ah Kim (Seputeh) tidak hadir]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

*[Soalan No. 20 - Tuan Lim Kit Siang (Tanjong) tidak hadir]*

#### GURU MELANJUTKAN PELAJARAN KE IPT - GAJI PENUH

21. **Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood [Kuala Krai]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah kerajaan bersedia mengkaji peraturan memotong separuh gaji yang melanjutkan pelajarannya ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) sebagaimana guru-guru yang melanjutkan pelajaran di luar negeri diberikan gaji penuh. Ini memandangkan mereka juga sudah berkeluarga, perlu membayar sewa rumah dan keperluan-keperluan lain sehingga di kalangan mereka terpaksa membuat kerja sambilan. Adakah kerajaan sedar elaun membiayai guru-guru melanjutkan pelajaran ke luar negeri boleh menampung pembelanjaan 14 guru di IPT tempatan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan supaya guru-guru yang bercuti untuk melanjutkan pelajaran bagi mendapatkan ijazah pertama diberikan cuti belajar bergaji penuh masih lagi dalam kajian Kementerian Pendidikan. Pelbagai faktor perlu diambil kira termasuk implikasi kewangan dan kemampuan negara untuk menampung kos yang amat tinggi dalam urusan seumpama ini.

Jawapan bagi soalan ke 2, kerajaan sedar elaun untuk membiayai guru ke luar negeri adalah lebih tinggi dari pembayaran ke Institusi Pengajian Tinggi Tempatan. Pada dasarnya, guru-guru yang dihantar ke institusi pengajian tinggi di luar negeri adalah untuk mendapatkan ijazah lanjutan. Jika ada yang di hantar ke luar negeri untuk ijazah pertama ianya untuk bidang yang tidak ditawarkan di institusi pengajian tinggi tempatan atau kursus kepakaran seperti kursus bahasa Inggeris dan kursus bahasa asing yang lain.

#### PUSAT TAHANAN SEMENTARA - PENDATANG ASING ANPA IZIN

22. **Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa banyakkah pusat tahanan sementara (PTS) yang telah dibina di Sabah dan di tiap-tiap negeri dalam negara ini bagi menempatkan pendatang asing tanpa izin yang menimbulkan pelbagai masalah sosial, keselamatan dan kewangan kepada negara ini; dan
- (b) nyatakan jumlah pendatang haram mengikut warganegara mereka yang terdapat di tiap-tiap negeri dalam Malaysia.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Terdapat 10 depot imigresen atau Pusat Tahanan Sementara (PTS) seperti yang di dalam soalan, iaitu 8 buah di Semenanjung Malaysia dan dua buah di Sabah iaitu seperti berikut: Pusat Tahanan Sementara Sandakan, Sabah; Pusat

Tahanan Sementara Tawau; Depot Tahanan Imigresen Semenyih; Lenggeng; Machap; Pekan Nanas; Kemayan; Tanah Merah; Langkap dan Juru di Pulau Pinang.

- (b) Kerajaan tidak mempunyai rekod tentang jumlah sebenarnya pendatang haram mengikut warga negara yang terdapat di negeri-negeri dalam Malaysia. Mana-mana pendatang asing tanpa izin ini jika ditangkap akan diusir terus ke negara asal atau ditahan di depot imigresen sementara menunggu masa pengusiran mereka.

#### RUMAH KOS RENDAH - JUMLAH YANG DIBINA

23. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah keseluruhan rumah-rumah kos rendah yang siap dibina pada tahun ini sahaja dan bagaimanakah permohonan-permohonan untuk membeli rumah kos rendah ini dikendalikan. Bagaimanakah kementerian bercadang untuk mengatasi masalah penjualan rumah kos rendah kepada mereka yang lebih berkemampuan untuk membeli rumah-rumah biasa.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menganggarkan sejumlah 20,000 unit rumah akan disiapkan pada tahun ini oleh pihak awam dan swasta. Kerajaan-kerajaan negeri sedang melaksanakan sistem pendaftaran terbuka bagi memilih pemohon-pemohon yang layak membeli rumah kos rendah.

Sistem ini mengambilkira jumlah pendapatan, tanggungan dan keadaan perumahan sekarang di antara lain sebagai kriteria-kriteria yang diberi markah dan pertimbangan untuk membeli rumah kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh kerajaan menggalakkan pembinaan rumah kos sederhana rendah yang berharga di antara RM25,001 hingga RM60,000 satu unit bagi golongan yang lebih berkemampuan membeli rumah supaya mereka ini tidak perlu mensasarkan juga rumah kos rendah.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada membuat satu kenyataan bahawa rumah-rumah kos rendah akan dikaji semula harganya selaras dengan lokasi dan harga tanah di mana projek itu dibina. Bilakah pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan mengkaji syor Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan bilakah perkara ini akan dilaksanakan?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, di kementerian sebuah jawatankuasa kecil telah pun ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian bagi menyemak kembali supaya satu kertas kerja dapat dibentangkan di Kabinet oleh kerana bertetapan sekali dengan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adalah sukar bagi kawasan-kawasan di Lembah Kelang, Johor dan Pulau Pinang untuk menjual rumah kos rendah atau pun rumah pangsa rakyat dengan harga RM25,000 seunit. Dengan adanya pertimbangan yang baru ini, kementerian merasakan bahawa pembinaan rumah kos rendah di kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi iaitu Lembah Kelang, Johor dan Pulau Pinang akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun selesai.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 7, 9, 12, 14, 16, 19, 20 dan 24 hingga 37 akan dijilid dalam buku berasingan]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN  
(1996) (NO.2) 1996****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.) (BIL.3) 1996****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996)(No.2) 1996 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan)(Bil.3) 1996 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."  
*[Hari Kedua]*

**Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.**

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, dari Balik Pulau diminta sambung.

**3.37 ptg.**

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, cuma ada dua tiga perkara yang ringkas yang ingin saya bangkitkan. Tuan Pengerusi, yang pertamanya ialah mengenai program atau pun perancangan Kementerian untuk menangani masalah keciciran di peringkat di antara peringkat PMR dan tingkatan empat sekarang ini di sekolah, misalnya di beberapa sekolah di kawasan saya, kadar keciciran di antara PMR dan juga tingkatan empat ada yang sampai 20% ke atas, lebih 23% pun ada. Ini walaupun pada tahun yang lepas telah diperlonggarkan syarat-syarat untuk pelajar yang mengambil PMR meneruskan pelajaran pada tingkatan empat. Kita dapati bahawa jika kadar keciciran pada peringkat ini tidak dapat kita tangani dengan berkesan maka mereka ini akan terkeluar ke dalam pasaran buruh dengan hanya berbekalkan pendidikan formal selama 9 tahun dan tidak mempunyai asas-asas yang kuat untuk pasaran kemudiannya melatih atau meningkatkan kemahiran mereka untuk membolehkan mereka memasuki pasaran buruh pada tahap yang bermakna.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, berkaitan dengan perkara ini ialah tentang rancangan Kementerian untuk menukar taraf sekolah-sekolah vokasional yang ada sekarang ini kepada sekolah-sekolah menengah teknik. Dalam konteks kita cuba mengeluarkan lebih banyak lulusan dalam bidang sains dan teknologi khususnya dalam konteks kita ingin memperbanyakkan lulusan-lulusan dalam bidang kejuruteraan, ini adalah langkah yang baik. Tetapi dalam segi yang lain, khusus dalam konteks yang saya timbulkan tadi, saya rasakan bahawa walaupun kita perlu perubahan kurikulum yang lebih kepada sekolah menengah teknik yang lebih regress sedikit dia punya pendedahan kepada bidang-bidang asas seperti sains matematik dan sebagainya, tetapi kurikulum yang sedia ada, yang dibekalkan oleh sekolah-sekolah menengah vokasional ini kita rasakan juga mempunyai tempat dalam keadaan hari ini. Walaupun pada mula ia diperkenalkan dahulu, sekolah menengah vokasional ini dilihat sebagai sebuah sekolah yang macam safety net, salvage programme punya kurikulum tetapi kita dapati bahawa hari ini pembekalan kemahiran yang dapat diperolehi oleh pelajar-pelajar yang melalui Sijil Menengah Vokasional ini, kita rasakan dia mempunyai tempat dalam perancangan pembangunan sumber manusia di masa-masa yang akan datang.

Tidak semestinyalah apabila kita mengubah kurikulum dari sekolah vokasional ini kepada sekolah menengah teknik, maka keperluan kemasukan ataupun tahap kelulusan untuk pelajar-pelajar lepasan PMR untuk masuk ke sekolah-sekolah

ini akan menjadi lebih tinggi atau pun lebih ketat daripada apa yang ada sekarang untuk memasuki sekolah menengah vokasional. Kita khuatir, walaupun kita tahu bahawa.....

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya.

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:** Tuan Pengerusi, sebagai penjelasan, minta pandangan dari Yang Berhormat dari Balik Pulau sama ada dia bersetuju kalau pihak kerajaan menggantikan sekolah-sekolah vokasional yang ditingkatkan taraf kepada sekolah-sekolah teknik dengan diwujudkan siri sekolah-sekolah komuniti ataupun Community Colleges seperti di Amerika Syarikat di tiap-tiap kawasan parlimen ataupun daerah-daerah di dalam negara kita.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Terima kasih Yang Berhormat dari Wangsa Maju. Jadi, itu satu saranan yang baik. Sebenarnya kita bukan tidak bersetuju untuk menukar sekolah-sekolah vokasional ini kepada sekolah menengah teknik, tetapi dua masalah yang timbul ialah bagaimana kita hendak menangkap lebih ramai yang memasuki aliran vokasional dan teknikal ini. Kalaulah kita hendak hapuskan sekolah-sekolah menengah vokasional ini, apakah dia alternatif yang akan dikemukakan oleh kementerian, pertama untuk memastikan kadar keciciran lepasan PMR ke tingkatan empat ini berkurangan?

Yang kedua, untuk memastikan bahawa hasrat kita untuk mengeluarkan lebih ramai lagi lulusan sekolah menengah yang mempunyai kemahiran vokasional, kalau pun tidak dibekalkan dengan kemahiran pendidikan. Jadi, seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Wangsa Maju tadi, pertama, mungkin institutional arrangement yang kita boleh buat ialah dengan kita perkenalkan sistem kolej-kolej komuniti ini yang ada tempatnya dalam masyarakat dan ada orang-orang yang tertentu yang akan melalui jalan tersebut untuk mendapatkan kelulusan yang lebih tinggi.

Ada orang yang masuk saluran lain, iaitu saluran selepas tingkatan tiga, masuk ke tingkatan empat aliran sains, ada yang ke sekolah menengah teknik dan sebagainya. Hakikatnya, kita cuba melakukan perubahan yang boleh menangkap dan memastikan seramai mungkin orang pergi meningkat ke tahap yang seterusnya.

Saya perhatikan misalnya dalam kawasan saya di Sekolah Menengah Vokasional yang mana lulusan Sekolah Menengah Vokasional itu diiktiraf dari segi keupayaan latihan yang diterima oleh majikan di kawasan kilang-kilang di Bayan Lepas yang mana lepasan sekolah-sekolah menengah ini akan mendapat gaji pada entry point yang lebih tinggi daripada guru-guru yang mengajar mereka di sekolah-sekolah yang tersebut sendiri.

Jadi, ada tempatnya dan kita merasakan bahawa kalau ada kolej-kolej komuniti ini yang menjurus kepada latihan seperti latihan yang profesional ataupun separa profesional yang diiktiraf oleh undang-undang, misalnya kalau ada community college yang boleh melatih pelajar untuk memasuki peperiksaan untuk menjadi Chargeman, untuk menjadi Boilerman, untuk menjadi Wireman ataupun untuk memperolehi keupayaan untuk menduduki peperiksaan seperti City and Guild, ini semua kelulusan yang diiktiraf oleh pihak swasta dan yang diiktiraf oleh majikan-majikan.

Saya tidak tahu sama ada ianya diiktiraf - Chargeman dan Boilerman itu memanglah diiktiraf oleh industri, tetapi yang macam C&G yang saya katakan tadi, ini ialah kelulusan yang agak universal yang diterima oleh majikan-majikan dan pihak swasta di kilang-kilang dan sebagainya.

Kita rasakan bahawa usaha ke arah ini boleh menjadi satu usaha untuk kita mengurangkan keciciran, memperbanyakkan pelajar-pelajar menyambung pelajaran untuk mendapat pendidikan lanjutan, khususnya dalam bidang-bidang separa mahir ataupun separa profesional ini.

Perkara yang kedua yang ingin saya timbulkan, seperti yang saya pernah bangkitkan dan baru-baru ini saya dimaklumkan dan saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan kerana dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini, kawasan saya yang saya dok bising terdapat kesuntukan dari segi kemudahan bilik-bilik darjah di sekolah dan sebagainya, telah dibekalkan dengan tujuh buah sekolah di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, ini adalah satu langkah yang kita alu-alukan dan diucapkan terima kasih.

Pada masa saya timbulkan masalah tersebut awal dahulu, satu perkara yang kita bangkitkan ialah kita merasakan walaupun kementerian mempunyai tempoh waktu yang agak lama untuk mereka membuat unjuran keperluan bilik darjah berdasarkan pertumbuhan natural ataupun apa juga dan juga pendaftaran yang dikehendaki dilakukan pada masa umur kanak-kanak itu baru dua tahun, maknanya kementerian sudah ada satu Rancangan Malaysia Lima Tahun untuk melakukan persiapan, tetapi kita rasakan kadang-kadang terdapat juga kesuntukan pembekalan bilik-bilik darjah ataupun sekolah-sekolah tambahan yang berlaku apabila kementerian melaksanakan program pembangunan ini.

Jadi saya rasa mungkin ada masalah dari segi pengambilan balik tanah atau sebagainya, tetapi dalam konteks yang tersebut, saya ingin juga bertanya adakah kementerian mengambil kira sekarang ini dengan kewujudan sehingga hampir 3 juta pendatang asing dalam negara kita ini, bukanlah semua mereka itu berkahwin ataupun berkeupayaan untuk mempunyai anak, tetapi kehadiran mereka ini sudah tentu menimbulkan permintaan dari segi pembekalan ini.

Jadi soalan yang saya ingin kemukakan ialah, adakah kementerian mengambil kira pertambahan permintaan bilik-bilik darjah yang tercetus dari kehadiran anak-anak pekerja asing ini, sama ada yang haram ataupun tidak dan jika kerajaan ataupun kementerian mengambil kira kehadiran mereka dalam perancangan kerajaan, maka adakah ini pula merupakan satu pengakuan bahawa daripada awal lagi kita merancang bahawa kehadiran pekerja-pekerja ini akan disusuli dengan kehadiran anak-anak mereka pula di dalam sistem pendidikan kita hari ini?

Perkara yang terakhir yang ingin saya timbulkan.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Ya, hendak gulung. Ini permintaan daripada Institut Perguruan Darulaman, kampus asal universiti saya dahulu. Seperti yang kementerian sedia maklum, sekarang ini ada kursus Diploma Perguruan Khas yang diadakan bertujuan untuk mensiswazahkan sebanyak mungkin guru-guru di sekolah-sekolah menengah. Kursus yang dikendalikan itu intakenya pada bulan Julai dan habis pada bulan Julai.

Ada ditimbulkan permasalahan apabila mereka lulus kursus Diploma ini, mereka boleh terus masuk ke Tahun Kedua di universiti-universiti tempatan dan difahamkan bahawa Mesyuarat Lembaga Naib-naib Canselor telah bersetuju tentang perkara ini.

Ditimbulkan persoalan jika kemasukan ke universiti pada tahun 1997 adalah pada bulan Mei, jadi mereka ini akan hanya tamat pada bulan Julai. Jadi, terdapat mismatch dari segi tarikh akhir mereka tamat kursus dan tarikh kemasukan ke universiti-universiti tempatan. Maka mereka merasa runsing dan bimbang tentang kedudukan mereka. Adakah mereka terpaksa menangguhkan kemasukan mereka hingga bulan Mei tahun 1998 ataupun ada pertimbangan-pertimbangan lain yang diberi oleh Kementerian Pendidikan? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tanjong.

3.49 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Pengerusi, telah menjadi sesuatu yang sangat common place bagi para menteri bercakap tentang era maklumat dan revolusi

teknologi maklumat. Bagaimanapun, sekiranya Malaysia ingin mengorak langkah besar dan mendapat peningkatan yang besar untuk maju ke era maklumat, maka negara kita mestilah bergerak lebih mendalam dari hanya bercakap-cakap besar atau hike tentang teknologi maklumat dan melakukan kerja-kerja konkrit untuk memupuk celik komputer atau computer literacy di kalangan rakyat Malaysia.

Dalam segi ini, Kementerian Pendidikan mesti memainkan satu peranan yang utama untuk memastikan bahawa generasi baru Malaysia yang kini berada di dalam universiti, sekolah menengah dan rendah semuanya akan menjadi computer literate dan efisien supaya membawa Malaysia masuk ke era maklumat.

Bagaimanapun, universiti-universiti kita sendiri kini masih lagi berada di peringkat di mana cakap-cakap besar (high) lebih ketara daripada kerja sebenar untuk melahirkan graduan-graduan yang computer literate. Sebagai contohnya, Universiti Kebangsaan Malaysia, para pelajar tidak berhak untuk mendapat satu akaun E-mail persendirian secara automatik. Sungguhpun cakap-cakap besar (high) mengenai Rancangan Induk Teknologi Maklumat UKM (1994-2002) dengan misi menyediakan teknologi maklumat terkini untuk warga universiti telah dua tahun dilaung-laungkan.

Mengikut dasar UKM yang tersebut ini, pelajar di tahun pertama dan tahun ketiga hanya akan diberikan akaun E-mail mengikut keperluan kursus mereka dan tanggungjawabnya terletak di atas bahu pensyarah. Tetapi akaun E-mail ini terpaksa dikongsi oleh beberapa orang pelajar dan bukannya akaun peribadi. Pelajar di tahun empat juga perlu bergantung kepada keperluan kursus mereka untuk membuat permohonan, sungguhpun mereka mungkin akan dapat akaun E-mail peribadi sekiranya mendapat sokongan dari pensyarah kursus mereka. Akaun-akaun E-mail ini akan ditarik balik sekiranya tidak lagi wujud keperluan dalam kursus-kursus mereka.

Sebenarnya, ada pensyarah-pensyarah Teknologi Maklumat di Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat di UKM yang tidak mempunyai akses E-mail, jauh lagi mendapat akses ke Internet, kononnya kerana wujud masalah configuration talian.

Bagaimanakah UKM boleh buktikan bahawa ianya memang serius tentang teknologi maklumat sedangkan pensyarah-pensyarah teknologi maklumatnya sendiri masih tidak mendapat akses E-mail - tanpa kira apa alasan yang diberikan?

Perkara ini sungguh tidak memuaskan dan retrogressive bila dibandingkan dengan universiti-universiti di lain-lain negara yang serius tentang teknologi maklumat. Seorang pelajar Malaysia yang menuntut di University Emory di Atlanta, sebagai contohnya, telah memberitahu saya bahawa semua pelajar di sana adalah berhak mendapat dua akaun E-mail automatik - satu di akaun Internet biasa dan satu lagi melalui apa yang disebut sebagai learnlink (sejenis rangkaian intranet) yang masih boleh menghantar E-mail ke Internet. Para profesor dan pensyarah-pensyarah universiti akan memaparkan bahan-bahan nota, gred, pengumuman dan sebagainya di atas learnlink. Ini menyebabkan akaun E-mail sama penting seperti telefon.

Bagaimanapun masalah di UKM bukanlah sekadar pemberian akaun-akaun E-mail kepada para pelajar, tetapi kekurangan komputer bagi mereka yang mempunyai akaun E-mail untuk menggunakan kemudahan E-mail mereka.

Tambahan lagi, wujudnya masalah akses ke Internet, kerana bukan semua komputer di UKM disambung ke net. Pelajar-pelajar di sesetengah fakulti di UKM, seperti Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat, Fakulti Fizik Gunaan dan Fakulti Sains Matematik adalah lebih bernasib baik kerana komputer di fakulti-fakulti mereka disambung ke Internet. Para pelajar dari aliran sastera pula kehilangan exposure - peluang exposure ini.

Di dalam perpustakaan Tun Sri Lanang UKM, hanya terdapat dua komputer peribadi yang disambung ke Internet dan para pelajar terpaksa berbaris, ada masanya lama sampai satu jam sebelum berpeluang menggunakan komputer di perpustakaan UKM untuk mendapat akses ke Internet. Sering kalinya - kadangkalanya komputer di perpustakaan UKM ini rosak setahun dan tidak dapat digunakan.

Sekiranya Malaysia benar-benar berminat untuk mendahului peningkatan besar masuk ke era teknologi maklumat, maka ia seharusnya melancarkan quantum leap yang pertama dengan menjadikan rakyat Malaysia, terutama sekali generasi muda kini di universiti dan sekolah menjadi computer literate dan computer efficient.

Biarlah semua universiti di Malaysia mempunyai program kilat untuk memperluaskan kemudahan-kemudahan di semua universiti tempatan supaya pada akhir tahun depan semua universiti tempatan akan secara automatiknya menawarkan akaun E-mail kepada setiap orang pelajar. Semua pelajar universiti harus mendapat akses ke Internet sama ada di perpustakaan, fakulti ataupun asrama mereka dan ini akan bererti universiti-universiti tempatan perlu menambahkan sejumlah besar bilangan komputer di dalam kampus mereka. Di samping itu, kita juga perlu memastikan bahawa peningkatan besar ke arah era teknologi maklumat juga berlaku di dalam sekolah-sekolah.

Kementerian Pendidikan harus menimbangkan secara seriusnya untuk membentuk sasaran yang tegas bahawa sampai ke tahun 2000 kesemua 8,500 buah sekolah akan disambungkan ke Internet.

Pada masa kini, peratusan 250,000 guru-guru di sekolah-sekolah menengah dan rendah di Malaysia yang mendapat akses ke Internet amatlah rendah. Sebenarnya bukanlah sesuatu yang ganjil sekiranya kita mendapati adalah di antara pelajar-pelajar kita kini yang memiliki kebolehan celik komputer yang lebih baik daripada guru-guru mereka.

Teknologi maklumat akan menafsir semula perhubungan di antara guru dan pelajar, mengubah peranan guru. Bagaimanapun guru-guru tidak akan dapat memimpin pelajar-pelajar mereka di dalam perhubungan baru ini sekiranya mereka sendiri tidak menjadi biasa dan mahir dalam teknologi maklumat lebih dahulu.

Oleh sebab itu, Kementerian Pendidikan harus melancarkan satu rancangan teknologi maklumat tiga-rambang untuk memastikan bahawa 250,000 guru di negara ini computer literate dan mendapat akses ke Internet pada tahun 2000 supaya mereka dapat memimpin generasi baru kita ke arah era maklumat dan rancangan ini harus mengandungi elemen-elemen berikut:

- (i) satu program latihan guru yang khas untuk menjadikan setiap guru sekolah menengah dan rendah computer literate pada tahun 2000;
- (ii) satu skim pinjaman khas untuk menggalakkan dan membekalkan insentif bagi 250,000 guru untuk membeli komputer peribadi; dan
- (iii) satu pakej diskaun khas kepada 250,000 guru untuk melanggan ke Internet.

Saya tahu bahawa cadangan-cadangan ini akhirnya akan, bottom line ialah bergantung kepada wang dan inilah mengapa saya akan menyeru supaya Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan memastikan Belanjawan yang akan dibentangkan di Parlimen pada hari Jumaat ini akan merupakan satu Belanjawan IT (teknologi maklumat) yang akan menyerap objektif-objektif teknologi maklumat yang telah saya gariskan ini untuk menyediakan Malaysia mengambil langkah besar meningkatkan era maklumat dengan memupuk kadar celik komputer dan juga.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Dan percakapan yang tinggi....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** .... tahulah, saya tidak akan ..... a bukan! Yang tinggi.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Minta penjelasan....

**Tuan Lim Kit Siang:** Di kalangan rakyat Malaysia.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Penjelasan! penjelasan!

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau saya ada masa.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat tetap 10 minit.

**Tuan Lim Kit Siang:** Inilah.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Boleh?

**Tuan Lim Kit Siang:** Pengerusi BBC minta lebih masa untuk semua oranglah.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya hendak minta penjelasan. Beri atau tidak?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ha! kita keluar - cakap. Akhirnya satu tajuk yang sama disebut ialah saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu Dewan ini, sama ada tindakan diambil terhadap sebuah sekolah menengah di Selayang di mana dalam kertas peperiksaan ada terdapat perkataan-perkataan yang sangat sensitif ada digunakan terhadap komuniti India. Ini bukan satu masalah komuniti India sahaja, tetapi ini adalah satu masalah Malaysia di mana 'Paria' digunakan, bukan sahaja tidak tepat, tidak betul, tidak mengikut kurikulum, tidak mengikut kursus sejarah, tetapi sangat offensive, dengan izin, untuk satu masyarakat majmuk khususnya.

Kita mahu guru-guru kita lebih sensitif kepada isu semacam ini dan sama ada Kementerian Pendidikan sudah mengambil tindakan terhadap guru-guru tersebut sama ada menggantung jawatannya atau lain-lain. Tindakan juga hendaklah diambil supaya perkara-perkara semacam ini yang menyakitkan hati satu komuniti tidak akan dibenarkan lagi berlaku.

Sekarang kita boleh beri tempat untuk penjelasan kalau Yang Berhormat dari Parit Sulong mahu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau ada masa lagi.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat masa sudah suntuk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oh! masa sudah suntuk. Saya mahu beri, sekarang saya beri.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ini masa sudah suntuk untuk Yang Berhormat dari Tanjong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh beri, saya beri. Sekarang saya beri.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Okay, Tuan Pengerusi, saya cuma ingin.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nampaknya Tanjong sudah habis berucap.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Dia beri atau tidak?

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya beri - saya beri.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tetapi masa sudah suntuk.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Baik, hendak suruh saya berucap?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ha! terus - terus, saya beri. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ini tidak kena, Yang Berhormat. Ya, Tanjong Karang.

**4.00 ptg.**

**Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana membenarkan saya bersama mengambil bahagian dalam membincangkan B.26 - Kementerian Pendidikan. Oleh kerana masa yang diberi hanya 10 minit, saya ingin menyentuh hanya 3 perkara.

Yang pertama ialah mengenai syarat kemasukan guru perempuan ke maktab-maktab perguruan yang amat memeranjatkan saya. Kerana saya telah didatangi oleh dua-tiga orang pengundi di kawasan saya, yang mana mereka ini telah ditawarkan untuk memasuki maktab perguruan. Tetapi oleh kerana semasa mendaftarkan diri, beliau ini mengandung, didapati positif setelah urine test dibuat, maka bakal guru ini telah tidak dibenarkan mengikuti kursus di maktab perguruan. Yang tadi itu mengandung sebelum masuk.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, seorang guru yang sedang mengikuti latihan mengajar, yang mana sewaktu mengikuti latihan mengajar, mungkin dia sudah plan dia boleh bersalin selepas tamat latihan mengajar. Tetapi oleh kerana pihak penyelia mendapati dia mengandung sewaktu mengambil latihan mengajar, maka guru tersebut telah tidak dibenarkan ataupun tidak diberi sijil ataupun tidak dibenarkan untuk mendapatkan diplamanya.

Tuan Pengerusi, dua keadaan ini kalau kita lihat amat menyedihkan. Kerana semasa tawaran ataupun iklan dibuat, tidak ada pun disebut bahawa guru yang berumah tangga ini tidak boleh memohon untuk memasuki maktab. Orang perempuan apabila bersuami yang sah dan telah pun mengandung, kalau disebabkan hendak memasuki maktab perguruan terpaksa menggugurkan kandungannya, bukankah ini satu perkara yang amat malang.

Saya rasa kalau undang-undang ataupun peraturan ini dikuatkuasakan oleh Bahagian Latihan Guru, pada pendapat saya ini adalah satu peraturan yang bertentangan dengan hak asasi manusia dan juga agama kita. Bagaimana kita hendak melarang guru yang telah bersuami dengan sah, kemudian mengandung, kita tidak benarkan dia mengandung. Kerana kita dapati daripada latihan guru ini apabila seorang menjadi guru, ramai juga guru-guru yang telah lulus, yang sedang mengajar ini juga mengandung. Saya tidak nampak alasan mengapa hanya guru pelatih saja tidak dibenarkan mengandung, sedangkan guru biasa boleh mengandung sedangkan latihannya dan waktu mengajarnya sama.

Jadi, kalau peraturan ini masih berkuatkuasa, saya merayu demi kepentingan hak asasi manusia dan juga agama kita, peraturan ini tidak seharusnya dikuatkuasakan. Kalau betul-betul hendak dikuatkuasakan, buat satu syarat bahawa tidak dibenarkan mana-mana pemohon yang berumah tangga tidak dibenarkan untuk memasuki maktab perguruan. Jadi, ini satu kes aniaya kepada guru-guru yang telah gembira mendapat tawaran, tiba-tiba kerana dia mengandung, tidak diberitahu lebih awal maka dia tidak dibenarkan mengikuti kursus, dan terpaksa tunggu satu tahun. Jadi, kalau dia hendak plan setahun satu anak pun tak boleh, Tuan Pengerusi. Kalau masuk maktab terpaksa dia tangguh dan terpaksa membuat perancang keluarga.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, mengenai peruntukan pusat sumber di sekolah-sekolah rendah. Saya tidak berhajat hendak bercakap fasal Internet, E-mail komputer sepertimana yang dikatakan oleh Tanjong, kerana saya wakil rakyat kampung. Kita amat sedih melihat pusat sumber di sekolah-sekolah luar bandar amat daif sekali. Apakah benar tidak ada peruntukan yang mencukupi. Bagaimana kita hendak menggalakkan budaya membaca kalau daripada sekolah rendah mereka ini telah didedahkan dengan suasana ataupun keadaan pusat sumber yang begitu daif sekali, dari segi bukunya. Saya sempat melawat beberapa buah sekolah rendah, bukunya kalau kita tengok tidak ada kualiti. Tidak ada yang boleh menarik minat kanak-kanak

sekolah untuk membaca. Kemudian di bilik darjahnya, peralatannya hanya disusun di atas-atas meja. Tidak ada rak buku yang cantik.

Jadi, kalau suasana macam ini kita tidak banteras daripada mula, amat malang kepada pelajar-pelajar luar bandar. Sedangkan kita ingin melihat supaya kemudahan pelajaran ini diberi sama adil. Kita ingin menggalakkan kanak-kanak kita khususnya di luar bandar ini yang masih kecil lagi patut ditanamkan satu semangat supaya minat membaca, supaya budaya membaca menjadi satu budaya kepada semua pelajar-pelajar. Jadi, kita harap seandainya peruntukan ini tidak ada peruntukan khas, maka Kementerian Pendidikan mesti menitikberatkan peruntukan untuk pusat sumber di sekolah rendah khususnya di sekolah luar bandar supaya kanak-kanak kita lebih berminat untuk belajar.

Yang ketiga, mengenai peruntukan sukan. Tiada peruntukan sukan yang diberi melalui Majlis Sukan Sekolah-sekolah Daerah (MSSD). Ini pun satu perkara yang mendukacitakan. Saya difahamkan bahawa peruntukannya amat terhad dan kurang. Hanya terletak kepada inisiatif guru tersebut. Kalau guru itu ditugaskan untuk melatih ataupun membimbing satu pasukan olahraga ataupun bola sepak ataupun apa-apa jenis sukan, maka terpulang kepada inisiatif guru tersebut bagaimana membimbing ataupun memajukan sukan yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka. Ini kerana peruntukannya tidak ada. Saya amat kasihan melihat guru-guru yang di peringkat daerah ini membuang masa....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Noh bin Omar:** Tak mengapa, saya bagi.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Sedikit saja. Adakah Yang Berhormat dari Tanjong Karang sedar bahawa kadang-kadang wakil rakyat terpaksa diperah untuk membiayai program-program MSSD/MSSN di peringkat kawasan dan daerah?

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Pengerusi, sahabat saya dari Parit Sulong sudah nampak apa yang saya hendak cakap. Sebenarnya inilah yang menimbulkan masalah. Masalahnya kita beri peruntukan tiada masalah Yang Berhormat. Ini duit peruntukan kerajaan. Tetapi yang kita hendak bincang ini bagaimana usaha yang bersungguh-sungguh yang ditunjukkan oleh pihak Kementerian Pendidikan. Memang benar, sebagai wakil rakyat, mereka tidak ada tempat pilihan. Kalau guru itu baik dengan wakil rakyat ataupun dia biasa dengan kita, mungkin tidak ada masalah, kita boleh beri peruntukan. Tetapi peruntukannya tak terberi, Yang Berhormat. Sebabnya bukan saja satu jenis sukan, tetapi berbagai-bagai jenis sukan, sampai bola baling pun minta dengan kita, bola lisut. Olahraga sudah jadi perkara biasa. Sukan-sukan yang terkenal jadi perkara biasa. Ini dengan silat olahraga lagi, kalau hendak bagi memang tidak cukup. Bagi kepada MSSD habis peruntukan wakil rakyat.

Kita sekarang bercakap untuk kecemerlangan sukan, ingin melatih dan melahirkan bakal-bakal ahli sukan yang cemerlang. Jadi, kalau daripada sekolah rendah, di pihak sekolah tidak dilatih, tidak diberi penumpuan yang begitu prihatin, bagaimanakah kita ingin melahirkan generasi sukan ataupun ahli-ahli sukan yang terbaik di masa-masa akan datang. Hanya tertakluk kepada kebijaksanaan guru. Kadang-kadang kita kasihan tengok guru-guru ini. Sudahlah masa dia buang di tengah padang, melatih. Kemudian kecek sendiri. Tetapi pihak kementerian tidak memberikan perhatian yang sewajarnya. Oleh itu, kita ingin mencadangkan supaya peruntukan ini patut ditumpukan kepada kanak-kanak di peringkat muda lagi kalau kita ingin melahirkan satu golongan ahli sukan yang terbaik di Malaysia. Kalau tidak, pihak-pihak sekolah ini mengadakan sukan seperti tangkap muat saja, 'melepaskan batuk di tangga.'

Kalau kita bandingkan acara sukan yang dibuat di peringkat-peringkat sekolah, di waktu saya sekolah dahulu dengan sekarang ini, apabila kita pergi

merasmikan sukan di sekolah-sekolah kita rasa sedih, sudah tidak ada glamour lagi. Kadang-kadang sukan yang betul-betul olahraga sudah tidak ada. Mereka buat sukan rakyat, sukaneka. Sukaneka ini KEMAS bolehlah buat. Ini kadang-kadang di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah pun buat sukan itu. Alasannya tidak ada duit, tak ada peruntukan. Jadi, kita berilah sedikit boleh. Tetapi kalau tidak ada keprihatinan di pihak sekolah untuk melatih, membimbing murid-murid ini berminat di dalam sukan, bagaimana kita hendak melahirkan ahli-ahli sukan, kerana ini semua bermula daripada sekolah.

Oleh itu, kita harap supaya kalau kita ingin melihat negara kita ini mencapai kejayaan yang cemerlang dan seimbang di dalam pendidikan dan juga sukan, maka perhatian mestilah ditumpukan. Kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, sukan ini jadi melepas batuk di tangga dan kita dapati banyak sekolah sekarang ini buat sukan dua tahun sekali. Dia tak buat tiap-tiap tahun, dua tahun sekali kerana tidak ada peruntukan. Di peringkat sekolah dia tidak ada mood, di peringkat daerah dia tidak ada mood, mungkin di peringkat negeri pun dia tidak ada mood hendak buat sukan kerana membebankan mereka. Maka sampai bilakah perkara ini kita hendak hadapi dan bagaimanakah caranya untuk kita sama-sama melahirkan ahli sukan yang cemerlang. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Melaka, selepas itu kementerian menjawab.

**4.10 ptg.**

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, saya ingin turut mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Anggaran Perbelanjaan di peringkat Jawatankuasa dan saya ingin merujuk kepada Bekalan B.26 - di mana sebanyak RM299,362,000.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin bertanya sejauhmanakah pendirian pihak Kementerian Pendidikan terhadap rancangan dan cadangan kerajaan Negeri Melaka untuk memindahkan 9 buah sekolah di Negeri Melaka daripada kawasan Bandar Hilir dan juga di kawasan antara Jalan Tengker dan Jalan Gajah Berang kerana atas alasan kesesakan trafik. Saya difahamkan bahawa pihak Kementerian Pendidikan belum mengambil pendirian tentang perkara ini dan telah mengeluarkan perasaan bimbang tentang cadangan pihak kerajaan negeri, tetapi nampaknya Kerajaan Negeri Melaka begitu bertekad dan begitu komited untuk menjalankan pemindahan sekolah-sekolah tersebut.

Tuan Pengerusi, di sini perlu diingatkan bahawa di antara institusi sekolah yang terlibat adalah beberapa institusi yang bersejarah seperti St. Frances Institution, sebuah sekolah yang ada kaitan secara langsung dengan sejarah Negeri Melaka. Saya harap di sini bahawa pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga seorang wakil rakyat daripada Negeri Melaka akan mengambil kira pandangan yang dikeluarkan oleh ibu bapa dan juga bekas-bekas murid sekolah St. Frances Institution. Pada masa yang sama ada juga sebuah sekolah dari Jenis Kebangsaan (China) Notterdam, ialah salah sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) untuk pelajar-pelajar perempuan yang tinggal di Melaka yang juga akan menghadapi perpindahan.

Saya harap pihak kementerian boleh mengambil pendirian tegas meminta supaya kerajaan negeri tidak menjalankan cadangan mereka kerana ini akan menimbulkan banyak masalah kepada para murid dan juga kepada ibu bapa mereka, kerana kalau dipindahkan, ia akan dipindahkan ke suatu tempat yang agak jauh dan adalah susah untuk ibu bapa menghantar anak-anaka mereka ke sekolah-sekolah yang berhampiran dengan rumah kediaman mereka. Saya rasa di sini sudah sampai masanya bahawa pihak Kementerian Pendidikan tidak boleh berdiam diri lagi, haruslah mengambil satu pendirian, haruslah berdialog dan mengambil kira perasaan atau panangan yang dikeluarkan oleh ibu bapa supaya satu penyelesaian yang baik, yang elok boleh dicapai.

Tuan Pengerusi, pada masa yang sama, saya juga ingin bertanya tentang proses pengkorporatan universiti-universiti. Sungguhpun perkara ini telah di bawa oleh

Yang Berhormat Menteri Pendidikan, tetapi banyak jaminan Menteri Pendidikan bahawa skim atau dasar pengkorporatan ini akan dijalankan dengan terbuka dan telus tetapi banyak kakitangan universiti tidak boleh mendapat butir-butir terperinci mengenainya dan saya tidak tahu mengapa persatuan-persatuan, seperti Persatuan-persatuan Kakitangan, termasuk pensyarah-pensyarah universiti tidak boleh diberikan maklumat tentang dasar yang akan dijalankan oleh pihak Kementerian Pendidikan dan di sini timbul pula perasaan bimbang, bahawa kesan utama daripada pengkorporatan ini adalah kenaikan bayaran untuk penuntut-penuntut yang belajar di universiti.

Ini merupakan, saya rasa, satu kesan yang kita memang duga akan berlaku kerana semua skim penswastaan atau pengkorporatan yang dijalankan oleh pihak kerajaan telah mengakibatkan kenaikan kadar bayaran yang dibayar oleh pengguna. Tidak ada satu jenis perkhidmatan pun, di mana perkhidmatan atau kadar bayaran yang dikenakan diturunkan dan ini berlawanan dengan dasar yang ingin dicapai, iaitu satu daripada faedah utama iaitu mengurangkan kos dan memberikan faedah kepada para pengguna. Ini nampaknya bercanggah dengan dasar penswastaan dan pengkorporatan oleh pihak Kementerian Pendidikan.

Pada masa yang sama, saya juga ingin bertanya pihak kementerian tentang enrolmen pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi di negara kita. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan butir-butir tentang pelajar-pelajar yang sekarang menuntut di institusi pengajian tinggi, di universiti kerajaan, di institusi pengajian tinggi kerajaan, di universiti-universiti dan juga dari segi biasiswa dan pinjaman yang diberikan kepada pelajar-pelajar.

Saya berharap juga Yang Berhormat boleh memberikan pecahan dari segi kaum tentang biasiswa dan juga pinjaman yang diberikan kepada pelajar-pelajar. Berapakah banyak wang yang telah dikeluarkan oleh pihak kerajaan setakat ini kepada semua pelajar tidak kira kaum. Sungguhpun kebanyakannya terdiri daripada satu golongan, tetapi berapakah banyak wang yang telah dikeluarkan dan apakah prestasi untuk membayar balik setakat ini kerana kita lihat bahawa banyak pinjaman yang dikeluarkan susah untuk mendapat balik bayarannya dan apakah tindakan yang diambil oleh pihak kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya juga ingin bertanya, apakah tindakan yang diambil oleh pihak kementerian terhadap guru-guru yang tidak menjalankan tugas mereka dengan baik, iaitu apabila guru-guru mendera pelajar-pelajar, khususnya budak-budak sekolah yang masih kecil dan masih muda dari segi usianya. Terdapat satu kes di Negeri Melaka, di mana ada seorang guru di sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) yang juga merupakan seorang ketua kampung bernama Tai Fook Seng - telah memukul dan menghambat sehingga berdarah seorang murid berusia 8 tahun dari SRJK (C), Bertam Ulu, Melaka dan saya harap Yang Berhormat bolehlah memberikan maklumat tentang tindakan yang diambil terhadap guru ini kerana betapa nakal dan jahat seorang murid sekolah, kalau dia hanya 8 tahun, takkan dia nakal sehingga kena pukul sehingga telinganya berdarah.

Saya rasa itu adalah satu tindakan yang melampau oleh seorang guru seperti ini dan kita harus mengambil tindakan yang sewajarnya. Pada masa yang sama, untuk guru-guru seperti ini, ini hanya contoh satu kes sahaja, ada banyak kes lain di mana guru-guru bertindak ganas kepada pelajar-pelajar. Jadi, untuk mengatasi masalah ini, adakah guru-guru berikutan diperintah untuk menjalani ujian sakit jiwa atau pemeriksaan sakit jiwa, kerana kalau mereka boleh bertindak ganas seperti ini, kita harus pasti tentang mental condition mereka.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat. Ada yang bangun - Tanjong Karang.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak meminta sedikit penjelasan dan pandangan daripada Yang Berhormat Kota Melaka. Adakah Yang Berhormat bersetuju ada dakwaan yang menyatakan bahawa masalah disiplin

yang dihadapi oleh murid-murid sekolah, oleh kerana ramai murid-murid sekarang ini yang kurang disiplin adalah kerana guru-guru ini tidak diberi kuasa merotan. Guru-guru sekarang ini tidak macam guru-guru dahulu. Dahulu, guru-gurunya garang dan boleh rotan dan ibu bapa tidak campur tangan apabila kes di sekolah. Sebab itu, murid-murid dahulu disiplinnya tinggi, tetapi sekarang ini keruntuhan moral dan juga disiplin ini berkurangan kerana guru-guru ini tidak ada kuasa yang cukup untuk mengawal murid-murid dan kadang-kadang ibu bapa campur tangan apabila tindakan disiplin diambil kepada anak-anak mereka. Jadi, macam mana, saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada tindakan ganas oleh seorang guru atau guru-guru lain yang memukul, menghambat, menendang, ada pula yang mengepit telinga, mengepit atau staple, dengan izin, staple the ear pun ada. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan ke atas mereka? Ini adalah kes extreme, dengan izin, yang berlaku dan kalau guru-guru ini boleh bertindak demikian, kita harus menjaga keselamatan anak-anak kita untuk memastikan guru-guru ini betul-betul mempunyai, dengan izin, full command of his mental faculties. Adakah pemeriksaan sakit jiwa dijalankan untuk memastikan perkara ini berlaku dan pada masa yang sama .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli Yang Berhormat masa cukup.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masa cukup.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bolehkah saya gulung?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Pada masa yang sama kita pun harus prihatin tentang masalah guru-guru yang dipukul pula oleh pelajar-pelajar, itu pun merupakan satu masalah serius di mana masalah kurang disiplin seperti yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang ini memang berlaku, tetapi kalau kita hendak menjadi contoh yang baik adalah perlu bahawa kita mula daripada guru-guru bahawa mereka tidak boleh bertindak liar atau bertindak buas dengan memukul sesuka hati pelajar-pelajar sedemikian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

4.22 ptg.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Pengerusi, bagi pihak Kementerian Pendidikan, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan masalah-masalah tentang keciciran pelajar dan juga masalah itu diulangi dan ditegaskan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau.

Alasan yang utama yang menyebabkan kadar keciciran masih wujud ialah masalah-masalah ketidakfahaman tentang kepentingan pendidikan di kalangan keluarga kerana rancangan Kementerian Pendidikan ialah kita membekalkan tempat dan memberi bantuan kepada setiap pelajar yang berminat untuk mengikuti kursus dalam sekolah sampai ke tahap PMR sekarang dan menjelang tahun 2000 kita akan naikkan ke tahap sekurang-kurangnya Tingkatan V.

Jadi, Kementerian Pendidikan bukan sahaja memberi setiap pelajar tempat, tetapi kita juga ada skim bantuan seperti pinjaman buku teks, makanan tambahan dan sebagainya. Dalam konteks ini, Kementerian Pendidikan akan seterusnya bekerjasama melalui PIBG supaya setiap ibu bapa akan dimotivasikan untuk menghantar anak-anak

mereka ke sekolah dan janganlah menarik anak-anak mereka selepas Darjah VI, menarik anak mereka keluar dari sekolah untuk bekerja dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga membangkitkan tentang kepentingan untuk mempertingkatkan science class dalam kurikulum, memang itu adalah rancangan Kementerian Pendidikan dan dalam komteks ini kita sudah banyakk tempat di universiti-universiti tempatan untuk pelajar-pelajar mengikuti aliran sains.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya hendak menanya Yang Berhormat, peratusan keciciran di sekolah kebangsaan kerana Yang Berhormat pun ada pernah memberi peratusan untuk SRJK(T) dan SRJK(C) tetapi belum lagi tahun ini untuk keciciran sekolah kebangsaan.

Tuan Pengerusi, yang keduanya, mengenai science class dan matematik. Saya bersetuju kalau kita tambahkan latihan di universiti dan juga di maktab-maktab perguruan tetapi saya bimbang sambil kita menambahkan bilangan pelatih, kita mesti memastikan mutu latihan, mutu pendidikan tidak turun kerana saya bimbang pada 5 atau 10 tahun yang akan datang kita akan nampak mutu pendidikan ini sudah turun, sudah tidak mencapai kepada tahap dunia lagi.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Pengerusi, tentang bilangan atau peratusan keciciran, saya minta izin kerana saya tidak ada angka-angka untuk sekolah kebangsaan, saya akan jawab secara bertulis. Memang Kementerian Pendidikan peka tentang kualiti latihan dan kita akan terus mengkaji semula semua program latihan dalam maktab perguruan untuk menentukan bahawa kandungannya adalah mengikut keperluan, mengikut perkembangan semasa.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah meminta tentang projek Langkawi ....

**Dr. L. Krishnan:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Okay.

**Dr. L. Krishnan [Teluk Kemang]:** Tuan Pengerusi, tentang peratusan keciciran. Baru-baru ini Timbalan Menteri Pendidikan ada memberitahu bahawa peratusan keciciran di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) adalah lebih kurang 2% manakala peratusan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) lebih kurang 7%. Kalau nampak di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) 7% adalah terlalu tinggi dan diberitahu oleh beliau bahawa ini adalah kerana kesusahan dalam keluarga.

Saya ingin mendapat penjelasan bahawa adakah kementerian berhasrat untuk mewajibkan persekolahan sekurang-kurangnya sekolah rendah kepada semua murid-murid, ini saya ingat adalah satu cadangan untuk mengurangkan peratusan keciciran.

Yang kedua, jika kita berbuat begitu, adakah masalah-masalah yang akan timbul kalau kita mewajibkan persekolahan kepada semua atau mengambil tindakan kepada ibu bapa yang tidak menghantarkan murid-murid ke sekolah khasnya di sekolah rendah.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Pengerusi, Kementerian Pendidikan sedang melaksanakan sistem di mana kita memberikan tempat untuk pelajar yang ingin memasuki sekolah sampai ke tahap sekurang-kurangnya tingkatan tiga dan menjelang tahun 2000 sehingga tingkatan empat. Dan kita bukan sahaja memberi tempat sahaja malahan kita akan memberi pertolongan.

Namun demikian, kita rasa bahawa ada ketikanya kita tidak boleh memaksa atau compulsory education kerana banyak terdapat di kawasan-kawasan pedalaman di mana ibu bapa-ibu bapa mereka kalau kita paksakan untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah mungkin akan menghadapi masalah-masalah berkaitan dengan infrastruktur dan berkaitan dengan pengangkutan dan sebagainya. Jadi, sungguhpun Kementerian Pendidikan akan terus memperluaskan outreach sistem pendidikan kita supaya kita boleh sampai ke tahap, kita telah sampai ke tahap universality education, dengan izin, iaitu enrolment di sekolah rendah melebihi dari 99%, yang 1% atau kurang dari 1% itu tak enrol anak-anak mereka ialah atas sebab-sebab yang lain seperti masalah-masalah bukan sahaja dalam keluarga malahan juga ada masalah-masalah perubatan dan sebagainya, mental atau medical cases, dengan izin.

Jadi, kita ambil kesempatan itu. Namun demikian, Kementerian Pendidikan akan terus bekerjasama dengan PIBG memotivasikan ibu bapa supaya kekalkan anak mereka di sistem persekolahan. Dan kiralah pendidikan sebagai satu pelaburan untuk jangka masa panjang. Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan atas soalan berkaitan Projek Langkawi. Tidak boleh dinafikan bahawa Projek Langkawi itu sudah membawa hasil kepada pelajar-pelajar kita khususnya pelajar-pelajar di sekolah rendah.

Berdasarkan kepada pelaksanaan projek itu, penguatkuasaan bahasa khususnya Bahasa Malaysia di kalangan pelajar-pelajar SRJK (C) sudah naik dari satu masa dahulu hanya 30%, sekarang melebihi dari 50%. Oleh kerana tujuan Projek Langkawi ini ialah untuk memotivasikan pelajar-pelajar itu khususnya pelajar-pelajar yang miskin di luar bandar untuk mempertingkatkan taraf pendidikan mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah juga bangkitkan tentang masalah atau tentang pentingnya kita kekalkan vocational school atau sekolah vokasional. Pada dasarnya Kementerian Pendidikan rasa bahawa mengikut perkembangan semasa, sekolah-sekolah vokasional itu haruslah dinaik taraf ke sekolah teknikal kerana kita nak mempertingkatkan sains, kandungan teori dalam pelajaran sekolah-sekolah tersebut. Kerana pada masa sekarang sekolah-sekolah tersebut merupakan, dengan izin, first choice di kalangan pelajar-pelajar dan bukan, dengan izin, third choice pada masa dahulu.

Jadi, kita juga ingin mengikut keperluan semasa di mana teknologi tinggi telah dan kita harus memperkukuhkan teori di kalangan pelajar-pelajar sekolah tersebut. Untuk memenuhi keperluan sektor swasta, Kementerian Pendidikan akan terus bekerjasama dengan kementerian yang lain supaya di institusi-institusi latihan ...

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Nanti saya habis dulu. Institusi-institusi latihan seperti institusi latihan perindustrian akan terus diluaskan untuk memberi latihan kepada pelajar-pelajar yang lebih berminat, dengan izin, 'hands-on' kursus-kursus ada banyak kandungan-kandungan hands-on.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan cadangan kementerian untuk menaikkan taraf sekolah vokasional, sekolah teknik demi keperluan semasa tapi persoalannya sekolah vokasional ini asalnya ditubuhkan untuk menampung pelajar-pelajar drop-out ini yang tidak bagus dari akademiknya. Tapi dia ini lebih berminat kepada pendidikan kemahiran, tapi sekarang ini apabila sekolah-sekolah ini dinaikkan taraf sudah tentu syarat untuk masuk ke sekolah vokasional ini tinggi. Sainsnya mesti bagus, matematikanya mesti bagus. Soalnya sekarang ini bagaimanakah kementerian akan mengambil langkah untuk mengatasi ataupun membantu memulihkan semula sekolah vokasional ini untuk pelajar-pelajar yang kurang cemerlang dalam bidang akademik, walaupun tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan akan diluaskan kepada bidang-bidang atau pun pusat-pusat letrik, industri yang lain. Apakah pusat-pusat industri ini mencukupi untuk menampung pelajar vokasional sepertimana konsep vokasional ini ditubuhkan pada asalnya?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Pengerusi terima kasihlah. Sebenarnya Kementerian Pendidikan, dalam rancangan kita menjelang tahun 2000 kita sudah anggarkan bahawa tidak ada lagi drop-out. Anak-anak kita dari sistem persekolahan sampai ke tingkatan lima, kita mahu, lihat setiap pelajar boleh mengikuti kursus kita dalam sistem persekolahan kita sampai ke form five.

Jadi, kita akan hapuskan imej sekolah vokasional itu sebagai sekolah untuk drop-out. Jadi andaian kita ialah setiap pelajar dari sekolah rendah ke sekolah menengah mempunyai kemampuan untuk mengikuti kursus sama ada dalam bidang sains atau bidang sastera atau bidang commerce atau sebagainya. Dan kita akan terus memperkukuhkan proses pelajaran pembelajaran di sekolah rendah dalam sains, dalam matematik dengan menggunakan sampo, dengan menggunakan komputer dan sebagainya supaya setiap pelajar di sekolah menengah boleh mengikuti. Tidak akan ada drop-out lagi, itu lah fenomena era 60-an lah, fenomena 90-an itu kita tidak akan menggunakan konsep drop-out itu.

Tentang cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Wangsa Maju berkaitan dengan kolej komuniti, memang itu satu cadangan yang baik kerana pendidikan akan mengkaji cadangan itu dan kita seterusnya bukan saja memperluaskan sekolah-sekolah, memperluaskan pusat latihan kita akan juga menunjukkan bahawa politeknik-politeknik, kolej-kolej yang itu dan seterusnya bekerjasama dengan lebih rapi dengan masyarakat tempatan supaya kursus-kursus yang ditawarkan adalah mengikuti keperluan bukan sahaja dari segi masyarakat keseluruhan tetapi dari keperluan tempatan. Kalau ada tempat yang mengikuti pengajian yang memerlukan chagemen kita tentukan bahawa politeknik tersebut akan adakan kursus seperti itu.

Dan berkaitan dengan peruntukan untuk bilik darjah dan sebagainya, memang apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau adalah wajar, iaitu satu masalah yang kita hadapi ialah masalah ambilan tanah dan selalunya delaykan projek-projek yang kita hendak laksanakan.

Tentang masalah yang akan dihadapi oleh graduan Sijil Perguruan Khas, yang mungkin membolehkan mereka memasuki universiti tahun kedua itu tentang masalah transaction itu kita akan kaji dan kes-kes tertentu Kementerian Pendidikan akan memberi pertolongan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan masalah atau isu berkaitan dengan Kementerian Pendidikan untuk mempertingkatkan dan memperluaskan penggunaan komputer dan menjadikan masyarakat kita sebagai satu masyarakat yang biasanya mempunyai E-mail dan Internet dan sebagainya. Sebenarnya itulah hasrat Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan ada rancangan untuk menentukan, untuk mempopularkan penggunaan komputer, Internet dan sebagainya, masalah ialah masalah peruntukan. Dan kita akan terus berusaha supaya tabir kita dicapai dalam satu masa yang singkat. Isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu, pinjaman untuk membeli komputer, computer literacy programme dan sebagainya, semua itu dalam peringkat perbincangan akhir Kementerian Pendidikan. Dan apabila sampai tahap Menteri Pendidikan akan memberitahu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa masa tempoh yang diperlukan sebelum satu keputusan mutakhir, 'master plan' untuk menjadikan Malaysia, komputer literate boleh disempurnakan?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Pengerusi memang master plan itu sudah ada kita, Kementerian Pendidikan mengambil bahagian yang aktif dalam konsep multimedia corridor kita ini, dan dari segi prinsipnya sudah dipersetujui setiap sekolah dalam multimedia corridor itu akan dibetulkan alat peralatan yang cukup untuk memulakan sekolah-sekolah dalam multimedia corridor itu memainkan satu peranan yang aktif dan selepas kita akan meluaskan kepada sekolah-sekolah di seluruh negara.

Memang semua itu ada dalam rancangan Kementerian Pendidikan dan ambil sedikit masa. Tentang guru yang menggunakan perkataan yang tidak sesuai, boleh dikatakan kasar sikit, Kementerian Pendidikan akan terus membuat kajian. Kalau wajar akan ambil tindakan sewajarnya.

Dari segi prinsip, memang adalah tujuan Kementerian Pendidikan untuk menentukan, bukan sahaja menentukan, untuk mengajarkan setiap anak-anak kita sensitif dan peka tentang perasaan masyarakat berbilang kaum di Malaysia kita ini. Dan kita telah memperkuatkan kandungan kurikulum kita supaya setiap pelajar yang keluar dari sistem persekolahan kita akan terus faham tentang sensitiviti setiap kaum di negara kita ini dan kalau ada guru yang tidak ikut, memang kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong bangun lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kementerian akan kalau perlu mengkaji perkara ini di mana dalam kertas peperiksaan adalah digunakan "Paria" yang menyakit hati kaum India dan tidak sesuai untuk satu masyarakat majmuk. Adakah ini bererti bahawa Kementerian Pendidikan belum mengambil tindakan bahawa perkara ini belum sampai ke peringkat Kementerian Pendidikan, sungguhpun isu ini sudah dilaporkan di dalam surat khabar minggu lalu. Kalau Kementerian Pendidikan belum ambil tindakan, belum kaji bukankah ini satu kekurangan, satu kelemahan yang patut di atasi dengan segera?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Oleh kerana Kementerian Pendidikan ada satu sistem di mana kita decentralize, jadi isu-isu yang dibangkitkan di sekolah-sekolah ini ada pegawai-pegawai di Pejabat Pendidikan Daerah dan juga pegawai-pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri yang akan mengambil tindakan atau siasat dan mengambil tindakan. Namun demikian, saya yakin kajian sudah dilaksanakan dan tindakan sudah diambil tetapi saya tidak ada keadaan yang tepat itu dalam tangan saya kerana isu itu baru sahaja dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong tetapi dari segi prinsipnya saya sendiri rasa bahawa isu-isu itu tidak perlulah kita timbul dan kalau benar-benar dia perkataan itu bukan sahaja diambil out of contacts - kita akan ambil tindakan yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang telah membangkitkan isu yang dihadapi, masalah yang dihadapi oleh calon-calon perempuan atau pun guru-guru pelatih perempuan ini saya akan kaji. Sebenarnya ada kes-kes tertentu di mana calon itu sendiri meminta izin untuk tangguhkan kursus dan dalam kes-kes ini memang kita izin. Saya akan siasatlah tentang kes-kes yang dibangkitkan. Tentang peruntukan untuk Pusat Sumber dan Sukan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong Karang.

**Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Mengenai kes yang saya bangkitkan tadi, ini kes yang saya alami sendiri - dua kes! Kemudian saya terbaca dalam surat khabar, dalam forum pembaca! Jadi, tidakkah pegawai-pegawai daripada kementerian membaca keluhan daripada seorang suami yang bernama Zantalia, Johor Bahru. Surat khabar ini sudah lama saya potong, jadi kita harap pegawai-pegawai kita lebih peka apabila masalah-masalah ini dibangkitkan di dalam surat khabar, di dalam forum dan saya sendiri mengalami dua kes. Jadi saya harap akan dikajilah Yang Berhormat. Kalau boleh kena dibuat satu dasar yang betul.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Pengerusi, sebenarnya memang ada syarat-syarat tertentu, ada juga keperluan di maktab perguruan jadi saya sendiri tidak peka dan bersetujulah bahawa kita akan [*Ketawa*] ambil tindakan untuk bukan saja mengatasi supaya masalah atau isu-isu seperti ini tidak akan jadi. Iaitu, Kementerian Pendidikan akan kaji semula tentang sama ada kursus-kursus latihan dalam maktab perguruan ini memang merupakan satu content yang tinggi berkaitan dengan kegiatan-kegiatan fizikal dan calon-calon dalam golongan ini prestasi mereka akan terjejas.

Saya sendiri merasa bahawa calon-calon tersebut memang faham tentang syarat-syarat yang ditentukan dan kita tidak mahu prestasi mereka dijejaskan dalam maktab perguruan. Kita mahu mereka boleh lulus dalam kursus itu. Jadi adalah strategi kami. Namun demikian, saya harap Ahli Yang Berhormat faham tentang isu ini, memang Kementerian Pendidikan kita juga merupakan satu kementerian yang selalu bersimpati dengan calon-calon kita ini khususnya pada masa sekarang tidak ramai pemuda pemudi ingin menjadi guru dan kita akan terus memberi galakan yang sewajarnya.

Tentang peruntukan ini, oleh kerana peruntukan adalah terhad tetapi kita akan terus memberi pertolongan khususnya kepada permintaan wakil rakyat dari Barisan Nasional, Kementerian Pendidikan akan terus mengkaji dan kalau boleh kita akan tolong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Parit Sulong.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Pengerusi, mengatakan mengenai kegiatan sekolah-sekolah, memang selalunya seolah-olahnya memberi gambaran bahawa kegiatan-kegiatan itu bergantung sepenuhnya kepada masyarakat dan wakil rakyat. Tidakkah pihak kementerian ini mempunyai budget yang khusus, umpamanya untuk sukan dan sebagainya, dan satu perkara yang sering ditimbulkan di sini adalah pengutipan derma menggunakan anak-anak murid.

Kebelakangan ini ada satu derma atau pun kutipan untuk tabung... saya tidak ingat... Seluruh anak-anak murid Wilayah Persekutuan dan Selangor memaksa ibu dan bapanya membawa kad mengutip derma ke pejabat-pejabat. Kepada saya, ini akan memberi satu kesan psikologi kepada anak-anak yang tidak baik. Sekiranya anak itu atau pun ibu bapanya adalah sibuk dan tidak mampu mengutip wang banyak, anak ini mempunyai satu psychological inferiority complex. Oleh kerana dia akan menangis dan akan ditanya kenapa, kenapa kawan boleh lebih, kenapa bapak bawa sedikit? Adakah amalan mengutip derma menggunakan anak-anak murid ini mahu diteruskan atau mahu diberhentikan serta-merta dan sekaligus. Perkara ini banyak di persoalkan oleh pihak ibu bapa tetapi masih lagi berterusan dilakukan oleh guru-guru besar dan menggunakan anak-anak murid. Saya ingin penjelasan daripada pihak Timbalan Menteri.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Pengerusi, setiap kutipan derma merupakan kerja sukarela. Garis panduan dalam hal ini adalah jelas. Kita sudah terangkan kepada semua sekolah, khususnya Guru Besar/Pengetua bahawa tidak boleh memaksa pelajar-pelajar sedangkan usaha untuk kutipan wang itu bukan merupakan tanggungjawab pelajar tetapi kita. Pihak sekolah boleh meminta kerjasama daripada pihak ibu bapa secara sukarela kalau boleh mereka tolong. Tidak ada paksaan. Kalau ada kes-kes tertentu itu yang boleh ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia bangun lagi Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, sebenarnya semangat kesukarelaan tidak diperjelaskan kepada anak murid. Kepada setiap murid apabila seorang guru memberikan kad untuk mengutip derma, itu adalah arahan. Oleh kerana Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri pernah menjadi seorang anak murid, saya sendiri pernah menjadi seorang anak murid. Apabila perkara diberikan oleh guru, itu adalah arahan dan setiap arahan ini selalunya membawa connotation sekiranya tidak dilakukan maka adalah perkara yang tidak elok akan terjadi kepada anak murid itu.

Jadi, persoalan saya harap perkara ini akan diberhentikan terus. Jangan digunakan saluran anak-anak murid untuk mengutip derma! Sebarang derma sekalipun. Oleh kerana kepada saya ini kesan psikologi kepada anak murid. Apabila dia masuk ke sekolah, ada setengahnya memberi insentif hadiah, siapa yang mengutip lebih dapat hadiah. Bagaimana yang tidak mengutip lebih? Tidakkah ini juga menimbulkan kesan psikologi kepada anak-anak murid yang masih lagi diperingkat

muda? Jadi, saya harap perkara ini diberhentikan temulah! Dikeluarkan arahan, tidak usah lagi diizinkan anak-anak murid mengutip derma bagi pihak mana-mana organisasi sekalipun menerusi sekolah.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Pengerusi, garis panduan Kementerian Pendidikan ialah segala aktiviti berkaitan dengan kutipan derma itu haruslah dilaksanakan oleh ibu bapa, bukan tanggungjawab pelajar kerana kita rasa bahawa tanggungjawab pelajar itu ialah belajar sahaja. Jadi dalam konteks ini kita akan terus mengeluarkan keterangan kepada semua sekolah untuk memperkukuhkan dan memperkuatkan semangat ini. Sungguhpun kita hargai pertolongan dari pihak PIBG, tetapi segala pertolongan itu haruslah merupakan sebenar-benarnya usaha ibu bapa dan bukan melalui pelajar-pelajar.

Tetapi dalam konteks di sini.....

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Melaka bangun ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau akan memaklumkan kepada Yang Berhormat dari Parit Sulong sama ada beliau sedar atau tidak tentang masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah Cina di mana mereka terpaksa mendapatkan derma daripada orang ramai kerana tidak mendapat peruntukan yang mencukupi dari pihak kerajaan.

Oleh sebab itu kalau kita haramkan sama sekali, ini akan menimbulkan masalah yang besar kepada sekolah-sekolah Cina di negara kita yang terpaksa bergantung kepada derma orang ramai untuk wujud kerana peruntukan dari kerajaan memang tidak cukup! Kalau ini tidak dibenarkan, ini akan menimbulkan satu masalah yang amat serius kepada sekolah-sekolah Cina ini.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Pengerusi, bukan sahaja peruntukan bagi sekolah Cina ini tidak cukup, tetapi bagi semua jenis sekolah pun tidak cukup. Lagi pun Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang pun sudah membangkitkan masalah mengenai sekolah-sekolah kampung. Kita juga faham tentang keadaan ini.

Namun demikian, kita perlukan pertolongan dan sokongan dari pihak ibu bapa, tetapi usaha itu janganlah kita bebankan kepada pelajar itu.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Parit Sulong bangun lagi ya.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, sekali lagi saya terpaksa bangun dalam hal ini. Saya tahu bahawa setengah-setengah sekolah ada PIBG, tetapi PIBG itu adalah Persatuan Ibu Bapa dan Guru, bukan melibatkan anak murid. Mengapa anak murid dijadikan saluran untuk mengutip derma? PIBG mempunyai alamat seluruh ibu bapa di dalam kawasan di dalam jurisdiction masing-masing.

Kalau PIBG di kampung saya, Pengerusi PIBG pergi dari rumah ke rumah, tidak menggunakan anak murid. Mengapa ibu bapa sekolah-sekolah di bandar mengambil jalan musan menggunakan anak murid membawa surat ke rumah? Ini yang saya persoalkan. Saya tidak mahu kesan psikologi itu kepada anak murid. Katakan anak saya membawa satu borang untuk mengutip derma untuk satu bangunan dewan di sekolah. Katakanlah saya hanya mampu mengutip RM25, tidak dapat hadiah, seorang anak lagi mengutip RM250, mendapat hadiah, apakah kesan atau implikasi psikologi kepada anak yang tidak mendapat hadiah?

Ini yang saya persoalkan. Mengapa PIBG tidak boleh menulis surat terus kepada ibu bapa? Mengapa tidak boleh? Yang saya persoalkan ialah pendekatannya -

the approach dengan menggunakan anak murid, itu yang saya tidak bersetuju Tuan Pengerusi.

Fasal dari segi ini, memang dahulu pernah ditimbulkan sewaktu zaman Timbalan Menteri Luar Negeri menjadi Timbalan Menteri Pendidikan, pernah dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini. Jadi, takkan tidak faham-faham lagi mengenai ini? Benda ini berlaku lagi.

Setengah-setengah Guru Besar atau Pengetua sekolah-sekolah di keliling bandar di kawasan suburb ini, isteri orang besar-besar. Dia ambil jalan mudah sahaja. Kalau anak-anak ini tidak membawa derma yang diperlukan, derma is derma, keikhlasan! Tetapi kalau tidak penuh kuota itu, budak-budak ini akan kena marah. Any form of penalizing anak-anak murid. Macam mana berlaku macam ini Tuan Pengerusi?

Memang saya rasa baik disuarakan dalam Dewan ini dan kita minta keputusan pihak menteri once and for all, berhentikan menggunakan anak-anak murid untuk mengutip derma dalam bentuk apa sekalipun, walaupun untuk kepentingan sekolah.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Pengerusi, itu kita sudah berhentikan dan kita sudah ada garis panduan bahawa hanya ibu bapa yang boleh melibatkan diri dalam usaha kutipan derma ini.

Saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong kerana sekali lagi membangkitkan masalah ini dan saya akan minta supaya kita tegaskan perkara ini supaya guru-guru besar, khususnya guru-guru besar di sekolah bandar ini tidak akan take advantage untuk menggunakan anak-anak mereka.

Saya ingin nafikan bahawa ada sekolah-sekolah yang penalized, dengan izin, pelajar-pelajar yang tidak mengambil bahagian dalam kutipan ini. Saya rasa.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, ada. Sekolah-sekolah yang penalized. Umpamanya anak-anak yang duduk di sekolah berasrama penuh. Kalau umpamanya dia terlupa membawa pakaian yang tidak sama spesifikasinya dengan pakaian yang dispesifikasikan oleh pihak asrama, pakaian itu akan dirampas dan tidak dipulangkan terus.

Ada sekolah-sekolah berasrama penuh meminta anak-anak solicite iklan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar perkara ini? Saya seorang bapa yang mempunyai anak yang bersekolah, saya tahu. Melainkan mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak mempunyai anak yang bersekolah.

Penalti ada, dalam bentuk apa, ada. Kita ingin mengatakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tidak mahu anak saya dipenaltikan oleh kerana membawa derma yang kecil! Satu hari anak saya menangis oleh kerana emak dan bapanya terlalu sibuk, hanya mengutip beberapa ringgit, menangis. "Kenapa menangis?" "Orang lain dapat banyak!" "Kenapa harus membandingkan dengan orang lain?" Dia kata, "Nanti kena marah!" Apa ertinya? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tafsiran "nanti kena marah"?

Kalau tadi diambil sangat semangat kesukarelaan, mengapa anak harus kena marah? Saya tidak faham dalam hal ini! Saya sewaktu kecil dahulu, kalau orang hendak mengutip derma, terus pergi ke kampung, gunakan Ketua Kampung. Kalau di Taman Tun Dr. Ismail itu, gunakanlah Jawatankuasa Residen dan sebagainya. Ini tidak, dia ambil jalan mudah sahaja.

Saya bangkitkan perkara ini mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri menganggap suara ini suara remeh. Ini suara yang telah lama accumulated di dalam beberapa orang ibu bapa. Saya pernah menghadiri Mesyuarat PIBG - anak-anak sekolah. Perkara ini diwujudkan ibu bapa dalam Mesyuarat PIBG. Ini remeh. Mungkin kepada menteri, ini remeh; tetapi kepada orang yang memberi, ini tidak remeh. Jadi saya harap perkara ini diperbetulkan.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, saya masih muda, masih ada anak di sekolah, tetapi mungkin anak saya tidak ada di sekolah berasrama penuh, tetapi ada di sekolah biasa.

Sekali lagi saya ingin tegaskan bahawa dasar Kementerian Pendidikan ialah semua usaha ini adalah sukarela dan tidak ada sesiapa pun yang perlu atau kena penalti kalau tidak mengambil bahagian. Bukan sahaja pelajar, tetapi ibu bapa pun - itu merupakan satu kerja sukarela. Kita tidak boleh penalized mereka. Jadi, dalam konteks ini saya akan mengarahkan pegawai saya untuk menyiasat perkara ini dan kalau benar ia akan diberhentikan supaya masalah itu jangan dibangkitkan sekali lagi, khususnya ini merupakan usaha-usaha sukarela sebenarnya, mungkin tidak akan penalize sesiapa pun kalau mereka tidak mampu mengambil bahagian.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan tentang isu pemindahan sekolah. Rancangan itu masih dalam peringkat kajian dan....

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Tanjung Karang.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan. Saya tunggu, macam mana dengan jawapan kepada soalan saya. Sebab tadi sudah banyak sangat kacau. Jadi, dua isu yang saya timbulkan tadi belum mendapat jawapan dengan jelas iaitu peruntukan MSSD dengan pusat sumber.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Sebenarnya setiap sekolah telah diberi peruntukan mengikut keperluan Kementerian Pendidikan. Mungkin peruntukan itu tidak cukup. Tadi saya sudah terangkan bahawa Kementerian Pendidikan akan terus bekerja sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya kalau ada kes-kes yang dianggap amat penting, Kementerian Pendidikan akan mengkaji dan memberi peruntukan atau memberi pertolongan yang khas untuk sekolah-sekolah yang amat daif.

Peruntukan pusat sumber dan peruntukan untuk sukan itu memang Kementerian Pendidikan berikan untuk setiap sekolah mengikut per capita grant, dengan izin.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan isu pemindahan sekolah. Isu itu masih dalam peringkat perbincangan di peringkat negeri dan Kementerian Pendidikan. Sebelum kita membuat keputusan, kita akan mengambil kira perasaan dan pandangan ibu bapa.

Mengenai isu pengkorporatan universiti, Kementerian Pendidikan sudah ada berdialog dengan pensyarah-pensyarah, pelajar-pelajar dan feedback daripada mereka akan diambil kira sebelum kita kuatkuasakan.

Memang Kementerian Pendidikan akan terus melaksanakan dasar pengambilan pelajar atau kemasukan ke universiti-universiti tempatan iaitu mengikut kadar 55%:45% bumiputera dan bukan bumiputera kadar enrolment itu akan terus dikekalkan demi untuk menjamin kepentingan semua.

Mengenai bantuan dan pertolongan dalam bentuk kewangan kepada pelajar-pelajar, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa akan diwujudkan satu Tabung Pendidikan Nasional. Tabung Pendidikan Nasional itu akan memberi pertolongan kepada semua pelajar mengikut satu 'means test', dengan izin, kalau keadaan keluarga mereka miskin tabung itu akan memberi pertolongan. Saya rasa dengan adanya tabung ini setiap pelajar yang perlukan pertolongan akan mendapat pertolongan.

Sekali lagi saya ingin menegaskan mengenai masalah guru-guru ini, khususnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa kita haruslah berkerjasama untuk mempertingkatkan imej perguruan ini.

Pada masa sekarang kita nampak profesion perguruan itu bukan profession of the first choice, dengan izin, di kalangan pemuda-pemudi. Kalau kita selalu bangkitkan salah laku mereka, sungguhpun salah laku itu dilakukan oleh seorang dua guru seperti disiarkan di mass-media dan sebagainya, mungkin kita akan menjejaskan imej profesion perguruan.

Sebenarnya setiap hari, setiap minit, setiap saat ada beribu-ribu guru yang selalu mengorbankan diri mereka untuk menentukan bahawa anak-anak kita dapat pendidikan yang cukup. Mereka beri tuisyen, latihan dalam masa tambahan mereka tanpa bayaran untuk menentukan pelajar-pelajar mereka boleh lulus dalam peperiksaan dan sebagainya - semua itu merupakan sacrifice dan kita harus highlightkan aspek-aspek itu, janganlah kita highlightkan aspek-aspek di mana satu atau dua sahaja guru yang salah laku atau yang dikenakan hukuman seperti yang disiarkan di dalam surat khabar.

Sungguhpun kita bersetuju bahawa guru-guru tidak dibenarkan menggunakan kuasa mereka dan jika mereka menyalahgunakan kuasa, Kementerian Pendidikan seterusnya akan mengambil tindakan termasuklah tindakan tatatertib dan sebagainya. Dalam konteks ini, kita akan terus memberikan setiap guru kursus-kursus yang cukup supaya mereka mempunyai kepakaran untuk menghadapi satu keadaan yang amat mencabar dalam era sembilan puluhan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM299,362,000 untuk Maksud B.26 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM299,362,000 untuk Maksud B.26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Maksud B.28, B.29, B.30, B.31, B.32 dan B.33 [Jadual] -  
Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1996] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepala Bekalan B.28 hingga B.33 dan Kepala Pembangunan P. 28 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Kota Melaka.

**5.04 ptg.**

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Tuan Pengerusi, saya turut ingin mengambil bahagian dalam peringkat Jawatankuasa ini dan saya ingin merujuk kepada Maksud B.32 iaitu Jabatan Hasil Dalam Negeri di mana wang sebanyak RM8,708,000 adalah dikehendaki lagi untuk membiayai pelarasan gaji.

Di sini saya ingin menimbulkan prestasi Jabatan Hasil Dalam Negeri. Prestasi yang ditunjukkan oleh pegawai-pegawai untuk menjalankan tugas yang amat penting kepada negara iaitu untuk mengutip cukai dan memastikan ada cukup perbelanjaan untuk negara. Di sini, Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri pernah menyebut bahawa Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak boleh pilih kasih atau 'pilih bulu' semasa menjalankan tugasnya. Sungguhpun yang disiasat oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri terdiri daripada orang-orang kenamaan, saya harap bahawa janji yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan ditunaikan. Tetapi sama ada disadari atau tidak oleh pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri, saya mendapati bahawa terdapat beberapa kes di mana sungguhpun adalah jelas bahawa orang-orang kenamaan tertentu, sama ada orang korporat atau orang-orang politik yang mempunyai kekayaan dan banyak wang, tetapi nampaknya mereka tidak perlu membayar cukai yang sewajarnya.

Saya ingin merujuk kepada beberapa kes spesifik, Tuan Pengerusi di sini. Yang pertama ialah mengenai seorang ahli korporat di negeri Melaka, seorang yang

bergelar 'Datuk'. Yang saya hendak bertanya adakah pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri menjalankan siasatan ke atasnya? Mengapa dia boleh dibenarkan tidak membayar cukai yang sewajarnya, kalau mengikut dari segi networth, nilai aset bersih. Adakah bayaran cukai selaras dengan nilai aset bersihnya? Kerana kalau kita cakap dari segi pembayaran cukai yang dibuat oleh rakyat Malaysia, kita harus membuat perbandingan tentang nilai aset bersihnya. Kalau nilai aset bersihnya adalah lebih daripada pendapatan yang dia isytiharkan setiap tahun adalah jelas ada sesuatu yang tidak kena pada tempatnya, tetapi nampaknya di sini mungkin tidak disiasat. Saya tidak cakap bahawa ada perkara-perkara penyelewengan, saya tidak sebut begitu, tetapi mungkin tidak disedari. Yang saya takut kalau disebabkan oleh penyelewengan dan di sini saya tahu apabila saya timbulkan perkara ini, ini adalah sesuatu yang amat tidak popular kerana kita bertanya sama ada Jabatan Hasil Dalam Negeri ada menyiasat orang yang tertentu yang tidak membayar cukai, mungkin selepas saya sebut perkara ini, saya akan kena blacklistedlah oleh pihak tertentu kerana isu ini adalah isu sensitif.

Tuan Pengerusi, kalau kita hendak Jabatan Hasil Dalam Negeri menjalankan tugas dengan sempurna, saya terpaksa menjalankan tugas ini. Jadi, saya hendak bertanya sama ada siasatan dibuat ke atas orang yang bergelar 'Datuk' seorang pemilik bangunan Hotel Ramada Renaissance di Melaka namanya Datuk Yeoh Kian Ket. Sungguhpun beliau seorang Pengerusi Dewan Perhimpunan Perniagaan Cina di negeri Melaka dalam negeri saya sendiri. Saya ingin bertanya sama ada Jabatan Hasil Dalam Negeri telah menjalankan siasatan untuk memastikan dia membayar cukai yang sewajarnya. Adakah benar bahawa nilai aset bersih yang dia ada kalau dibandingkan dengan cukai pendapatan yang diisytiharkan setiap tahun adalah jauh berbeza? Bukankah benar semasa dia ada membuat permohonan kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri atau kepada Kementerian Kewangan untuk menyenaraikan salah sebuah syarikat dalam BSKL, dia telah mengisytiharkan pendapatan yang diperolehi oleh syarikatnya jauh berbeza daripada apa yang telah diisytiharkan sebelum ini. Kalau begitu bukankah ini merupakan kesalahan dan apakah tindakan yang diambil oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri terhadapnya kerana gagal membuat bayaran cukai seperti ini?

Saya harap bahawa Jabatan Hasil Dalam Negeri boleh menjalankan siasatan dan mengambil tindakan yang sewajarnya, kerana ini adalah satu perkara penting dan saya tidak tahulah selepas saya sebut perkara ini sama ada saya selamat atau tidak - mungkin Jabatan Hasil Dalam Negeri pun boleh berikan sedikit perlindungan. Tetapi ini adalah satu perkara yang amat penting untuk negara, oleh sebab itu saya terpaksa menimbulkan perkara ini.

Satu lagi ialah tentang kekayaan yang diperolehi oleh beberapa orang bekas pemimpin tertentu seperti bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik. Saya pernah bertanya dalam Dewan yang mulia ini adakah siasatan diambil untuk memastikan dia membayar cukai bukan mengikut gaji rasmi, tetapi mengikut pendapatan yang diperolehi daripada perniagaannya? Saya harap jawapan saya boleh diberikan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Maksud Bekalan B.28 - Perbendaharaan, dan juga Kementerian Kewangan secara amnya, iaitu tentang peranan yang dimainkan dalam Skim Perkhidmatan Perwaja, Terengganu Sdn. Bhd. Seperti yang pernah saya timbulkan adakah pihak Kementerian Kewangan sedar bahawa seseorang yang sedang disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah, saya tidak menyatakan dia bersalah, tetapi sedang disiasat terbabit dalam pembayaran sebanyak RM76.4 juta kepada sebuah syarikat Hong Kong, Fursham Enterprises Incorporated yang tak wujud, yang tak ada kaitan langsung dengan Perwaja, tetapi pembayaran RM76.4 juta dibuat. Orang ini adalah salah seorang yang meluluskan pembayaran, iaitu Lawrence Lim, semasa Tan Sri Eric Chia menjadi Pengurus Besar Perwaja. Beliau merupakan salah seorang yang meluluskan pembayaran RM76.4 juta kepada Fursham Enterprises Incorporated Sdn. Bhd.

Saya telah buat laporan kepada BPR. Adakah pihak kementerian tahu bahawa sekarang orang ini, Lawrence Lim, sekarang balik ke Perwaja menerusi Maju

Holdings, juga menguruskan hal-hal kewangan, hal-hal finance Perwaja. Adakah ini dibenarkan dari segi pengurusan kewangan yang berhemat, "prudent financial management." Kalau seorang menjadi tanda tanya, kalau dia didakwa, disiasat kerana terlibat dalam sesuatu penyelewengan yang jelas adalah salah, kerana pembayaran RM76.4 juta kepada satu syarikat ini, selepas dapat wang telah hilang diri, dan wang ini sehingga sekarang masih belum dikesan. Perwaja sendiri mengakui bahawa mereka telah hilang, mereka telah tertipu oleh Fursham Enterprise. Kalau seseorang terlibat atau terbabit secara langsung atau tidak dalam siasatan dalam satu penipuan besar, RM76.4 juta, macam mana Kementerian Kewangan boleh membenarkan beliau balik menguruskan hal-hal kewangan Perwaja. Ini yang saya tak faham. Saya tidak kata dia salah. Tetapi kalau dia masih disiasat, siasatan masih belum tamat, masih belum habis, keputusan muktamad masih belum dijalankan, masih belum diputuskan, mengapa pula pihak kementerian boleh membenarkan seseorang macam ini balik kepada kedudukan asalnya atau jawatan asalnya.

Saya rasa kalau kita seorang peniaga, kita tidak akan membenarkan orang yang menjadi tanda tanya balik kepada jawatan asalnya. Syarikat-syarikat swasta tak akan lakukan, tetapi kerajaan Malaysia, Kementerian Kewangan benarkan melakukan. Ini yang saya tak faham. Kerana perlu diingatkan bahawa mengikut satu jawapan baru-baru ini juga daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, beliau sendiri menyatakan bahawa Perwaja mengalami kerugian yang amat besar, kerugian terkumpul sebanyak RM2.9 bilion, dan juga bahawa hutang terkumpul adalah sebanyak RM6 bilion. Pemegang saham berjumlah negatif RM1.9 bilion, negative shareholders fund, dengan izin. Ini bukan jumlah yang kecil. Kalau mereka yang terlibat menyebabkan Perwaja mengalami kerugian yang amat besar dan juga mengakibatkan rakyat mengalami kerugian yang amat besar, macam mana pula mereka boleh balik menguruskan Perwaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya gulung, Tuan Pengerusi. Ini yang saya tak faham. Saya harap pihak kerajaan boleh memberikan penjelasan yang serius, menerangkan kepada rakyat Malaysia macam mana ini dibenarkan. Sekian, terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan Pengerusi:** Jelebu.

5.15 ptg.

**Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B.31 - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Tuan Pengerusi, kita mengucapkan tahniah kepada pihak kastam yang telah dapat mempertingkatkan hasil dari tahun ke tahun. Saya yakin dan percaya kualiti kerja Jabatan Kastam dan kakitangannya telah meningkat dari tahun ke tahun. Apa yang ingin saya sentuh ialah mengenai dengan kakitangan di jabatan ini. Mengikut laporan yang boleh kita percayai bahawa Jabatan Kastam dan Eksais Diraja pada waktu ini memang menghadapi permasalahan dari segi pengisian kakitangannya. Saya difahamkan beberapa jawatan telah pun ditawarkan, tetapi tidak begitu ramai yang datang melaporkan diri. Jadi, kita kena harus kaji, apakah masalahnya dalam soal untuk mengisi perjawatan yang ada di jabatan-jabatan kerajaan termasuk Jabatan Kastam ini.

Sememangnya kemungkinan tawaran gaji yang diberikan mungkin tidak begitu menarik berbanding dengan beban tugas yang begitu mencabar di kalangan kakitangan kastam ini, termasuk masalah keselamatan kakitangan dan sebagainya. Di samping itu, harus jugalah kita perhatikan penumpuan haruslah diberikan kepada masalah-masalah kebajikan kakitangan ini yang sering menjalankan tugas siang dan malam. Kadang-kadang tidak mendapat imbuhan yang sewajarnya. Jadi, ini adalah merupakan satu punca mengapa terdapat di kalangan kakitangan di jabatan ini telah meletakkan jawatan dan sebagainya.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, masalah penempatan pegawai-pegawai. Apakah boleh pihak kerajaan mengkaji semula dengan tempoh masa penempatan kakitangan dan pegawai-pegawai kastam yang dihadkan pada masa yang tertentu. Janganlah sampai kita biarkan pegawai dan kakitangan tersebut duduk di satu tempat itu melebihi 5 tahun umpamanya. Kerana ini akan menimbulkan permasalahan di segi kualiti ataupun mutu kerja kakitangan berkenaan. Jadi, di mana-mana juga jabatan kerajaan, perkara ini haruslah ditekankan supaya kakitangan itu tidak lebih lama tinggal di satu tempat untuk menjalankan tugas-tugas. Haruslah diambil kira bahawa soal kebajikan, soal penyelesaian kakitangan adalah juga menjadi faktor kepada peningkatan kualiti, mutu pekerja di sesebuah jabatan itu.

Saya mendapat faham bahawa penentuan tidak diberikan dalam tempoh perkhidmatan di sebuah tempat ataupun di satu tempat. Terpujanglah kepada kakitangan tersebut sekiranya mereka suka untuk tinggal lebih lama di satu-satu lokasi pejabat itu, maka mereka tidak akan ditukarkan. Jadi, ini akan menimbulkan dan banyak telah menimbulkan permasalahan. Di samping itu, Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyarankan bahawa dalam hubungan untuk mengawal masalah penyelewengan di dalam tugas-tugas, saya berharaplah pihak Kastam dan Eksais Diraja ini dapat menumpukan lebih perhatian kepada soal-soal pengimportan barang-barang daripada luar. Kita menghadapi masalah di mana kemasukan cara gelap filem-filem yang berunsur lucuh daripada luar negeri melalui cakera padat dan sebagainya. Jadi, sekiranya perkara ini tidak mendapat kerjasama daripada pihak kastam, saya yakin dan percaya pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) juga menghadapi masalah, bagaimanakah untuk menghapus dan melenyapkan masalah pengedaran filem-filem lucuh melalui cakera padat ini.

Saya yakin dan percaya pihak kastam akan dapat menumpukan perhatian yang sewajarnya di tempat-tempat kemasukkan, pintu-pintu masuk barang-barang import ini dan haruslah memberikan penelitian yang khusus kepada perkara-perkara yang sedemikian. Kemungkinan cakera padat ini boleh diselewengkan, tidak ada alat penguji ataupun mesin yang khusus untuk menguji kandungan filem berkenaan. Kemungkinan cakera padat ini dibawa masuk melalui sarung lagu-lagu yang bertajuk lagu-lagu umpamanya. Jadi, kastam pun tak tengoklah. Dia tengok kulit saja, lagu-lagu, Michael Jackson dan sebagainya. Tetapi kandungan dalamnya itu berlainan. Kemungkinan merupakan filem.

Sekarang ini kita dapati cakera padat yang bersaiz CD yang mengandungi filem-filem telah banyak teredar. Saya difahamkan perkara-perkara ini tidak diambil perhatian yang sewajarnya dan amat sukar untuk dikesan, apakah filem-filem tersebut telah di censored dan sebagainya. Jadi, itulah saya berharap pihak Jabatan Kastam, kalau tidak ada peralatan, kita tambah, kita cari, kita beli, sekurang-kurangnya apa yang dapat kita sumbangkan kepada negara adalah untuk kebaikan kepada seluruh masyarakat dan warganegara kita ini supaya masalah sosial yang semakin hari semakin meruncing di kalangan anak-anak muda dan juga masyarakat kita telah begitu menonjol dan begitu ketara sekali.

Jadi, saya harapkan, jangan kita ambil enteng perkara-perkara sedemikian, yang mana kelalaian kita dalam menjalankan tugas akan menguntungkan seseorang ataupun sesuatu pihak, yang akibatnya akan menjejaskan masalah pembangunan minda dan juga masalah perlakuan masyarakat kita.

Tuan Pengerusi, di samping itu kita menyarankan supaya kakitangan di Jabatan Kastam, terutamanya di Unit Tindakan Khas dan Siasatan ini akan dapat meneroka di kawasan-kawasan baru yang dipercayai menjadi tempat di mana berlakunya penyelewengan ataupun penyeludupan barang-barang daripada luar negara. Umpamanya, kita menghadapi permasalahan kandungan kontena yang dibawa daripada luar negara yang tidak sebagaimana yang dilaporkan, yang diisytiharkan untuk tujuan pembayaran cukai.

Kita mendengar melalui laporan-laporan yang boleh kita percayai, kandungan kontena itu tidak sebagaimana yang dilaporkan, umpamanya, kontena yang

mengandungi bahan-bahan atau pun peralatan alat ganti kenderaan yang diimport dari Jepun, umpamanya. Tetapi di dalam kontena tersebut dimasukkan juga satu unit kenderaan yang belum terusik yang mana kenderaan ini diisytiharkan sebagai 'scrap' dan hasilnya adalah pihak-pihak yang tertentu yang mengambil peluang untuk mendaftarkan secara gelap kenderaan yang dibawa daripada luar, walaupun ia tidak didaftarkan secara rasmi, tetapi kita lihat dan kita mendapat laporan-laporan bahawa kenderaan yang diisytiharkan sebagai 'scrap iron' itu, yang dibawa daripada Jepun telah berjalan di atas jalan raya di negara kita.

Perkara ini harus kita lihat, bahawa penyelewengan yang dilakukan oleh sesuatu pihak yang akan menjejaskan nama baik perkhidmatan Kastam dan Eksais Diraja. Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya memohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kepong, selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.23 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, saya akan membangkitkan Maksud B.28, B.29, P.28, P.31 dan P.32.

Tuan Pengerusi, dalam Kertas Perintah kita nampak sebanyak lebih RM4 juta dibiayai untuk perkhidmatan juruperunding berhubung pembelian pesawat F/A-18D. Di dalam hujah Yang Berhormat semalam, beliau tidak pernah menyebut mengenai lebih RM4 juta ini digunakan untuk perkhidmatan perunding. Mengapa kita perlu begitu banyak untuk membiayai perkhidmatan juruperunding, walhal, kita sudah pun membeli pesawat-pesawat F/A-18D dan saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab.

Satu perkara yang sangat penting, iaitu RM300 juta dikehendaki sebagai sumbangan kepada Tabung Makanan dan saya berharap pihak Yang Berhormat dapat menjawab mengapa kita perlukan begitu banyak untuk Tabung Makanan, apakah fungsi dan tugasnya dan relevannya Tabung Makanan kita.,

Mengenai Global Maritime Venture Bhd (GMVB) - tambahan sebanyak RM100 juta sebagai pinjaman kepada GMVB melalui Bank Industry Bhd bagi menampung keperluan perolehan kapal. Apakah kapal-kapal yang akan diperolehi ataupun kelak diperolehi, yang memerlukan tambahan begitu banyak sebagai pinjaman kepada GMVB ini, walaupun di dalam ucapan yang pertamanya, semasa perbekalan di peringkat dasar dan juga penggulungan Yang Berhormat tidak pernah menyentuh mengenai hal seperti ini.

Mengenai Composite Technology Research Malaysia (CTRM), tambahan sebanyak RM55 juta sebagai tambahan modal kerja dan setakat ini setiap kali kita adakan perbekalan tambahan ada permintaan untuk CTRM. Apakah kerja yang telah dijalankan oleh pihak CTRM yang setiap kali memerlukan perbekalan tambahan ini? Saya setuju, kita memang perlukan penyelidikan teknologi supaya kita dapat memaju dengan cepat, secocok dengan hasrat kita untuk menjadi negara maju pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, kita mesti mengambil berat mengenai cara wang yang dibelanjakan untuk tujuan ini. Saya berharap mendapat jawapan yang tepat untuk CTRM.

Tuan Pengerusi, mengenai kastam dan eksais, saya diberitahu bahawa selain daripada sistem fizikal dan manpower, dengan izin, sekarang Jabatan Kastam dan Eksais telah menambah 3P - ditambahkan 3P - People, Process and Partnership, dengan izin. Ini bermakna kita ada PMS dan sekarang kita tambah PPP. Kalau itulah yang dibuat mungkin peranan dan strategi Jabatan Kastam dan Eksais akan dipertingkatkan.

Tuan Pengerusi, tambah pula, kita nampak ada pembelian alat-alat kelengkapan canggih dan Piagam Pelanggan serta pembelian komputer - RM22 juta untuk Jabatan Kastam dan Eksais dan baru-baru ini ada Wisma Kastam Selangor di Pelabuhan Utara Kelang. Nampaknya banyaklah aktiviti untuk mempertingkatkan kecekapan dan perkhidmatan yang lebih cepat. Mudah-mudahan kita dapat

pengeluaran atau produktiviti yang meningkat, kerana kita sekarang di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kita menekankan productiviti Driven Economy. Dengan productiviti Driven Economy ini kita berharap Jabatan Kastam dan Eksais dapat mempertingkatkan prestasinya.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun, saya nampak pelaksanaan Electronic Data Interchange (EDI) sangat lemah, wujudnya kelewatan, sangat tidak memuaskan. Kelewatan dan masalah pelaksanaan ini perlulah diatasi kerana dengan EDI, saya diberitahu bahawa kecekapan dapat dipertingkatkan dengan jentera yang dipermodenkan ini, kita boleh memberi perkhidmatan yang lebih baik untuk pelanggan.

Dan bolehkah Yang Berhormat menerangkan apakah yang terjadi dengan pelaksanaan EDI ini, sama ada matlamat sudah dicapai sekarang, kalau tidak silap saya, lewat satu tahun atau lebih?

Tuan Pengerusi, selain daripada EDI ini, kita sangat bimbang walaupun banyak pegawai di dalam Jabatan Kastam dan Eksais bersih, baik dan cekap, banyak yang baik tetapi ada segelintir pegawai yang masih terlibat di dalam kegiatan rasuah kerana perasuah dan penerima rasuah ini memang susah untuk kita kenal pasti dan saya berharap dengan kegiatan segelintir kecil ini dapat dicegahkan.

Saya akan sentiasa bangkitkan hal seperti ini kerana masih saya dapat maklumat tetapi hendak saya sampaikan bukti dan saksi - susah, kerana persefahaman di antara penerima dan pemberi, macam mana hendak kita tangkap mereka - itu masalah! Dan saya berharap dengan peningkatan kecekapan, peningkatan perkhidmatan yang lebih cepat, kita dapat mencegah juga kegiatan rasuah yang dilakukan oleh segelintir pegawai-pegawai ini.

Tuan Pengerusi, memang kaitan atau penyelarasan di antara pelabuhan seperti Pelabuhan Kelang dengan Jabatan Kastam dan Eksais perlu di- peringkatkan kerana di Pelabuhan Kelang sekarang tahap di dunianya sampai nombor 27 dan mudah-mudahan dengan EDI, dengan perkhidmatan Jabatan Kastam dan Eksais yang kian meningkat, kita akan capai tahap 20 ataupun 15 ataupun 10 di dunia ini. Dan sekarang Pelabuhan Kelang menangani lebih 950,000 twenty foot equivalent unit (DEUS) kontena dan ini merupakan satu peningkatan dengan meningkatnya eksport barangan daripada Pelabuhan Kelang lebih 20% ini, kita berharap Jabatan Kastam dan Eksais boleh meningkatkan prestasinya cocok dengan hasrat kita untuk memajukan Pelabuhan Kelang.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ada banyak lagi, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sepuluh minit.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Mengenai hasil negara, hasil ini sangat penting sekali.

**Tuan Pengerusi:** 10 minit sudah cukup Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sudah cukup? RM24 bilion Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Terima kasihlah. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Kementerian menjawab.

5.35 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, dari Jelebu dan Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah meminta penjelasan mengenai prestasi mengelak cukai dari tan sri-tan sri dan orang-orang kenamaan.

Tuan Pengerusi, Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak memilih kasih atau tidak memilih bulu di dalam menjalankan tugasnya tanpa mengira pangkat. Bagi tahun 1995 sahaja Lembaga Hasil Dalam Negeri telah menyelesaikan 504 kes siasatan melibatkan kutipan hasil dan denda sejumlah RM302 juta. Sehingga bulan September 1996, 401 kes siasatan telah diselesaikan dengan jumlah kutipan RM382 juta.

Oleh kerana perkara ini dibangkitkan oleh Kota Melaka, saya akan minta pegawai daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri sama ada kutipan-kutipan hasil ini telah termasuk nama 'Dato' yang berkenaan, kalau tidak kita akan menyiasat.

Mengenai B.28 - skim menyelamatkan Perwaja Terengganu, nampaknya tidak ada hubung kait dengan B.28 di sini. Walau bagaimanapun, oleh kerana soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, adakah kementerian tahu mengenai Lawrence Lim telah balik ke Perwaja melalui Maju Holdings; jawabnya 'tak tahu' dan kita akan cuba membuat jawapan sekiranya di soal sekali lagi dalam debate perbahasan Belanjawan nanti yang masanya lebih panjang.

Mengenai soalan dan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Jelevu mengenai Jabatan Kastam dan Eksais - B.31 ....

**Tuan Lim Guan Eng:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Kota Melaka bangun Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Minta jalan.

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Ya

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, bolehkah saya dapat jawapan secara bertulis apabila siasatan atau pemeriksaan dibuat oleh pegawai Yang Berhormat sama ada Lawrence Lim ada balik semula kepada Perwaja dan apakah tindakan dan pendirian pihak kementerian tentang kedudukannya sekarang di Perwaja, dengan secara bertulis?

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Saya ingat boleh kita bincangkan nanti semasa perbahasan Belanjawan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa tidak terjamin akan diberikan peluang untuk berucap, bolehkah dapat jawapan secara bertulis? No guarantee I will be allow to speak, so can I get a written replied, dengan izin, Tuan Pengerusi.

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Insya-Allah, kita akan cuba mendapatkan jawapannya.

Ahli Yang Berhormat dari Jelevu telah mengatakan permasalahan pengisian kakitangan-kakitangan jabatan. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa sekarang oleh kerana ekonomi kita tinggi, maju, ramai para pencari pekerjaan memilih kerja. Dan oleh kerana sepertimana yang kita tahu bahawa seperti yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, skala gaji tidak berapa memuaskan, maka apabila kita panggil mereka untuk ditemuduga mereka tidak datang, ada yang dipanggil temuduga mereka datang dan apabila kita memberikan surat tawaran, mereka tidak datang untuk berkhidmat.

Masalah kebajikan kakitangan, saya rasakan perkara ini diambil perhatian yang berat oleh kementerian kerana di dalam beberapa bulan ini saya sendiri telah pun membuka rasmi banyak stesen-stesen kastam yang baru, yang cantik, yang indah dan juga kita sedang juga membuka rasmi kampung-kampung kastam yang kita katakan, yang kita rasakan bahawa kebajikan kastam itu kita ambil berat kerana mereka ini mengutip hasil negara.

Dan pandangan Ahli Yang Berhormat kita akan ambil perhatian dan kita akan cuba mendapatkan banyak lagi rumah-rumah kastam terutamanya di Labuan. Penempatan pegawai-pegawai tempoh masa tertentu selalunya kalau mengikut perkhidmatan awam, kita akan menempatkan seseorang pegawai itu selama lima tahun seperti Ahli Yang Berhormat katakan, tetapi oleh kerana kita telah memperkenalkan

SSB sekarang ini, kita rasakan pemindahan seseorang pegawai ke tempat yang lain akan memakan perbelanjaan yang begitu banyak.

Dan oleh kerana Jabatan Kastam mempunyai ramai kakitangan dan kalau kita jalankan setiap lima tahun mereka ditukarkan ke tempat lain, banyak peruntukan pemindahan akan kita lakukan. Jadi, oleh kerana itu kita jalankan perkara ini secara beransur-ansur dan sedikit demi sedikit melihat kemampuan kerajaan dalam peruntukan itu.

Mengawal masalah penyelewengan pengimportan barang-barang selalunya apa yang kita lakukan di dalam Jabatan Kastam dan Eksais, kita ada informer dan informer ini akan memberitahu kita dan kalau tidak kadang-kadang kita akan buat secara rambang mengenai perkara-perkara ini. Pernah juga dibangkitkan dahulu mengenai kemasukan ikan melalui kontena dan di dalam peti ikan itu ada senjata dan sebagainya, selalunya kita dapat tangkap melalui informer-informer yang memberitahu kita mengenai perkara itu.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** *[Bangun]*

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Ya.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya cuma hendak tahu, adakah pihak jabatan menaikkan kadar elaun bagi informer-informer. Sebab kita mungkin boleh jadi part-time informer, Tuan Pengerusi oleh kerana kemungkinan ada pihak yang tidak berpuas hati dengan elaun yang diterima sebab itulah terdapat antara aktiviti-aktiviti yang berbentuk gelap ini masih berlaku. Kerana informer tidak ada respond. Begitu jugalah dengan kemasukan rokok kretek dan sebagainya yang mana kita dapati dari Selat Melaka yang begitu banyak.

Kalau sebenarnya informer ini memberi tips kepada jabatan, saya ingat lebih daripada bilangan yang sedia ada telah pun dapat ditangkap dan dikesan. Jadi, saya ingin tanya adakah jabatan bercadang untuk menaikkan kadar elaun informer ini?

**Dr. Haji Shafie bin Mohd Salleh:** Tuan Pengerusi, biasanya informer ini akan diberi imbuhan terhadap barang-barang yang sewajarnya mengikut pasaran apa yang kita dapat tangkap daripada hasil informer memberitahu kepada kita. Walau bagaimanapun kita akan mengambil perhatian mengenai perkara ini.

Yang Berhormat dari Kepong telah menanyakan tentang pesawat F/A-18D, jadi Yang Berhormat saya telah pream, dengan izin soalan yang berhormat, saya bawa model Yang Berhormat *[Tepuk]* F/A-18D, kalau Yang Berhormat hendak tengok saya beri kemudian. Tapi jangan bawa balik bagi anak kerana kita hendak balik ini. Ini satu pesawat yang canggih dan pesawat ini kita akan beli sebanyak 8 buah dan ia mempunyai missile, missile daripada tepi ini ada, tempat enjin pun ada, bawah kepaknya pun ada..*[Menyampuk]* Ini merupakan 'A to M missile' pun ada, 'A to Ground missile' pun ada, dan 'surface to surface engagement' pun ada. Dan ini dapat memintas pemusuh-pemusuh dan ia mempunyai, dengan izin, 'real high performer' dan merupakan 'all weather technical combat' dan merupakan dua 'seater'.

Jadi, saya juga Yang Berhormat dari Kepong, ada mempunyai buku ini kalau hendak ditengok. Saya tahu Yang Berhormat rajin membaca, Mc Donald Douglas F/A-18D kalau Yang Berhormat hendak saya fotostatkan. *[Tepuk]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, dia bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi penjelasan. Saya memang berminat dengan buku itu dan juga model, kalau boleh bagi saya satu. *[Tepuk]* Tapi soal pokoknya, mengapa kita belanjakan lebih 4 juta ringgit untuk juruperunding saja, walhal kita sudah membuat keputusan hendak membeli 8 buah pesawat itu. Itu pun lebih pokok daripada itu model.

**Dr. Haji Shafie bin Mohd Salleh:** Terima kasih. Tuan Pengerusi, sistem di Amerika ini lain sedikit dengan sistem kita, apa yang berlaku ialah kita akan meminta

kerajaan Amerika apabila kita hendak membeli kapal terbang ini melalui perolehan Foreign Military Steels (FMS)

Jadi, di situ yang dikelolakan pula oleh pihak tentera laut U.S. Navy, jadi U.S. Navy ini pula ada banyak dia orang punya kontraktor-kontraktor. Jadi kita tidak tahu yang mana satu, yang bagus, yang boleh memberi kita pulangan yang bagus. Jadi oleh kerana itu kita telah meminta Syarikat Venderbelt ini, Amerika Syarikat untuk jadi kita punya penasihat dan konsultan. Jadi Syarikat Venderbelt ini memberikan kita khidmat nasihat profesional secara bebas dan bertindak sebagai sumber rujukan kita, kepada Kementerian Kewangan dan mengenal pasti penjimatan yang dapat dihasilkan serta memberi nasihat teknikal untuk membantu TUDM mengenal pasti perkhidmatan-perkhidmatan yang wajar diperolehi.

Ini yang kadang-kadang tu, apa yang berlaku kita akan ubah sistem sedikit untuk lebih canggih lagi. Jadi perkhidmatan-perkhidmatan daripada konsultan ini perlu. Manfaat yang diperolehi dari Syarikat Venderbelt ini, sejak bulan Ogos 1994 dan di sambung pada tahun 1995 ini. Sejak pertamanya kontrak hasil di perolehi oleh kerajaan ialah penjimatan sebanyak 2 juta U.S Dollar. Ataupun 50 juta nilai asal keseluruhan peralatan pesawat. Jadi oleh kerana dia pandai negotiate, dengan U.S Navy kita dapat jimatkan sebanyak 50 juta daripada nilai asal keseluruhan pesawat - 8 buah.

Dan keseluruhan pesawat 8 buah ini, berharga U.S Dollar 663 juta, jadi nilai ini telah dikurangkan sebanyak 20 U.S juta. Jadi inilah yang dapat kita lakukan dan daripada sini satu manifestasi menunjukkan kegunaan konsultan ini amat penting.

Satu lagi yang diperkatakan ialah mengenai makanan - 'Fun for Food'. Jadi apa yang telah kita lakukan mengenai Tabung Makanan ialah apabila kita melihat banyak yang kita import daging, tenusu dan sebagainya. Dan oleh kerana itu kita telah memberi 300 juta kepada Bank Negara untuk tambahan perkara ini dan saya ada perangkaan-perangkaan mengikut negeri dan sebagainya.

Jadi, import ikan kita ada 760 juta dulu tahun 1995, haiwan hidup 101 juta, daging 340 juta, keluaran tenusu 228 juta, buah-buahan dan sayur-sayuran 940 juta. Jadi apa yang kita harap untuk mengurangkan defisit, kita akan cuba meminta orang-orang kita sendiri melalui lokasi yang diberikan supaya dapat kita mengurangkan import hasil ini. Jadi, 300 juta hendak dekat habis, jadi kita telah menambah lagi 300 juta.

Mengenai P.28, GMVB, jadi ini merupakan 'Global Maritime' - Venture Berhad yang diumumkan semasa pembentangan Belanjawan 1993 dulu, dan tujuannya ialah untuk mengalakkan pelaburan dalam industri perkapalan bagi meningkatkan jumlah kapal milik Malaysia. Dalam perkara ini, kita lihat defisit negara amat tinggi, mengenai dalam perkhidmatan sektor, perkhidmatan service sector. Dan kita telah meminta GMVB yang telah ditubuhkan pada 24 Disember, memberi aktiviti-aktivitinya supaya dapat dijalankan. Saya tengah mencari Tuan Pengerusi fakta-fakta yang saya ada.

Jadi, kalau kita lihat defisit oleh sektor perkapalan, tambang dan insurans dianggarkan sebanyak RM85 bilion pada tahun 1995 dan defisit ini dijangka akan meningkat kepada RM9.2 bilion pada tahun 1996. Jadi, salah satu faktor penyumbang utama kepada keadaan defisit ini adalah keupayaan perkapalan negara yang berkurangan. Jadi, keupayaan perkapalan negara hanya dapat mengangkut tidak melebihi cuma 15% sahaja daripada jumlah dagangan kita.

Pada tahun 1995, jumlah angkatan perkapalan Malaysia kita telah meningkat daripada 1,536 iaitu bertambah sebanyak 25.5% berbanding dengan 1,223 buah kapal pada tahun 1992. Bilangan dan jenis kapal milikan warganegara Malaysia adalah seperti berikut: Kalau kita lihat kontena kita ada 21, kargo 269, tanker 97 dan lain-lain lagi. Jadi kalau Yang Berhormat hendak saya angka di sini, saya akan berikan kepada Yang Berhormat.

Jenis barang yang diangkut ialah 'wet bulk' termasuk minyak mentah, refine product, liquified gas, bahan-bahan kimia dan lain-lainnya. 'Dride bulk' termasuk keluaran pertanian jagung, oats, sorghum, barli dan sebagainya. Jadi, dengan adanya kita memasuki arena ini kita harapkan defisit kita dalam segi perkhidmatan dapat dikurangkan di hari muka.

Mengenai Kastam, rasuah di kalangan pegawai kastam sepertimana Yang Berhormat sedia maklum Yang Berhormat juga mengatakan bahawa yang terlibat ini segelintir sahaja daripada pegawai-pegawai yang lain. Apa yang sedang kita lakukan dan saya selalu dipanggil untuk merasmikan seminar-seminar, kursus-kursus, bengkel-bengkel mengenai rasuah dan kita telah menerangkan kepada mereka peruntukan-peruntukan dan apakah akibat-akibat, konsekuensi-konsekuensi hasil daripada rasuah ini. Alhamdulillah, saya telah pergi beberapa tempat, 4 tempat sekarang ini dan kita akan pergi menjelajah ke tempat-tempat yang lain untuk memberikan penerangan dan keinsafan mengenai rasuah ini.

Saya tertarik sekali jika ada apa yang dikatakan secara psikologi, kita adakan satu drama di mana anak, ibu tunggal dan suami dia masuk jel, ini telah menyebabkan banyak yang menitikkan air mata dan menusuk kalbu dan kita harapkan perkara-perkara seperti ini dapat kita hapuskan sedikit demi sedikit di antara pegawai-pegawai kita.

Mengenai Port Klang, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa kita akan meminta supaya Port Klang lebih efisien dan menjadikan Port Klang satu port yang penting dibandingkan 3 ports di tempat lain dan kita juga berharap supaya banyak entrepreneur-entrepreneur kita akan mengimport barang-barang melalui Port Klang tidak di Singapura dan sebagainya, walaupun kita ada levi RM100 satu lori di Tambak Johor, tetapi saya katakan apa yang perlu seperti Yang Berhormat sedia maklum, dan saya katakan tadi bahawa perkhidmatan kita mesti bagus. Sebagaimana Yang Berhormat katakan tadi bahawa kita ditempatkan 27 di seluruh dunia dan kita rasakan bahawa perkhidmatan Kastam sahaja tidak dapat menyelesaikan masalah ini, kita hendakkan semua agensi kerajaan di Port Klang, itu akan dapat diselaraskan sepertimana Yang Berhormat sedia maklum.

Mengenai EDI, apa yang saya dapat tahu bahawa masalahnya adalah masalah pihak swasta, stevedore yang masih lagi kelamkabut mengenai perkara ini dan kalau dapat nanti kita selaraskan komputer dari pihak swasta masuk ke komputer kita maka 'declaration of customs', dengan izin, barang-barang ini dapat dibuat dengan cara lebih lekas lagi.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM14,523,700 untuk Maksud B.28; RM300,000,000 untuk Maksud B.29; RM20,000,000 untuk Maksud B.30; RM28,412,500 untuk Maksud B.31; RM8,708,000 untuk Maksud B.32 dan RM5,809,600 untuk Maksud B.43 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM14,523,700 untuk Maksud B.28; RM300,000,000 untuk Maksud B.29; RM20,000,000 untuk Maksud B.30; RM28,412,500 untuk Maksud B.31; RM8,708,000 untuk Maksud B.32 dan RM5,809,600 untuk Maksud B.33 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM155,000,000 untuk Maksud P.28 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1996 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM155,000,000 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan)(Bil.3) 1996.

**Menteri Sumber Manusia [Dato' Lim Ah Lek]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat nanti sekejap.

**Dato' Lim Ah Lek:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Majlis bersidang semula.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEKASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

5.57 ptg.

**Menteri Sumber Manusia [Dato' Lim Ah Lek]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Dewan pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996) (No.2) 1996 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 1996 selesai dibahaskan dan diputuskan.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Dewan pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996) (No.2) 1996 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 1996 selesai dibahaskan dan diputuskan.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Dewan pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996) (No.2) 1996 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 1996 selesai dibahaskan dan diputuskan.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN  
TAMBAHAN (1996) (NO.2) 1996**

**DAN**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.3) 1996**

**Jawatankuasa**

**Perbahasan disambung semula**

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*

**Maksud B.34 [Jadual] -**

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat Kepala Bekalan B.34 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM264,219,000 untuk Maksud B.34 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM264,219,000 untuk Maksud B.34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Maksud B.35, B.36, B.37, B.39 dan B.40 [Jadual]-  
Maksud P.40 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1996] -**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.35, B.36, B.37, B.39, B.40 dan Kepala P.40 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Ya, Bagan.

**5.49ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Bekalan B.35 di mana satu peruntukan lebih kurang RM3 juta lebih telah diperuntukkan untuk Pasukan Petugas Pekerja Asing.

Tuan Pengerusi, dalam dua tiga hari kebelakangan ini, Dewan yang mulia ini telah banyak membangkitkan perkara pekerja-pekerja asing khususnya yang haram.

Tuan Pengerusi, saya memang bersimpati dan kasihan kepada pekerja-pekerja asing yang dikatakan haram ini. Mereka ini seperti pada beberapa tahun yang lalu apabila anak muda kita pergi ke Jepun dan Taiwan untuk mencari rezeki di sana kerana gaji dan bayaran yang diberi oleh negara-negara asing itu adalah lebih tinggi daripada apa yang kita boleh dapat dalam negara kita ini dan sekarang, serupa juga. Orang-orang asing khususnya dari Indonesia, Bangladesh dan Filipina, mereka datang ke negara kita ini kerana gaji dan bayaran yang didapati dalam negara kita ini lebih lumayan dari apa yang mereka dapat di negara asal mereka. Jadi, mereka pun ramai-ramai datang ke negara kita secara sah dan tidak sah.

Ini adalah satu soal seolah-olah keselamatan negara kita ini langsung tidak dikawal. Mengapa begitu ramai pendatang asing datang ke negara kita ini tanpa diawasi dan tanpa diketahui oleh pasukan keselamatan negara kita ini?

Tuan Pengerusi, memang satu persoalan iaitu penguatkuasa undang-undang dan juga kawalan keselamatan negara kita ini memang ada kelemahan. Di Pulau Pinang sahaja, ada beberapa kes di mana orang-orang dari Myanmar dan orang-orang Indonesia datang dengan bot-bot dari negara-negara mereka sehingga sebuah bot

mengandungi lebih 100 orang dan kadang-kadang mereka kena berkas. Kadang-kadang mereka terlepas dan mereka berlari masuk ke belukar, tetapi akhirnya, kerana kelaparan dan kerana maklumat yang diberi oleh orang ramai, barulah pasukan keselamatan mengetahui kemasukan mereka dan mereka diberkas.

Tentulah ada di antara orang-orang asing ini yang bernasib baik dan mereka terlepas. Apabila mereka terlepas, nasib mereka bukan baik sangat. Walaupun terlepas, tetapi nasib mereka pun bukan baik sangat. Saya selalu ada mendengar pengaduan-pengaduan dan juga cerita-cerita yang diberi oleh orang-orang tempatan bahawa pekerja asing ini ditindas dan diheret oleh pasukan bersenjata, baik dari askar atau dari pasukan polis.

Ada segelintir sahaja saya kata, pasukan polis - mereka ini menindas dan mengheret orang-orang asing ini. Tujuan mereka bukan mahu menangkap pekerja-pekerja asing ini. Mereka cuba mendapat sesuatu dari badan mereka. Mereka memeriksa badan pekerja-pekerja asing ini dan jikalau didapati ada wang, mereka hendak meminta wang itu. Berapa sahajalah, walaupun RM10 atau RM20, setakat berapa banyak, mereka mahu ambil.

Ini adalah satu kelemahan penguatkuasa. Ada juga orang mengatakan segelintir polis bukan mahu pergi menahan orang-orang tersebut kerana kesalahan trafik, kerana jikalau mereka menangkap seorang yang menunggang motosikal kerana tidak memasang lampu pada siang hari, pendapatan atau apa yang boleh diminta itu adalah begitu kurang sekali. Tetapi jikalau memberkas seorang asing, tuan punya tauke atau penggaji orang asing ini akan berkejar-kejar untuk mencari anggota polis ini. Dan mereka boleh mendapat sehingga RM200 - RM300 untuk melepaskan pekerja asing ini.

Saya merasa sedih kerana ada seorang dua anggota polis yang menindas pekerja asing perempuan dengan menyimpan mereka di sesuatu tempat. Ini adalah satu kebenaran, Tuan Pengerusi. Pada siang hari perempuan ini akan pergi bekerja dan pada waktu malam, pekerja asing perempuan ini akan balik ke pondok, bukan rumah, ke pondok yang dibina di tepi sungai, yang dibina di kawasan luar bandar dan pada masa itu juga anggota polis yang saya maksudkan itu akan naik motosikal sampai ke pondok itu dan selepas itu apa hal, kita pun tidak tahulah!

Apa maksud saya ialah penguatkuasaan. Pondok polis, balai polis di negara kita ini, merata-rata dalam tiap-tiap daerah, dalam tiap-tiap pekan dan dalam tiap-tiap satu tempat walaupun satu kampung, mesti ada satu balai polis. Mengapa orang-orang yang dikatakan haram ini tidak dapat ditangkap? Timbul satu pertanyaan mengapa mereka ini tidak dapat ditangkap.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini kerajaan telah membenarkan orang-orang asing tanpa permit atau pendatang haram ini boleh mendaftar sebagai pekerja jangka pendek melalui majikan mereka. Satu pertanyaan yang saya hendak bangkitkan di sini ialah, selepas majikan memohon kepada kerajaan untuk mengesahkan status atau kedudukan pekerja asing ini, majikan boleh menggunakan sebab ini untuk menindas lagi pekerja-pekerja asing ini sebab permit yang dikeluarkan oleh kementerian bukan kepada individu. Permit yang dikeluarkan adalah kepada seorang majikan atau sebuah syarikat dan pekerja ini tidak boleh lari ke mana-mana. Jikalau tauke itu kata satu hari RM10, mereka kena bekerja 10 hari lagi. Tak boleh lari ke mana-mana.

Mengapa kerajaan tidak membenarkan pekerja-pekerja asing ini mendaftar sebagai seorang individu di mana beliau akan mendapat satu kad pengenalan - bukan kad pengenalan seperti yang kami pegang, tetapi satu kad pengenalan khas yang menunjukkan bahawa beliau telah didaftarkan dan beliau bebas untuk pergi mencari kerja di mana-mana tempat di mana dia boleh mendapat lebih keuntungan. Itu persoalan saya.

Tuan Pengerusi, pada masa ini saya memang tahu di Kementerian Dalam Negeri di Damansara ini semua penuh dengan agen pekerja-pekerja asing. Ajen pekerja-pekerja asing ini berlumba-lumba pergi ke sana untuk mendapatkan kelulusan

dan permohonan untuk mendaftarkan pekerja-pekerja asing ini. Ada seorang majikan dari kawasan saya datang mencari saya, beliau menunjukkan satu photostate copy of the document, dengan izin. Beliau bertanya saya kerana beliau meragui sama ada photostate documents yang dikatakan telah dicop oleh Jabatan Imigresen ini benar atau tidak dan sah atau tidak sah. Ada cop, Tuan Pengerusi, dan bayarannya bukan sedikit, RM35,000 untuk mungkin 20 orang pekerja. 20 orang pekerja, RM35,000, termasuklah denda, levi dan beliau hanya diberi sehelai kertas di mana ada cop "Penerimaan" dan juga diberi satu photostate receipt yang bertulis.

Beliau bertanya saya sama ada ini benar dan adakah dokumen ini adalah sah. Saya kata, "Saya pun tak tahu, macam mana mahu check?" Ini saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri macammata kita boleh tahu sama ada photostate documents yang diberi oleh agen-agen pekerja asing ini adalah sah dan adalah benar-benar diterima oleh Jabatan Imigresen di Damansara ini?

Tuan Pengerusi, saya hendak mencadangkan di sini supaya Jabatan Imigresen khasnya Pasukan Petugas Pekerja Asing ini mengadakan satu hot-line, di mana orang-orang yang menemui masalah seperti ini boleh terus menelefon dan untuk mengesahkan sama ada permohonan ini telah dikemukakan kepada Jabatan Imigresen dengan sah dan sama ada resit sejumlah besar wang betul-betul ada diterima oleh kerajaan. Itu yang saya minta kepada Jabatan Imigresen supaya memberi satu perkhidmatan kepada semua majikan-majikan yang hendak mengetahui kesahihan dokumen-dokumen yang mereka tunjukkan. Dengan itu sekian, saya Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Kangar.

**6.12 ptg.**

**Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]:** Tuan Pengerusi, sukacita saya mengambil bahagian dan menyokong perkara ini iaitu di bawah Maksud B.35 - Kementerian Dalam Negeri. Maksud B.37 - Jabatan Imigresen dan Maksud B.39 - Jabatan Pendaftaran Negara.

Tuan Pengerusi, tadi kita sama-sama dengar bahawa Ahli Yang Berhormat dari Bagan begitu kasihan kepada pendatang asing tanpa izin. Saya yakin bahawa Kementerian Dalam Negeri dan juga Kerajaan Malaysia lebih kasihan kepada semua pihak, bukan sahaja kepada PATI, tetapi juga kepada negara ini - kepada semua pihak yang terlibat. Sebab itulah makanya kita dapati bahawa Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan Pasukan Petugas Pendatang Asing ini.

Kita juga dapati bahawa Pasukan Petugas Pendatang Asing ini merupakan satu badan yang baru ditubuhkan, tetapi mempunyai tugas yang berat dari segi keselamatan negara. Di samping itu juga kita dapati bahawa jabatan ini merupakan satu jabatan yang boleh menjanakan pendapatan kepada negara.

Sehubungan dengan itu sukacitalah saya meminta kepada Kementerian Dalam Negeri supaya mempertingkatkan lagi keselesaan di pejabat Pasukan Petugas Pendatang Asing di Pusat Bandar Damansara, memandangkan bahawa keadaan di situ terlalu sesak. Kita dapati bahawa di pejabat-pejabat berkenaan curtain, dengan izin, Tuan Pengerusi, tidak ada. Malah ada pejabat-pejabat yang ditutup separuh dengan brown paper sahaja, maka nampaknya kualiti jabatan ini begitu rendah, tetapi perkhidmatannya begitu mendatangkan pendapatan kepada negara. Tambahan lagi apabila Kementerian Dalam Negeri menjalankan Program Pemutihan pekerja tanpa izin mulai daripada Julai lepas sehinggalah hujung tahun ini. Maka saya juga mengambil kesempatan untuk menggesa Kementerian Dalam Negeri supaya mengambil tindakan penambahan tenaga di jabatan Pasukan Petugas Pendatang Asing ini.

Tuan Pengerusi, saya rasa bahawa response, dengan izin, pihak-pihak tertentu akan meningkat nanti, memandangkan bahawa pihak kerajaan akan meminda Akta Imigresen di mana kita dapati, mana-mana yang tidak ikut peraturan nanti bukan sahaja didenda, malah akan disebat, sama ada pendatang tanpa izin itu sendiri atau

majikannya. Yang paling ditakuti, saya yakin ialah 'sebat' itu sendiri. Jadi, saya minta melalui Dewan ini kepada Kementerian Dalam Negeri supaya dapat mengambil pertimbangan di atas perkara ini.

Kita juga dapati bahawa pendatang-pendatang tanpa izin dari lain-lain negara sepertimana yang dibenarkan oleh Kementerian Dalam Negeri untuk membuat 'pemutihan'. Tetapi negara-negara tertentu tidak dapat dibuat 'pemutihan', jadi selepas ini saya mintalah dipertimbangkan supaya 'pemutihan' dapat dibuat kepada semua pendatang tanpa izin tidak kira negara, dengan tujuan bahawa selepas ini tidak ada lagi pendatang tanpa izin dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, dari segi Jabatan Imigresen, kita dapati Jabatan Imigresen juga memerlukan tambahan tenaga. Memandangkan baru-baru ini di Perlis dalam negeri saya didapati ada pihak-pihak tertentu membawa pendatang tanpa izin dan menggunakan pakaian pekerja kilang. Jadi, kita dapati perkara ini bukan sahaja dikesan oleh Imigresen, tetapi dikesan oleh jabatan lain bersama, tambahan lagi saya yakin bahawa pihak tentera juga boleh memberikan kerjasama dalam hal ini.

Saya cuba membangkitkan perkara ini kerana negeri saya adalah bersempadan dengan Thailand iaitu sempadan antarabangsa, sungguhpun kecil, tetapi kita dapati ramai juga pendatang-pendatang tanpa izin yang masuk melalui Bukit Kuangchu dalam kawasan Parlimen Padang Besar yang saya rasa Yang Berhormat dari Padang Besar tidak dapat mengemukakan perkara ini. Jadi, saya kemukakan bagi pihak Yang Berhormat dari Padang Besar. Begitu juga melalui sempadan laut melalui Kuala Perlis mahupun Kuala Sanglang dalam kawasan Parlimen Arau. Tambahan lagi kita dapati bahawa masa inilah yang pada pendapat saya bahawa sindiket-sindiket cuba membawa seberapa banyak yang boleh melalui negeri Perlis kerana pada masa ini tembok keselamatan yang sedang dibuat masih belum sempurna sepenuhnya.

Begitu juga saya mengambil kesempatan untuk meminta kerjasama daripada Kementerian Dalam Negeri untuk mempertingkatkan kemampuan pagar keselamatan yang ada sekarang iaitu antara Perlis dengan Thailand mulai dari Padang Besar sampailah ke Bukit Kayu Hitam, di Kedah.

Di samping itu juga bagi Maksud B.39 - Jabatan Pendaftaran Negara. Pagi tadi melalui TV3 saya dapati dari berita masih ada ratusan ribu lagi penduduk terutama sekali di Perak yang masih lagi belum menukar kad pengenalan lama kepada kad pengenalan bermutu tinggi. Ini kerana saya juga yakin bahawa Jabatan Pendaftaran Negara tidak cukup kakitangan, lebih-lebih lagi jabatan ini terpaksa bekerja atau beban tugas yang begitu berat, kerana sejak lahir seorang itu sudah terlibat dengan tugas Jabatan Pendaftaran Negara, iaitu dia kena daftar kelahiran. Apabila sudah dewasa pula kena daftar perkahwinan, bila kahwin mungkin pula bercerai, Tuan Pengerusi, jadi ini juga tugas Pendaftaran Negara, orang kahwin pun dia terlibat, orang bercerai pun dia terlibat, orang beranak pun dia terlibat. Ada juga pihak-pihak yang tidak pernah tahu bahawa dia juga didaftar oleh Jabatan Pendaftaran Negara iaitu orang yang meninggal dunia. Orang yang meninggal juga didaftar oleh Jabatan Pendaftaran Negara, jadi memandangkan bahawa masih banyak lagi didapati rakyat kita yang masih belum menukar kad pengenalan lama kepada Kad Pengenalan Bermutu Tinggi, maka sukacitalah melalui Dewan ini saya memohon jasa baik Kementerian Dalam Negeri sama ada mempertingkatkan lagi kerja-kerja ataupun melanjutkan tempoh ke satu masa yang tertentu untuk membolehkan semua rakyat kita menukar kad pengenalan lama kepada kad pengenalan baru. Ini bukan bererti saya menubuh Jabatan Pendaftaran Negara tidak membuat kerja, tetapi beban tugasnya terlalu banyak, Tuan Pengerusi. Sepertimana yang saya sebut tadi, sejak lahir sampailah ke mati, ini adalah tugas Jabatan Pendaftaran Negara.

Saya rasa itulah sahaja pandangan yang dapat saya kemukakan dalam Dewan ini, sambil itu sekaligus saya menyokong Maksud B.39 ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi: Kuala Pilah.**

6.20 ptg.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Izinkan saya juga dapat membahaskan beberapa tajuk dalam sesi kita pada ketika ini melalui Dewan yang mulia ini. Saya hanya akan menumpukan kepada dua tajuk saja, B.36 - Polis DiRaja Malaysia dan B.39 - Jabatan Pendaftaran Negara.

Pertama sekali Pasukan Polis DiRaja Malaysia (PDRM), sebagaimana yang kita semua sedia maklum, ialah satu pasukan yang boleh kita anggap satu pasukan yang cukup baik di rantau South Asia ini, di mana keanggotaannya dan keupayaan mereka boleh kita banggakan.

Tuan Pengerusi, dalam aspek ini dari segi keanggotaannya yang terdiri dari pelbagai kaum, izinkan saya menyarankan dalam Dewan yang mulia ini, di masa-masa kebelakangan ini ataupun yang lampau, keanggotaan Polis DiRaja Malaysia selalunya terdiri dari kaum orang Melayu saja. Di sini sungguhpun galakan dibuat oleh kerajaan supaya semua kaum di Malaysia menyertai pasukan ini, tetapi sambutan daripada golongan kaum khususnya kaum Tionghua tidak begitu menggalakkan. Mengikut pengalaman sendiri....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bercakap dasar itu, di atas dasar, sekarang Jawatankuasa.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Pengerusi, saya hendak sebut di sini dari segi meminta supaya PDRM melalui kementerian, kemudahan service training, dengan izin, digalakkan supaya didapati masa keadaan mencabar ini, keupayaan pasukan iaitu dari segi keanggotaannya selalunya ada latihan dalam. Tetapi kemudahan ini wajar diperluas dan dipertingkatkan. Juga Kolej Polis DiRaja Malaysia di Kuala Kubu dan juga pasukan Polis DiRaja Malaysia pusatnya di Pulapol, pusat Polis DiRaja Malaysia di Jalan Gurney, di mana wajar juga diberi banyak peningkatan dari segi keilmuan dan alat-alat yang canggih sesuai dengan keadaan masa kini.

Tuan Pengerusi, kemudahan peningkatan ilmu PDRM perlu juga disarankan supaya menggalakkan keanggotaan, mereka ini diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi yang lebih ramai semasa dalam perkhidmatan secara cuti tanpa gaji ataupun memberi biasiswa.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin menyentuh dari segi sistem SSB dalam Polis DiRaja Malaysia. Banyak kita dengar sistem SSB ini dalam Jabatan Pendidikan pun banyak teguran dan permasalahan timbul. Bagi pasukan Polis DiRaja Malaysia yang mana cawangan tugas kerjanya berbilang macam dan seperti general duty, tugas am CID, Cawangan Khas, Laut, Darat dan juga di Udara, apabila laporan-laporan ini dibuat, izinkan saya membawa pengetahuan kementerian bahawa banyak rungutan terdapat juga di kalangan pegawai-pegawai di peringkat rendah, yang selalunya terdapat laporan-laporan ini tidak begitu diteliti dengan pegawai-pegawai pelapor yang kadangkalanya menimbulkan perasaan tidak puas hati, dan kadangkala juga berlaku laporan pilih kasih dan sebagainya.

Saya menyarankan supaya Pejabat Ketua Polis Negara mengambil sikap terbuka dan perlu juga wajar setiap pelapor itu terlebih dahulu dibuat penelitian juga. Kadangkala pelapor-pelapor ini menimbulkan suasana yang kurang begitu baik dan wajar kita buat kajian dan perlu penelitian dibuat di peringkat di Bukit Aman.

Tuan Pengerusi, perkara seterusnya yang saya ingin sentuh ialah pakaian seragam ataupun uniform. Dalam satu pasukan yang beruniform, biasanya kita memerlukan satu bentuk yang cantik dilihat, kacak dan juga berkualiti. Bagi Pasukan Polis DiRaja Malaysia, setakat ini saya mengucapkan syabas dan tahniah telah mengadakan bermacam perubahan dan menampakkan begitu cantik dan segar. Tetapi di masa-masa kebelakangan ini terdapat juga bermacam-macam rungutan dari segi kualitinya, iaitu kain-kain yang dibekalkan hendaklah datangnya daripada kain yang berkualiti tinggi, kerana mereka ini bekerja tidak menentu dan menggunakan pakaian seragam ini selalu digunakan tak mengira waktu, masa dan keadaan, di mana

pembekal-pembekal uniform ini hendaklah datangnya daripada kualiti yang baik dan pembekal-pembekal yang berintegriti.

Ada juga berlaku di mana apabila penyembahan dibuat ataupun menyembahkan sesuatu demonstrasi, contoh-contoh daripada kualiti yang baik. Tetapi apabila saranan seterusnya, pembekalan berterusan, nampaknya ada penurunan kualiti. Perkara ini wajar juga diambil kira supaya keanggotaan Polis DiRaja Malaysia menampakkan satu pasukan yang begitu mantap, begitu segar dipandang oleh dunia.

Seterusnya Tuan Pengerusi, ingin juga saya menyentuh dari segi pembekalan ataupun kedudukan kenderaan Polis DiRaja Malaysia. Patrol car ataupun polis-polis peronda sekarang ini untuk mengikut keadaan semasa, menggalakkan kenderaan nasional digunakan. PDRM menggunakan Proton dan sebagainya. Itu kita tidak ada permasalahan supaya menggalakkan kenderaan nasional digunakan. Tetapi di dalam pasukan Polis DiRaja Malaysia ini ada juga tugas-tugas yang mana memerlukan kenderaan yang begitu sophisticated dan canggih. Contohnya, kenderaan-kenderaan patrol ataupun lebuhraya, perlukan satu kenderaan yang berenjin tinggi, berkuasa tinggi dan boleh memainkan peranan yang begitu hebat untuk menghadapi cabaran di lebuhraya. Kalau dahulunya pernah pasukan Polis DiRaja Malaysia dibekalkan kenderaan seperti Alfa Romeo, dan juga Volvo. Kebelakangan ini nampaknya sudah kurang. Baru-baru ini secara kebetulan semasa saya berada di Beijing, terperanjat juga saya melihat pasukan polis Cina di Beijing menggunakan pilot car Mercedes 500 sebagai kereta patrol. Ini menampakkan, bukan kita hendak mengikut, tetapi yang penting sekali, kedudukan pasukan Polis DiRaja Malaysia yang memainkan banyak peranan ada ketikanya dan tempatnya wajar juga dibekalkan oleh kenderaan yang sewajarnya, kerana mereka ini terpaksa kadangkala mengejar penjenayah-penjenayah yang mempunyai kenderaan yang sophisticated. Kalau menggunakan kereta Proton, mereka itu menggunakan kereta yang begitu canggih, tidak akan terkejar oleh pasukan Polis DiRaja Malaysia kita. Kadangkala juga merbahaya juga kepada keselamatan nyawa mereka.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, ....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Ya, saya akhiri, untuk menyebut akhir sekali, Persatuan Bekas-bekas Polis yang mana saya sarankan kepada kementerian menyemak bekalan by-lawnya, undang-undang kecilnya tidak begitu sesuai, kerana didapati keanggotaan by-law itu hanya masih lama yang tidak diubahsuai. Ini untuk menggalakkan pegawai-pegawai kanan menyertai persatuan ini dibandingkan dengan Persatuan-persatuan Bekas Tentera.

Dengan itu, saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Seremban.

6.29 ptg.

**Dato' Hon Choon Kim [Seremban]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana memberikan peluang saya membahas....

**Tuan Pengerusi:** Minta maaf Yang Berhormat. Selepas ini saya hendak kena minta Yang Berhormat Menteri menjawab, dengan kerana apabila 4 orang berucap sudah 40 minit. Selepas itu Menteri menjawab barangkali 20 minit, sejam. Kita ada 10 lagi. Kalau sekiranya kita tidak menjimatkan masa, kita tidak boleh menghabiskan pada malam ini. Dan mengikut Peraturan Mesyuarat kita kena menghabiskan perbincangan di atas Perbelanjaan Tambahan dalam 3 hari. Sila.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Pengerusi, saya akan terus kepada Maksud B.37 - Jabatan Imigresen. Sebenarnya, Malaysia adalah sebuah negara yang begitu bebas dan senang untuk memohon passport untuk keluar negeri, sampai rakyat Malaysia telah menganggap adalah hak mereka untuk memohon dan inilah tanggungjawab bagi Jabatan Imigresen untuk memberikan passport kepada mereka.

Oleh kerana itu, apabila musim cuti sekolah begitu ramai rakyat Malaysia telah pergi ke Jabatan-jabatan Imigresen untuk membuat permohonan membarui pasport-pasport atau memohon pasport-pasport yang baru. Oleh kerana itu saya rasa, jabatan-jabatan yang sedia ada, yang disediakan beberapa tahun yang sudah, sudah tidak cukup untuk membuat, menanggung atau melayan bilangan pemohon yang kian bertambah.

Saya ingin memberi satu contoh kepada Dewan yang mulia ini, iaitu di Seremban - Jabatan Imigresen yang sedia ada, ruangnya sudah tidak cukup untuk menampung bilangan pemohon yang begitu ramai. Oleh kerana itu saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mengambil perhatian untuk mengatasi masalah ini. Sebenarnya Yang Berhormat Timbalan Menteri juga telah melawat ke Jabatan Imigresen dan telah lihat dengan sendirinya tentang keadaan yang sedia ada.

Lagi satu, tentang Pusat Latihan Imigresen Jelebu. Sama ada pusat latihan itu jadi atau tidak? Sebenarnya, ini pun telah diperkatakan beberapa kali dan rakyat pun telah bertanya sama ada Pusat Latihan Imigresen yang berada di Jelebu dan sepatutnya diadakan di Jelebu, jadi atau tidak?

Tuan Pengerusi, berhubung dengan pasport-pasport yang rosak, biasanya pasport-pasport yang rosak, apabila dikemukakan kepada Jabatan Imigresen, biasanya, Jabatan Imigresen akan mengambil masa yang agak panjang untuk menerima permohonan dan memproses permohonan sampai dua tahun atau tiga tahun. Jadi, ini menimbulkan banyak masalah yang merumitkan pemohon. Sebenarnya, saya setuju kalau sekiranya pemegang pasport itu dengan sengajanya, pasport telah hilang atau pasport telah rosak, memang untuk kes-kes ini saya memang setuju supaya pihak kerajaan sepatutnya tidak begitu senang untuk mengeluarkan gantian kepada orang yang berkenaan, tetapi untuk pemegang pasport yang tidak dengan sengajanya pasportnya telah hilang atau rosak atau dengan bukti yang begitu jelas, misal kata, rumahnya terbakar. Apabila rumah terbakar, pasport hangus, jadi, apabila hendak memohon baru akan mengambil masa dua atau tiga tahun.

Jadi, kes-kes ini merupakan satu perkara yang amat rumit dan berharap kementerian akan mengambil langkah bagi memastikan kes yang genuine, kes yang tidak dapat dielakkan itu dapat di proses dengan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh sedikit Maksud B.39 - Jabatan Pendaftaran Negara. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Jabatan Pendaftaran Negara kerana tugas perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat semasa proses untuk menukar kad pengenalan daripada kad lama ke kad baru, mereka memang telah menjalankan satu tugas yang baik, satu perkhidmatan yang baik dan sebenarnya saya sendiri telah meminta Jabatan Pendaftaran Negara di Seremban untuk menghantar pegawai-pegawainya turun ke kampung supaya membantu rakyat di luar bandar untuk menerima permohonan daripada mereka dan mereka sanggup buat, mereka sanggup untuk turun ke kampung, untuk memberi penerangan tentang cara untuk memohon dan sebagainya.

Jadi, saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Jabatan Pendaftaran Negara, akan tetapi ada sedikit masalah tentang proses untuk pertukaran ini yang berlaku pada peringkat awalnya. Pada peringkat awalnya, apabila seseorang kemukakan permohonannya, sekiranya butir-butir dalam sijil kelahiran, pada sijil kewarganegaraan, ada berbeza sedikit dengan kad pengenalan yang lama ini, jadi, mereka perlu membuat pindaan kepada butiran-butiran berkenaan. Jadi, apabila permohonan untuk meminda beberapa butir dalam sijil-sijil ini, mereka terpaksa menghantarkan sijil asal kepada jabatan berkenaan, tetapi selepas dua, tiga tahun, kad baru telah balik dan diluluskan dan dikeluarkan, tetapi pindaan butiran itu masih belum dapat diselesaikan lagi.

Di pejabat saya, saya memang selalu terima aduan daripada rakyat. Saya memang ada bukti, sebenarnya, saya ada banyak kes di tangan saya, sudah tiga, empat tahun - bila permohonan pindaan dilakukan, mereka hendak minta - tetapi ini satu

kehendak daripada Jabatan untuk menyuruh mereka membuat pindaan, supaya sebelum KPT baru boleh dikeluarkan kepada mereka. Oleh kerana itu mereka membuat permohonan dan hantar surat-surat atau sijil-sijil asal, tetapi selepas dua, tiga tahun belum ada jawapan lagi.

Saya rasa, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang lain pun ada jumpa kes seperti ini dan biasanya kita membantu mereka untuk menghantar surat kepada Jabatan Berkenaan dan itupun tidak tentu, tidak tahu apa jawabannya. Oleh kerana itu, saya ingin bangkitkan hal ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya perkara ini dapat diberi perhatian dan untuk membantu rakyat untuk menyelesaikan masalah ini. Jadi, inilah pandangan saya dan saya turut menyokong.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kementerian diminta menjawab.

**6.38 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada 4 orang Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dan sudah memberikan cadangan-cadangan yang membina dan saya telah pun meneliti semua perkara yang dibangkit dan saya akan cuba menjawab sejauh mana yang sempat. Kalau sekiranya ada apa-apa yang tidak sempat, saya akan mengambil perhatian dan mengambil tindakan yang wajar.

Tuan Pengerusi, memang seperti apa yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar, iaitu memang kerajaan bersimpati terhadap pekerja-pekerja asing yang sah, yang datang ke negara kita ini secara teratur, secara betul dan sentiasa menghormati undang-undang kita, sehingga mereka ini akan dilindungi supaya tidak dieksploitasikan oleh mana-mana pihak. Tetapi pada masa yang sama kerajaan juga perlu berhati-hati dan perlu bertindak dengan tegas terhadap mereka yang masuk-keluar negara kita secara tidak teratur, tidak menghormati undang-undang kita dan sentiasa melakukan hal-hal yang melanggar undang-undang sehingga ianya membebankan rakyat kita ataupun memberikan masalah kepada rakyat kita.

Jadi, dari segi sama ada simpati atau tidak negara kita, yang penting ialah kita kena pastikan keselamatan negara kita sentiasa terjamin, pada masa yang sama ekonomi kita juga boleh tumbuh dengan sihat, dengan teratur, dengan tidak kerana ekonomi sahaja kita telah mengorbankan aspek-aspek yang lain sehingga negara kita berkembang ataupun membangun secara tidak seimbang.

Oleh sebab itu, saya ingin menegaskan di sini penguatkuasaan terhadap pendatang tanpa izin memang selama ini dijalankan dengan tidak dilonggarkan langsung. Sejak tahun 1992, kerajaan telah memperhebatkan operasi menahan, menangkap mereka yang masuk dan juga pada masa yang sama meningkatkan rondaan di sepanjang perairan dan juga sempadan dan berulang kali saya sebutkan operasi itu di Dewan ini, saya rasa dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Bagan telah mengatakan keselamatan negara langsung tidak dikawal, saya rasa dakwaan itu tidak tepat, cuma merupakan satu pemerhatian yang subjektif.

Sebagai contoh yang lebih jelas sejak tahun 1992 sehingga sekarang, pihak penguatkuasa telah pun menahan seramai 269,862 orang pendatang tanpa izin atau pekerja tanpa permit ataupun tanpa dokumen yang sah dan 169,331 orang daripada mereka yang ditahan ini telah pun diusir balik ke negara asal mereka, angka tersebut adalah untuk seluruh Malaysia.

Selain daripada itu, banyak tindakan penguatkuasaan yang telah pun kita lakukan terhadap ahli-ahli sindiket yang membawa mereka keluar masuk ataupun majikan-majikan yang tidak menghiraukan undang-undang sehingga mereka menjaga kepentingan diri sendiri sahaja, bukan sahaja kita kenakan kompaun, kita kenakan tindakan penguatkuasaan biasa, kita juga bawa mereka ke mahkamah, kita gunakan undang-undang pencegahan seperti kita menyekat ahli sindiket yang tidak bertanggungjawab dengan menggunakan Akta Kediaman Terhad, kita gunakan juga

Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk memasukkan mereka terutamanya orang-orang sindiket yang tidak bertanggungjawab dan telah mengeluarkan dokumen-dokumen palsu kepada pendatang tanpa izin.

Semua ini adalah contoh-contoh, langkah-langkah yang kukuh di mana penguatkuasaan itu tidak sama sekali kita mengabaikan, yang penting saya ingin menegaskan di sini, baru-baru ini kita memperhebatkan lagi, menjamin sekali lagi dengan langkah-langkah yang tegas dan konkrit iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri telah mengambil berat dengan mempengerusikan Majlis Keselamatan Negara dengan membuat keputusan yang penting, langkah-langkah yang terbaru saya telah menjelaskan di sini dan Majlis Keselamatan Negara juga telah mengumumkannya dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah sedia maklum. Saya rasa semuanya ini kita telah membuktikan kesungguhan kerajaan dari segi penguatkuasaan, dari segi menjamin keselamatan negara dan juga ....

**Tuan Fu Ah Kiow:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Mentakab bangun.

**Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]:** Tuan Pengerusi, baru-baru ini Majlis Keselamatan Negara telah mengumumkan syarat-syarat yang harus dipatuhi oleh semua mengenai dengan pengambilan buruh asing tetapi saya ingin bertanya, atas sebab apa, pihak kerajaan negeri semalam sekali lagi mengumumkan lima syarat yang agak berlainan termasuk ingin menghadkan buruh asing pada waktu malam dan sebagainya? Saya hendak minta penjelasan siapa yang mempunyai kuasa tertinggi dalam hal berkenaan ini sebab selama ini yang mengelirukan semua pihak, sama ada pihak majikan, pihak orang ramai ialah sebab kementerian selalu menukar dasar dan menukar syarat-syarat mengenai dengan pengambilan buruh asing.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, apa yang dapat saya baca dalam surat khabar hari ini berkata Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah pun mengadakan mesyuarat bersepadu dengan jabatan-jabatan yang ada kena-mengena dengan pekerja asing ini telah menetapkan beberapa garis panduan. Saya rasa garis panduan itu tidak bercanggah dengan apa yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara bahkan ianya merupakan satu follow-up action, satu cadangan yang diperketatkan lagi daripada situ di mana mereka hendak memastikan pekerja-pekerja asing yang selepas mereka memastikan mempunyai majikan yang sah itu mereka akan dapat terkawal dari segi sama ada tempat mereka duduk dan tempat mereka akan keluar, masa mereka yang boleh keluar itu, saya rasa itu merupakan satu kawalan yang lebih ketat supaya hal-hal yang tidak diingini itu tidak akan terjadi.

Dan saya nampak itu memang satu perbincangan bukan sahaja kerajaan negeri, ada juga Jabatan Imigresen dan ada juga polis terlibat, saya rasa semua jabatan itu sedar tentang dasar-dasar Kerajaan Pusat dan tidak ada percanggahan.

Mengenai mengapa pula kerajaan kadangkala ini ada bertukar-tukar dari segi peraturan, dari segi pengambilan pekerja asing dan sebagainya, memang pada satu ketika kita ada satu peraturan apabila nampak ada kelemahan, tetapi kerajaan bila nampak ada kelemahan kita cepat-cepat betulkan, kita cepat-cepat pastikan peraturan yang lebih sesuai, lebih menjamin akan dikenakan dan hari ini kita sudah tetap dengan apa yang diputuskan, langkah-langkah itu merupakan langkah-langkah yang terbaru dan yang telah pun mengambil kira segala kelemahan yang kita hadapi dahulu.

Dan kali ini kita pasti kena percaya untuk mengatasi masalah pendatang tanpa izin ini kerana kita sudah mempunyai satu beban untuk beberapa tahun yang lalu, tak boleh kita digest problem ini, dengan izin, kali ini kita kena perlukan kerjasama dari semua majikan, dari semua rakyat, dari semua agensi-agensi supaya sekaligus kita boleh ...

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Tuan Ong Ka Ting:** Saya rasa kalau saya beri jalan, susahlah! Tak payahlah! Kita boleh bincang dalam perbincangan dasar dalam Belanjawan kerana kita dapat berbincang lebih spesifik lagi.

Kali ini kita ada langkah-langkah yang telah diambil kira semua faktor-faktor di mana kita tidak boleh menyalahkan hanya satu pihak, kalau penguatkuasa begitu besar dia punya pasukan, Ahli Yang Berhormat dari Bagan sendiri sudah mengaku segelintir sahaja, seorang-dua sahaja kalau perkara itu berlaku, kita jangan lepaskan mereka ini. Kita laporkan, kita berikan maklumat itu dan kerajaan sentiasa memandang serius, kita memang benci perkara yang menyeleweng atau rasuah.

Saya rasa Perdana Menteri sendiri merangkap Menteri Dalam Negeri sudah berulang kali dalam apa organisasi, sebagai Perdana Menteri, sebagai Presiden UMNO, sebagai apa pun, beliau bencikan rasuah ini dan kita tidak teragak-agak mengambil tindakan, tak kira mereka siapa. Tetapi, dakwaan itu perlulah disertakan dengan bukti dan saya tidak nafikan kalau sekiranya kadangkala ada segelintir, ada blacksheep di mana-mana satu servis. Tetapi, yang penting macam mana kita dapat mengatasi, macam mana kita pastikan perkara ini boleh kita kurangkan dengan kerjasama orang awam.

Mengenai pemutihan majikan, saya tidak bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Bagan yang mengatakan mengapa kita tidak memberikan kebebasan kepada pekerja asing sehingga mereka boleh mendaftar sebagai seorang individu. Kalau kita benarkan mereka daftar sebagai individu, mereka boleh bergerak ke mana-mana, dia boleh bekerja sesuka hati, saya rasa itu mereka yang seperti itu adalah seorang penduduk tetap, dia punya status, dia punya hak kebebasan macam tidak lain daripada seorang warganegara kita. Kita tidak mengawal mereka pergi ke mana kita tak tahu, sekarang mereka yang terkawal pun sudah mendatangkan masalah, kalau tidak kita kawal saya rasa lagi teruk di mana masalah sosial, masalah jenayah, masalah macam-macam budaya negatif akan jadi jauh lebih teruk lagi. Perkara-perkara lain yang telah dibangkitkan itu terus tetap akan diberi perhatian.

Di sini, saya ingin menegaskan mengenai masih terdapat majikan-majikan yang mengadu bahawa mereka tidak tahu sesuatu dokumen itu sesuatu endorsement itu sahah - ke tidak. Saya pernah berulang kali cakap dalam suratkhbar ataupun Dewan ini.

Kita sudah tidak benarkan ejen, ejen ini tidak boleh digunakan untuk uruskan hal-hal pekerja asing kecuali pembantu rumah. Itu pun seseorang pembantu rumah itu sebelum dia boleh masuk, dia kena ada kelulusan dulu -sebelum ianya boleh dibawa masuk. Dan dalam hal-hal pekerja yang lain, tidak ada ejen boleh diterima - kalau majikan masih hendak percaya kepada ejen, maka mereka akan menghadapi risiko, mungkin ditipu.

Dan sehingga kalau mereka tidak menguruskan pekerja dengan sendiri, mereka tidak pergi ke pejabat PPPA, maka mereka akan kemudian dapat salinan-salinan fotostat sahaja. Mereka tentu akan ragu-ragu tidak tahu hendak percaya atau tidak. Kalau mereka sendiri atau dia punya kakitangan sendiri pergi kepada PPPA atau pergi ke Jabatan Imigresen Ibu Pejabat Negeri, mereka akan tahu resit itu benar-benar dikeluarkan oleh jabatan itu atau tidak. Maka tidak akan ada masalah ragu-ragu sampai nak tubuh satu 'hot-line' untuk check. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Kangar, PPPA sudah begitu dibeban dengan begitu banyak kerja yang di luar dugaan. Banyak masalah pekerja asing, pemutihan dan macam-macam kerja ini telah dimasukkan dalam beban kerja PPPA. Kalau kita mahu dia jadi 'hot-line' untuk check ini check itu, dan check kerja-kerja yang masalah-masalah ditimbulkan oleh ejen-ejen yang tidak bertanggungjawab, saya rasa PPPA ini akan susahlah, apa-apa pun mereka akan tanggung.

Walau bagaimanapun kita boleh timbang, sekiranya kita beri perkhidmatan yang lebih selesa dengan perbaiki apa-apa sistem yang sedia ada. Membesarkan ruang-ruang yang sedia ada walaupun pada masa yang ..

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Kota Melaka

**Tuan Ong Ka Ting:** Tidak payahlah. Saya sudah tidak bagi yang lain, saya rasa bahas di masa yang akan datang. Okay. Tidak adil kalau saya bagi seorang, semua saya kena bagi. Lepas itu saya sudah declare, okaylah. Next time budget you boleh cakap.

Kementerian Dalam Negeri sedang dalam proses berusaha untuk memperbaiki lagi perkhidmatan kaunter di PPPA termasuk masalah ruang ini. Sebenarnya tadi saya sendiri telah pergi melawat tengok dengan sendiri, memang kita nampak ibu pejabat PPPA di Pusat Damansara itu adalah agak sesak kerana masalah ruang dan juga ada batasan-batasan bukan yang disengajakan. Saya tahu pegawai-pegawai di PPPA sedang bertungkus lumus sedang cari jalan termasuk mereka akan membuka satu pejabat yang pada masa kini merupakan pejabat seorang pegawai kanan. Besok dia kena buka office itu jadi ruang. Jadi, saya rasa ini menunjukkan kesungguhan mereka hendak mengatasi masalah ini dan Kementerian Dalam Negeri terus beri perhatian tetap apa-apa kesulitan yang dihadapi dan tidak disengajakan oleh PPPA. Saya akan ambil tindakan secepat yang boleh.

Yang Berhormat dari Kangar telah beri cadangan yang baik, baru sebentar saya telah terangkan dan kita sedang jalankan usaha. Kalau cadangan untuk membenarkan semua pekerja asing dari semua negara untuk dijadikan atau diputihkan atau pun didaftar jadikan sah, saya rasa ini satu cadangan yang kita pada masa kini tidak boleh timbang. Kerana sekarang kita benarkan lima negara yang mempunyai begitu ramai pekerja di sini sehingga mereka inilah menjadi majority pekerja sekarang kalau kita boleh putihkan semua ini saya rasa pun sudah jadi satu usaha yang hampir boleh dikatakan berjaya.

Kalau kita kata semua negara lain kita boleh putihkan, saya rasa ini akan menyebabkan lebih ramai lagi dari pelbagai negara akan datang lagi, lagi susah masalahnya nanti. Dan dengan bilangan yang sedia ada itu sudah cukup kita cuba seboleh-bolehnya memutihkan seramai atau banyak mana yang boleh. Mereka yang tidak mahu diputihkan itu kita akan bertindak tangkap mereka ikut undang-undang nanti.

Dan Jabatan Imigresen memang dari masa kesemasa berusaha untuk menambah kakitangan, kita tahu kekurangan kakitangan ini memang dihadapi oleh PPPA, oleh Jabatan Imigresen dan usaha sedang dijalankan. Pada keselamatan di sempadan, kita memang ada beri perhatian dan kita memang hendak mempertingkatkan keberkesanan pagar keselamatan atau pun pagar di sempadan bukan hanya pagar sahaja, kita sudah tingkatkan keberkesanan pasukan-pasukan keselamatan ada penguatkuasa-penguatkuasa di bawah agensi-agensinya yang berlainan untuk bekerjasama di sepanjang sempadan.

Mengenai Jabatan Pendaftaran Negara, saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Seremban, dan ini saya hendak hubung kait sekali dengan Yang Berhormat dari Kangar, nampaknya dua Ahli Yang Berhormat dapat pandangan ada beza sedikit. Yang Berhormat dari Seremban, masalah tukar kad pengenalan ini jalan dengan licin dengan baik. Dan Yang Berhormat dari Kangar nampak macam masih tidak cukup kakitangan, beban banyak.

Sebenarnya apa yang sedang berlaku saya boleh mengesahkan di sini. Jabatan Pendaftaran Negara, walaupun pada keseluruhannya masih kekurangan kakitangan tetapi mereka benar-benar telah macam yang dikatakan oleh Seremban, telah menjalankan tugas dengan batasan-batasan ataupun kekurangan kakitangan mereka telah berjaya menjalankan tugas dalam exercise atau operasi menukar kad pengenalan ini dengan begitu cemerlang. Mula-mula tahun pertama, tahun kedua banyak aduan, banyak kritik tapi dalam dua tahun kebelakangan ini sudah begitu baik.

Mereka punya prestasi meningkat sehingga dalam tahun ini hanya 9 bulan yang pertama, JPN telah menerima 3,165,194 permohonan. Dalam 9 bulan berbanding dengan seluruh satu tahun 1995, JPN berjaya menerima 2,834,574 permohonan. Kita boleh nampak dari segi statistik, mula-mula dalam tahun 1991, 1992 hanya beberapa ratus ribu sahaja boleh diusahakan. Sekarang sudah sampai dua tiga juta ataupun tinggal 3 bulan, saya yakin mereka boleh siapkan satu juta lagi kalau sekiranya orang awam datang.

Sekarang Jabatan Pendaftaran Negara kluatir orang awam tidak datang, dia punya kaunter semua cukup boleh mengatasi kalau sekiranya bilangan itu datang. Saya telah cuba lawat beberapa tempat nampaknya dia punya target below sebab orang tidak datang. Tidak cukup target. Ini yang jadi masalah kita takut satu, kira-kira ada 1.2 juta lagi yang mungkin dalam rekod kita sepatutnya keluar, masih belum. Kalau mereka tidak keluar nanti Disember baru semua sekali keluar, masa itu baru jadi susah.

Setakat hari ini sejumlah 13, 686,119 permohonan telah diterima setakat September. Dan target asal JPN ialah 15 juta menjelang 31 Disember 1996. Kita mahu jangka ada 15 juta rakyat Malaysia akan dapat KPT. Tetapi setakat September sahaja, kita sudah menerima 13,686,119 maknanya 3 bulan kemudian kita jangka ada kira-kira 1.6 juta. Sekarang saya rasa hanya 1.2 juta yang belum keluar. Walau bagaimanapun, JPN yakin kita tidak perlu lanjut kita boleh selesai kecuali orang tidak mahu datang. Itu adalah satu masalah yang lain.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kuala Pilah telah memberikan beberapa teguran dan cadangan terhadap Polis Diraja Malaysia dan saya telahpun catat semua pandangan beliau, saya tahu beliau seorang bekas pegawai kanan polis memang ada banyak pandangan beliau tahu. Saya akan pastikan perkara ini diambil perhatian oleh Bukit Aman tetapi dari segi kenderaan polis saya rasa hari Proton Saga pun canggih. Ada juga dia tingkatkan sofisticationnya dari masa ke semasa. Sebenarnya ramai penjenayah pun gunakan Proton Saga. Maka Proton Saga pun ada banyak jenis, kita rasa perlu ada keyakinanlah sedikit tentang Proton Saga. Kalau Mercedes 500 kejar orang dekat ...

**Tuan Yunus bin Rahman :** *[Bangun]*

**Tuan Ong Ka Ting:** Sorrylah sebab saya kena consistant. Kalau Mercedes 500 hendak kejar perompak, saya rasa dia tidak akan buat macam Proton Saga, sepantas Proton Saga. Tuan Pengerusi ....

**Seorang ahli:** Cukuplah!

**Tuan Ong Ka Ting:** Itulah yang saya dapat jawab. Yang Berhormat dari Seremban telah bangkitkan beberapa perkara yang diberi perhatian dan yang pindaan butiran, ini adalah satu masalah yang sedang kita hadapi dan saya rasa Jabatan Pendaftaran Negara sedang mengatasi masalah pindaan butiran ini yang akan ambil masa yang lama dan cadangan-cadangan mengenai passport-pasport yang rosak, ambil masa lama itu pun akan diberi perhatian dan Pusat Latihan Imigresen di Jelevu ini saya perlu notis untuk semak kedudukannya dan Jabatan Imigresen di Seremban, mengenai masalah ruang masih dalam proses. Ibu Pejabat Imigresen sedang berusaha untuk mengatasi ruang yang tidak cukup di Seremban.

Dan itu sahaja secara ringkas dapat saya jawab kepada beberapa Ahli Yang Berhormat dan apa yang saya tidak sempat terus akan kemukakan untuk perhatian pihak-pihak yang tertentu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM3,366,700 untuk Maksud B.35; RM243,600,000 untuk Maksud B.36; RM9,370,000 untuk Maksud B.37; RM7,145,700 untuk Maksud B.39 dan RM29,865,700 untuk Maksud B.40 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM3,366,700 untuk Maksud B.35; RM243,600,00 untuk Maksud B.36; RM9,370,000 untuk Maksud B.37; RM7,145,700 untuk Maksud B.39 dan RM29,865,700 untuk Maksud B.40 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM4,000,000 untuk Maksud P.40 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1996 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM4,000,000 untuk Maksud P.40 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1996.

#### **Maksud B.42 [Jadual]-**

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kepala Bekalan B.42 di bawah Kementerian Perpaduan Negara Dan Pembangunan Masyarakat terbuka untuk dibahaskan. Mentakab.

7.05 mlm.

**Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]:** Tuan Pengerusi, saya cuma hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan peranan yang dimainkan oleh badan sukarela dalam kerja kebajikan sosial. Selama ini, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat seringkali menyeru orang ramai dan badan sukarela tampil ke hadapan untuk membantu kerajaan menjalankan kerja-kerja kebajikan sosial. Dan kita pun dapat response yang amat menggalakkan dari badan-badan sukarela dalam menubuh dan mendirikan rumah anak yatim, pusat untuk orang cacat, pusat orang tua dan sebagainya.

Dan ini semua merupakan usaha yang amat murni dan selaras dengan hasrat kerajaan menubuhkan satu masyarakat yang penyayang. Tetapi kita semua faham bahawa usaha ini memerlukan sumber kewangan dan selama ini badan sukarela tersebut terpaksa mengutip sumbangan dari orang ramai. Kebanyakan badan sukarela ini terpaksa mengadakan aktiviti sepanjang tahun untuk mengutip derma dan sumbangan dari orang ramai. Apa yang saya kurang faham ialah apakah kementerian tidak sanggup mengkaji kemungkinan memberi peruntukan tahunan walaupun ia merupakan sebahagian perbelanjaan yang diperlukan oleh NGO tersebut supaya mereka dapat menjalankan kerja mereka dan mengurangkan bebanan kepada mereka. Jika kita buat satu kiraan, misalnya saya tidak tahu bilangan pusat tersebut yang telah ditubuhkan di seluruh negara tetapi kalau kita ambil kira lebih kurang 5,000 di seluruh negara dan tiap-tiap badan tersebut seperti rumah orang cacat dan rumah orang tua kalau ada jumlah 5,000 di seluruh negara dan kita beri tiap-tiap pertubuhan tersebut RM10,000, kita memerlukan RM50 juta setahun sebagai bantuan kepada pusat-pusat tersebut. Dan saya berpendapat bahawa peruntukan itu adalah amat mudah difikirkan dan kita harus memberi pertimbangan tersebut. Sekian sahaja.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kementerian diminta jawab.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan G. Palanivel]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Mentakab. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat tiap-tiap tahun memberi peruntukan kepada badan-badan sukarela, NGO dan tahun ini kita beri hampir RM11 juta yang menjalankan aktiviti-aktiviti di bawah kumpulan sasaran kementerian boleh membuat permohonan dan kementerian boleh mempertimbangkan permohonan yang dibuat oleh badan-badan NGO yang berkenaan.

Terima kasih Tuan Pengerusi, sekian.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM5,500,00 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM5,500,000 untuk Maksud B.42 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

**Maksud P.44 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1996] -**

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kepala P.44 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk dibahaskan.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10,000,000 untuk Maksud P.44 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1996 di bawah Kementerian Penerangan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10,000,000 untuk Maksud P.44 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1996.

**Maksud B.46 [Jadual] -**

**Maksud P.46 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1996] -**

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kepala Bekalan B.46 dan Kepala Pembangunan P.46 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahas sekarang. Parit Sulong.

7.11 mlm.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengemukakan beberapa pertanyaan mengenai R&D ataupun P&P iaitu Penyelidikan dan Pembangunan dan juga mengenai sains dan teknologi.

Pertamanya, saya ingin tahu benar atau tidak bahawa Jawatankuasa Kabinet mengenai sains dan teknologi yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun dibubarkan? Kalau perkara ini benar, saya ingin tahu sebab-sebabnya mengapakah jawatankuasa yang penting, khususnya mengenai sains dan teknologi ini dibubarkan? Atau pun pembubaran ini adalah sebagai satu usaha untuk mewujudkan satu jawatankuasa yang lebih efektif dan yang lebih berkesan supaya selaras dengan kehendak-kehendak pembangunan sains dan teknologi?

Yang keduanya saya ingin bertanya, di dalam Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mendapat peruntukan sebanyak RM629 juta untuk penyelidikan dan pembangunan secara langsung. Tetapi dalam tempoh itu hanya dibelanjakan cuma RM567.1 juta. Ini bermakna terdapat RM61.9 juta peruntukan secara langsung untuk Penyelidikan dan Pembangunan yang diberikan kepada bidang sains dan teknologi yang tidak dibelanjakan.

Mengapakah maka terdapat baki di dalam peruntukan tersebut? Adakah ini menunjukkan bahawa usaha-usaha R&D ataupun P&P yang perlu dikendalikan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini bertemu kebuntuan ataupun berhadapan dengan constraints dan kelembapan?

Seterusnya, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh pula, kementerian ini diperuntukkan RM1 bilion untuk usaha-usaha P&P ataupun R&D secara langsung. Di dalam dokumen Rancangan Malaysia Ketujuh, kementerian ini telah memberi beberapa komitmen pembangunan sains dan teknologi untuk research dan development.

Saya ingin tahu sama ada sejak pelancaran Rancangan Malaysia Ketujuh baru-baru ini, apakah program-program R&D secara langsung yang telah pun

dikendalikan oleh kementerian dan apakah lagi program-program yang akan dijalankan oleh kementerian dalam konteks R&D?

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh juga, kementerian ini beroleh peruntukan sejumlah RM100 juta untuk pembangunan teknologi untuk industri kecil dan sederhana. Dalam konteks ini, saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah program-program pembangunan teknologi untuk IKS yang sedang dirancang, yang akan dilaksanakan ataupun yang telah dilaksanakan selama ini?

Saya membangkitkan perkara ini oleh kerana di dalam bidang sains dan teknologi, khususnya teknologi maklumat, banyak syarikat yang tergolong sebagai kecil dan sederhana berhadapan dengan kesulitan dan constraints kewangan untuk membiayai perniagaan mereka. Adakah mereka ini boleh dikategorikan sebagai golongan yang boleh menerima bantuan menerusi peruntukan RM100 juta ini. Sekiranya tidak, bagaimanakah Kementerian Sains dan Teknologi mahu membantu usahawan-usahawan seperti ini?

Paling akhir ialah mengenai Multimedia Super Corridor (MSC) yang diwujudkan oleh pihak kerajaan daripada KLCC "Twin Tower" sehingga KLIA. Yang saya ingin bangkitkan ialah peluang-peluang perniagaan yang boleh diceburi oleh pihak bumiputera. Di dalam satu seminar yang saya hadiri lebih kurang dua tiga bulan yang lalu, memang wujud satu hakikat yang diakui dan yang diterima bahawa tidak ramai bumiputera yang menceburi perniagaan IT ataupun yang berkaitan dengannya yang tidak tahu tentang peluang-peluang perniagaan yang boleh mereka sertai menerusi MSC.

Apabila kita membincangkan mengenai masalah Multimedia Super Corridor juga, ramai lagi usahawan bumiputera yang tidak tahu sektor apakah yang mahu mereka ceburi. Saya harap Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, mungkin bersama dengan MIMOS dan sebagainya mewujudkan satu rangkaian penjelasan ataupun forum dan seminars untuk menjelaskan kepada usahawan-usahawan bumiputera khususnya dan usahawan-usahawan Malaysia amnya apakah bidang-bidang perniagaan yang boleh mereka ceburi menerusi kewujudan Multimedia Super Corridor di negara ini.

Perkara ini penting oleh kerana apabila kita memperkatakan masalah Multimedia Super Corridor, di sini wujud dua perkara, sama ada boleh mewujudkan entrepreneur yang betul-betul directly secara technical berkaitan dengan information technology ataupun boleh mewujudkan usahawan-usahawan yang juga membekalkan kreativitinya yang relevan dengan information technology.

Saya harap pihak kementerian akan dapat memberi jawapan kepada persoalan dan perkara-perkara yang saya timbulkan sebentar tadi demi kemajuan sains dan teknologi dan juga penyelidikan dan pembangunan di dalam negara ini.

Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong.

7.16 mlm.

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Pengerusi, telah dilaporkan bahawa pakej pertama empat undang-undang cyber atau cyber laws yang membuka jalan bagi kemasukan Malaysia ke dalam era siber (cyber age) ini telahpun siap dan akan dibentangkan di Parlimen bulan depan.

Empat undang-undang yang dimaksudkan ini adalah Rang Undang-undang Digital Signature yang menangani penentusahan kontrak dan perjanjian yang ditandatangani melalui rangkaian komputer atau Internet; Multimedia Convergence Bill yang menangani isu-isu melibatkan perlindungan harta intelektual di satu persekitaran di mana produk atau perkhidmatan boleh diperolehi dari berbagai media, Rang Undang-undang Computer Crimes dan Rang Undang-undang Telemedicine Development yang menangani isu-isu yang berbangkit dari penggunaan telemedicine.

Saya menyeru kerajaan, khasnya kementerian ini supaya mengumumkan pakej pertama empat undang-undang siber ini supaya membolehkan rakyat Malaysia yang berminat mempunyai masa yang secukupnya untuk mengkaji dan membahas sebelum undang-undang ini dibentang ke Parlimen untuk dibahas dan diluluskan.

Undang-undang siber merupakan bidang yang baru sama sekali, bukan sahaja untuk Malaysia, malah untuk seluruh dunia dan tiada siapa yang boleh mendakwa sebagai pakar atau authority dalam bidang undang-undang siber dan ini merupakan alasan paling kuat mengapa draf pakej pertama empat undang-undang siber ini harus diumumkan sebaik sahaja mereka siap digubal, bukan sahaja untuk mendapatkan input dari rakyat yang berminat, tetapi juga untuk mendapatkan pandangan keseluruhan masyarakat siber (cyber community) di dunia ini.

Saya juga hendak mencadangkan supaya draf pakej pertama empat undang-undang siber ini dipamerkan dan dipostered di atas Internet supaya mempelawa input dari masyarakat siber yang lebih luas lingkungannya di atas Internet.

Saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan saya puji dia sebagai seorang menteri yang conscientious sungguhpun beliau sering kekurangan kuasa untuk melakukan apa yang difikirkannya betul dan wajar akan mengambil perhatian dalam perkara ini dan membentuk precedence dengan mempamerkan perundangan siber yang dicadangkan ini ke atas Internet dengan segera.

Satu perkara yang sering membingungkan saya adalah mengenai keseriusan dan komitmen kerajaan terhadap teknologi maklumat serta kerja mengeksploit teknologi media baru sebagaimana yang diperlihatkan oleh cara Internet melalui pertukaran cara ia menawarkan perkhidmatan dan maklumat kepada orang ramai.

Rakyat Malaysia telah diberitahu mengenai Multimedia Super Corridor (MSC) bernilai RM5 bilion yang bercita-cita tinggi serta rancangan untuk mencipta satu pejabat Perdana Menteri tanpa perlu kertas (paperless) di Putrajaya pada tahun 1998.

Tetapi apa yang saya ingin tahu adalah mengapakah kerajaan tidak boleh mula memperkenalkan kerajaan elektronik (electronic government) secara peringkat demi peringkat di sesetengah kementerian dan jabatan tanpa perlu tunggu sehingga MSC siap dibina atau tanpa tunggu sehingga paperless Jabatan Perdana Menteri siap di Putrajaya 1998.

Sebagai contohnya, orang ramai harus sekarang dapat download berbagai jenis borang permohonan kerajaan, misalnya untuk memohon lesen hiburan awam, Pasport Terhad, International Passport dan lain-lain dari website agensi-agensi kerajaan berkenaan dan seterusnya menghantar borang yang siap diisi itu melalui pos biasa. Ataupun calon persendirian (private candidate) dapat mendaftar untuk mengambil berbagai jenis peperiksaan yang ditawarkan melalui Kementerian Pendidikan melalui Internet - sama juga. Rakyat Malaysia harus dapat melakukan permohonan on-line (on-line applications) untuk jawatan-jawatan ataupun biasiswa kerajaan.

Oleh sebab Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar adalah bertanggungjawab terhadap tugas membawa Malaysia masuk ke era siber, maka ia harus menggubal satu Rancangan Tindakan Teknologi Maklumat untuk mula memperkenalkan kerajaan elektronik pada 1hb. Januari, 1997.

Saya tidak menjangkakan sebarang masalah bagi pihak kerajaan sekiranya ia hendak mula memperkenalkan kerajaan elektronik, kerana proses komputerisasi kerajaan sungguh maju (advance) sekali. Kita sudah belanja beratus juta ringgit, masalah yang wujud bukanlah pada teknologi maklumat, bukan kita tidak ada teknologi maklumat untuk memulakan perkhidmatan electronic government. Tetapi semangat politik (political will) untuk mengeksploit teknologi maklumat yang telah dimiliki oleh kerajaan untuk mula memperkenalkan kerajaan elektronik secara peringkat demi peringkat.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepong, selepas ini kementerian menjawab.

7.23 mlm.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B.46 dan Maksud P.46.

Saya ada tiga perkara yang hendak saya bangkitkan di sini, yang pertama ialah mengenai KL Linear City. Setakat ini dalam tempoh 2 hari yang lepas, jawapan daripada pihak kerajaan adalah sangat tidak memuaskan. Walaupun mereka ada mengatakan bahawa laporan EIA, mengenai Kajian Penilaian Alam Sekitar sudah disiapkan dan dipamerkan pada bulan Mei, Jun dan Julai akan tetapi Tuan Pengerusi, masalah yang pokoknya ialah mengenai pencerobohan-pencerobohan alam sekitar di Sungai Kelang, Selangor. Apakah akan terjadi? Walaupun ada jaminan, tetapi saya sangat khuatir dan saya tekankan sekali lagi bahawa satu kajian yang lebih teliti termasuk projek-projek yang serupa, yang ada di negara-negara lain perlulah dikaji supaya kita tahu apakah akibat atau consequence yang akan berlaku?

Tuan Pengerusi, seterusnya mengenai pengkorporatan Technology Park Malaysia (TPM) Sdn Bhd. dan lebih RM51 juta telah pun dibelanjakan untuk mengkorporatkan TPM.

Tuan Pengerusi, TPM telah ditubuhkan pada tahun 1988. Ini bermakna 8 tahun sudah berlalu dan saya minta Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar supaya membenarkan pihak Ahli Parlimen untuk melawat Technology Park Malaysia ini di Bukit Jalil. Sebab dalam tempoh 8 tahun ini adakah TPM ini sudah beroperasi. Kalau beroperasi berapakah bilangan kakitangan, kerana tiap-tiap tahun kita perlu lebih RM1 juta untuk mengendalikan TPM ini - lebih RM1 juta. TPM ini bukan sahaja kena-mengena dengan multimedia, teknologi maklumat bahkan juga dengan segala inovasi dan rangkaian untuk memajukan Malaysia ini kepada satu tahap negara yang maju dan juga berindustri tinggi - itu adalah hasrat TPM yang akan belanja lebih RM400 juta.

Nampaknya Fasa I untuk penyelidikan dan pembangunan, apakah tahap yang telah dicapai? Daripada luar saya nampak ada tanaman pokok, tanaman bunga-bunga dan ada kolam-kolam untuk ikan daripada Jepun juga ikan-ikan itu, kerana kebanyakan alat-alat di dalam TPM itu berasal daripada Jepun dan bakinya daripada Jerman. Itu yang sedang dilakukan, tetapi adakah perkembangan di dalam TPM ini selaras, secocok dengan pelaburan yang telah kita adakan sekarang? Adakah nilai itu secocok dengan wang yang telah kita gunakan untuk TPM dan bolehkah Yang Berhormat lain kali, mungkin bulan hadapan kita aturkan satu masa untuk lawatan Ahli-ahli Parlimen yang berminat, kerana di dalam DAP kita sangat berminat?

Kita berminat di dalam sains dan teknologi, kita hendak tahu iaitu satu jentera untuk menggerak negara ini kepada satu tahap yang lebih tinggi iaitu TPM. Macam mana kita capai tahap itu? Kalau tidak silap saya sekarang, mungkin ada 20-40 orang kakitangan yang berkerja dan pegawainya mungkin ada 6 orang - mungkin. Ini sudah 8 tahun sangat lambatlah kalau taksiran hi-tech, teknologi tinggi - teknologi tinggi 8 tahun sangat lambat.

Saya diberitahu bahawa Fasal II sudah bermula, ini meliputi multimedia, teknologi maklumat dan juga teknologi perubatan dan biologi. Walaupun saya tidak menafikan kita perlu semua ini, tetapi sudah 8 tahun sangat lambat.

Seterusnya Tuan Pengerusi, mengenai pengkorporatan ini. Apakah sebenarnya yang dilakukan oleh pihak kementeriannya untuk mengkorporatkan TPM? Kalau pihak kementerian sendiri mengendalikan TPM dan prestasinya nampak tidak begitu memuaskan, bagaimana TPM dapat berfungsi dengan lebih baik, prestasi dengan lebih tinggi, dengan pengkorporatannya.

Tuan Pengerusi, akhir sekali mengenai Multimedia Development Corporation (MDC) yang memang ada di bawah pegangan Menteri Kewangan Diperbadankan, adakah MDC ini akan mempunyai tapak di dalam Teknologi Park Malaysia (TPM) ini? Kerana ini sangat penting, kita ada memperuntukkan lebih RM200 juta untuk multimedia dan teknologi maklumat di TPM. Kemudian kita tubuhkan MDC untuk multimedia supercorridor dan macam mana penyelarasan dan apakah undang-undang yang berkaitan dengan kedua-dua badan ini? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kementerian menjawab.

7.30 mlm.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Pengerusi, terima kasih pada Yang Berhormat dari Parit Sulong atas pertanyaan-pertanyaan yang telah dibuat tadi mengenai dengan satu jawatankuasa tertinggi, Jawatankuasa Kabinet dibubarkan, yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri. Sebenarnya perkara ini belum ada pengesahan dan ini mungkin baru dengar angin-angin. Perdana Menteri, he runs the show, he is the great leader, dengan izin. Takkan bila hendak dibubarkan Kabinet yang diketuai oleh beliau sendiri boleh dibuat dengan sewenang-wenangnya.

Mengenai dengan peruntukan untuk R&D....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Minta maaf, I don't give you the way. Saya tidak ada masa, sit down!

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Sit down!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak ada masa, dia tak bagi.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Saya tidak ada masa. Saya telah diberitahu oleh Tuan Pengerusi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Cakaplah tak tahu, tak layak, itu sebab tak beri jalan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, dia tak beri jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Pengerusi,....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Pengerusi, R&D, sebanyak RM600 juta telah diperuntukkan dalam RMK-6. Duit ini telah diberi melalui universiti-universiti dan institusi-institusi pengajian tinggi. Ianya telah dikawal oleh satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara. Bakinya ada lebih kurang RM30 juta yang tidak dibelanjakan, dan duit ini memanglah telah diagih-agihkan kepada universiti-universiti. Kita harap dalam RMK-7 ini perbelanjaan dan usaha-usaha untuk merencanakan lagi usaha-usaha R&D (Research and Development) akan ditingkatkan lagi. Fasal itulah ditambahkan dalam RMK-7 ini lebih dari RM1 bilion.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Nanti, saya tak ada masa. I got to be fair.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak payah, I prefer to be unfair instead.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** We are fair, sit down!

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa ini? Keriau macam ini!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Duduk, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mental hospitallah kalau begitu.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Pengerusi, saya tidak benar, masa tidak ada. Tuan Pengerusi, apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tajong, dia ingat dia handal. Tetapi saya ingat dia kurang dari segi pengertian dia. Empat undang-undang tadi telah diputuskan oleh Kabinet di bawah kuatkuasa jurisdiction Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Undang-undang yang telah dibawa tadi ke empat ini yang akan dibentang dalam Parlimen. Keputusan Kabinet, perkara ini akan dibawa di bawah kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Mengenai dengan Kepong, Tuan Pengerusi, perkara yang dibawa oleh Kepong TPM akan dibuka dengan rasminya insya-Allah pada 28hb. Oktober ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Selepas itu, kita akan bukakan ini untuk lawatan tak kira kepada siapa. Kerajaan yang ada Kerajaan Barisan Nasional ini sentiasa adil, ianya terbuka kepada siapa-siapa dan MIMOS juga telah dilawati ahli-ahli daripada DAP dalam tahun lepas kalau tak salah ingatan saya. Dia hendak pergi merayap, dia merayaplah, dia boleh pergi selepas ini. Ianya betul memakan masa 8 tahun. Ini bukan membuat rumah pondok di kampung-kampung atau di Kepong atau lain-lain. Ini membuat satu tempat yang canggih, very sophisticated, dengan izin, Tuan Pengerusi, dan memakan perbelanjaan begitu banyak. Ini akan menjadi pusat untuk kegiatan-kegiatan yang canggih.

Tuan Pengerusi, betullah ianya ditanam dengan pokok-pokok bunga dan lain-lain. Kalau orang perempuan pun kita kena bubuh bedak dan bunga-bunga untuk cantik. Untuk menarik pakai cosmetic. Barangkali Kepong tak tahu appreciate beauty. Dia tak tahu hendak appreciate beauty, Tuan Pengerusi. Jadi, dia sebutkan ini 8 tahun, 8 tahun, ini saja dimainkan. Saya tahu dia pun jual ubat yang handal. Kalau orang jual ubat, ulang itu untuk menarik orang. Tetapi di dalam Dewan yang mulia ini dia tidak boleh cakap ulang-ulang macam itu.

Jadi, taman teknologi ini akan dibuka dengan rasminya pada 28hb. Oktober, insya-Allah. Kita harap akan ramailah rakyat Malaysia, dan kalaulah ahli-ahli daripada DAP mempunyai keinginan untuk melawat, dia dijemput untuk melawat. Kita tidak tutup, kita bukan di bawah negara komunis atau negara sosialis. Kita sentiasa terbuka. Ini kita belanja daripada wang orang ramai, dan orang ramai berhak untuk melawat. Tetapi jagalah, bila tempat sophisticated, janganlah tekankan suis-suis itu, nanti kena electrocuted nanti susah pula, kerajaan disaman nanti.

**Tuan Lim Kit Siang:** [Menyampuk]

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Mengenai dengan permohonan Ahli Parlimen dari DAP untuk melawat, kita mengalu-alu, saya kata tadi. Memang tempat ini sudah beroperasi. Sebanyak 19 syarikat berteknologi tinggi sudah mula beroperasi di Taman Teknologi. Sebanyak 89 jawatan telah wujud di tempat ini, dan sebanyak 37 jawatan diisi.

Jadi, bagi meringkaskan masa, Tuan Pengerusi, kerana saya tahu banyak lagi perkara-perkara yang akan dibawa pada hari ini, dan itulah jawapan-jawapan saya. Mana-mana yang saya tertinggal, akan kita jawab dengan secara bertulis, kerana kita menghargai masa. Masa itu emas, dan biarlah Ketua Pembangkang balik dengan membawa cerita-cerita ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM8,325,700 untuk Maksud B.46 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM8,325,700 untuk Maksud B.46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM51,800,000 untuk Maksud P.46 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1996 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM51,800,000 untuk Maksud P.46 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1996.

**Maksud B.47 [Jadual] -**

**Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 1996] -**

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepala Bekalan B.47 dan Kepala Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas. Kota Melaka.

7.40 mlm.

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dan merujuk kepada Maksud Bekalan B.47 - Kementerian Pengangkutan dan di sini saya ingin meminta Kementerian Pengangkutan supaya mengatasi masalah, nampaknya ada perselisihan atau percanggahan undang-undang, di mana ada satu sistem apabila kadar pengeluaran asap di tetapkan pada satu tahap - 50 yr. di mana Puspakom menjalankan ujian, tetapi pada masa yang sama, pihak polis boleh menahan mana-mana kereta yang mengeluarkan asap berlebihan. Sungguhpun mereka mengeluarkan asap, kalau menjalani ujian meter pengolah asap Hartridge, kurang daripada 50 yr. mereka masih akan dikenakan saman.

Jadi, di sini nampaknya ada satu percanggahan yang berlaku dan di sini saya berharap pihak kementerian boleh mengatasi masalah ini, kerana masalah ini wujud semuanya di bawah Akta Pengangkutan Jalan Raya. Kedua-dua perbezaan ini, di mana polis diberikan kuasa untuk mengeluarkan saman untuk kenderaan yang mengeluarkan asap hitam, sama ada yang pertama, menjalankan ujian meter pengeluaran asap Hartridge; atau kedua, secara by sight, secara penglihatan - kalau lihat ada asap hitam keluar, angkat gambar boleh dikenakan saman, sungguhpun mungkin kenderaan itu menjalani ujian meter pengeluar asap Hartridge kurang daripada tahap 50 yr. Kalau perkara ini tidak di atasi, ini bukan satu perkara kecil seperti yang dimaklumkan oleh pihak kementerian dan Kementerian Dalam Negeri. Hampir 16,000 kenderaan telah ditahan, bukan satu bilangan yang kecil dan kalau polis berkuasa untuk mengeluarkan saman dan JPJ juga mengeluarkan saman ke atas kenderaan yang mengeluarkan asap berlebihan, tanpa menjalankan ujian meter pengeluaran asap, saya rasa, ini adalah sesuatu yang tidak adil sekali.

Lebih-lebih lagi menunjukkan bahawa Puspakom tidak bermakna, lebih baik Puspakom dimansuhkan sama sekali, kerana ia tidak berkesan, tidak berefektif, ia hanya membazirkan wang pengguna-pengguna atau pemilik-pemilik kenderaan. Apa gunakan pemilih-pemilik kenderaan menjalani ujian asap dengan Puspakom, diluluskan oleh Puspakom, tetapi apabila mereka keluar daripada pusat ujian Puspakom mereka boleh ditahan oleh JPJ dan polis dan diberikan saman kerana boleh lihat asap hitam keluar?. Tidak kira sama ada ia kurang daripada 50 yr. seperti mana yang ditetapkan oleh kerajaan - Kementerian Pengangkutan dan Puspakom.

Malah perkara ini telah menjadi satu perkara yang besar kepada pemilik-pemilik kenderaan dan mereka pun ada melahirkan hasrat untuk menyaman kementerian atau kerajaan dalam perkara ini, tetapi di sini sebagai penggubal undang-undang, ada sesuatu perkara yang tidak konsisten. Kita ada dua jenis undang-undang

di sini. Satu, Akta Pengangkutan Jalan Raya di mana kementerian sendiri menetapkan tidak boleh melebihi 50 yr. dan juga disokong oleh satu Akta Alam Sekitar yang juga menetapkan had pengeluaran asap hitam adalah 50 yr., tetapi dalam aspek lain, ada satu lagi undang-undang iaitu di bawah kaedah 107, Kaedah-kaedah Kenderaan Motor, Pembinaan dan Penggunaan, 1979 di mana polis berkuasa menahan kenderaan dengan menggunakan ujian subjektif. Kalau boleh melihat asap tanpa menjalankan ujian meter pengeluaran asap hartridge boleh di kenakan saman.

Baru-baru ini, Timbalan Ketua Traffik Persekutuan (Assistant Commissioner - Del Akhbar Khan) telah mengumumkan akan menyita dan menahan mana-mana kenderaan yang boleh dilihat mengeluarkan asap hitam. Saya rasa ini nampaknya tidak berapa adil, kerana untuk seorang pemilik kenderaan, dia cakap, undang-undang kata pergi ke Puspakom - uji. Uji, tidak lebih 50 yr. - lulus, bayar RM40 dan RM60 lagi. Apa gunanya pemilik kenderaan membayar RM60.00 bila dia keluar dikenakan saman kerana boleh lihat asap keluar sungguhpun diluluskan oleh Puspakom. Jadi, di sini saya rasa memang tidak logik, tidak waras dan tidak rasional langsung.

Kalau kerajaan hendak tetapkan, di sini DAP menyatakan kita sokong usaha untuk memastikan kenderaan tidak mengeluarkan asap hitam berlebihan kerana ini satu masalah serius untuk menjaga alam sekitar, menghalang atau menegahannya daripada mencemarkan sangat alam sekitar sehingga KL berjerebu. Satu daripadanya berpunca daripada asap hitam, tetapi kalau undang-undang ini dilaksanakan ia mesti konsisten dan ia mesti dimaklumkan kepada penggunaan kenderaan. Sekarang mereka tidak tahu mana undang-undang yang boleh dipakai. Ada dua undang-undang yang berbeza dan kedua-dua ini dikeluarkan oleh Kementerian Pengangkutan. Lagi pun Jabatan Alam Sekitar sendiri ada undang-undang yang sama menyatakan 50 yr. adalah had maksimum, tidak boleh melebihi 50 yard.

Jadi, di sini, kalau perkara ini tidak dijelaskan atau pihak kementerian tidak ada satu asas atau satu pendirian yang tuntas, yang konsisten dan saya rasa ini menunjukkan kementerian ini tidak buat kerjalah, tidak profesional, tidak bertanggungjawab. Dan kalau kerajaan hendak laksanakan undang-undang, penglihatan sahaja cukup untuk saman dikeluarkan, cakaplah dengan terus terang. Hapuskan dulu Puspakom - itu yang penting. Hapuskan dahulu Puspakom. Apa gunanya kita ada Puspakom dan kutip wang RM60 untuk setiap kenderaan, bila ujian yang diluluskan oleh Puspakom, tidak dihormati, tidak disahkan, tidak diterima oleh pihak polis dan JPJ?

Saya ingin bertanya berapa saman yang telah dikeluarkan setakat ini dengan menggunakan kaedah-kaedah ini, kerana ini nampaknya memberi kuasa. Kalau pihak polis dia suka, dia ada meter, dia ada mesin, dia boleh uji, kalau dia tidak ada mesin, dia ada kamera - sudah cukup, dia boleh saman dan ini telah menimbulkan banyak kerumitan kepada pihak pemilik kenderaan dan saya harap Yang Berhormat Menteri Pengangkutan bertanggungjawab ke atas penswastaaan perkhidmatan ini, pemberian kontrak ini kepada Puspakom, sebuah syarikat yang telah membuat dan memperolehi keuntungan kerana menjalankan ujian ke atas kenderaan-kenderaan perdagangan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya gulung. Kalau begitu apakah gunanya kita benarkan Puspakom untung secara buta tanpa memastikan ujian ini akan direstui oleh pihak kementerian?

Tuan Pengerusi, kalau perkara ini tidak diatasi, bukan sahaja Puspakom perlu ditutup, mungkin Kementerian Pengangkutan pun kena tutup.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Bagan.

7.39 mlm.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan satu perkara iaitu tambang feri Pulau Pinang dengan Butterworth telah dinaikkan mulai 1hb. ini dan telah dijalankan selama 24 hari.

Tuan Pengerusi, saya pernah membawa masalah ini dalam Dewan ini tidak kurang dari 3 kali dan dari apa-apa yang ditunjukkan, sekiranya kerajaan mahu, sekiranya Barisan Nasional mahu ia mesti boleh dijalankan, tidak peduli reaksi orang ramai, tidak peduli kepada bantahan-bantahan dari mana-mana golongan baik di sini mahupun orang ramai.

Tambang penumpang sebelum dinaikkan adalah 40 sen tetapi telah naik sehingga 60 sen iaitu 50% kenaikan harga. Motosikal RM1.20 naik kepada RM1.40 lebih kurang 20%. Motokar - dahulu motokar yang paling kecil dikenakan RM4 dan yang lebih besar sedikit RM5 dan yang terbesar sekali RM6, tetapi sekarang sekaligus RM7, satu kenaikan di antara 15% hingga 70%.

Saya pernah bangkitkan satu soalan tambahan dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Pengerusi, saya kata seorang penjaja roti canai telah disaman kerana menaikkan harga roti canai hanya 10 sen - disaman, tetapi Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, beliau kata, beliau tidak tahu perkara ini.

Perkara ini dibawa dalam surat khabar dengan gambar yang besar-besar, tetapi kerajaan boleh membenarkan satu kadar tol lebu raya sehingga 47% dan bukan 33%. Sekarang tambang feri pula dinaikkan sebanyak begitu, alasan yang diberi oleh Kementerian Pengangkutan khususnya Menteri Pengangkutan sendiri dengan berkata: "Feri Pulau Pinang rugi sebanyak RM5 juta purata setiap tahun." Tetapi saya baca dalam Laporan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP), ada satu keuntungan umum lebih kurang RM30 juta satu tahun, hasil ini datang dari pangkalan kontena, hasil ini datang dari piloting, hasil ini datang dari lain-lain kegiatan Pelabuhan Pulau Pinang. Bukankah perkhidmatan Feri Pulau Pinang ini dan Butterworth ini satu asas, satu perkhidmatan kepada rakyat dan kerajaan boleh menggunakan keuntungan dari lain-lain bahagian untuk subsidise, dengan izin, kepada Feri Pulau Pinang ini.

Mengapa Feri Pulau Pinang ini tidak boleh mengalami kerugian, sejak 10 tahun yang lalu, platform di Pangkalan Sultan Abdul Halim telah runtuh di mana ia membawa maut kepada lebih kurang 35 orang. Sejak keruntuhan platform Pangkalan Sultan Abdul Halim di seberang Butterworth itu, ia dibiarkan begitu sahaja dan feri penumpang dan juga yang boleh memuat kenderaan dijual secara lelong sahaja kepada orang awam. Dan feri yang sedia ada, yang direka, yang dibina untuk memuatkan kenderaan di atas deck dan di bawah deck digunakan untuk kedua-dua maksud iaitu deck atas untuk penumpang dan deck bawah untuk kenderaan. Ini akan membawa kesesakan kenderaan, pemandu-pemandu kereta mendapati susah hendak mendapat feri kerana hanya dapat di deck bawah sahaja dan mereka pusing balik pergi ke Jambatan Pulau Pinang. Walaupun lebih panjang jalannya, walaupun lebih bayaran tolnya, oleh kerana mereka hendak mendapat masa yang pendek untuk pergi ke Pulau Pinang, mereka kena pergi melalui Jambatan Pulau Pinang.

Tuan Pengerusi, saya pernah mencadangkan di sini bahawa Kementerian Pengangkutan membaik pulih Pangkalan Sultan Abdul Halim di Butterworth ini supaya ia digunakan untuk perjalanan feri penumpang sahaja dan feri yang digunakan mungkin boleh digunakan seperti apa yang sedang berjalan di antara Kedah dengan Pulau Langkawi iaitu 'speedboat' seperti itu. Ini berhawa dingin, cepat dan jikalau penumpang perlu membayar walaupun RM1 pergi dan balik, itu lebih berfaedah kerana cepat, selesa dan di sebelah sini pula feri yang sedang berjalan sekarang pula atas deck, bawah deck semua boleh dipakai untuk memuatkan kenderaan.

Ini boleh menjadi satu persaingan dengan Jambatan Pulau Pinang. Pemandu-pemandu kereta tidak perlu queue baik di Pulau Pinang atau di Butterworth dan mereka dapat masa untuk menunggu feri adalah pendek dan mereka rela mengguna-

kan feri untuk menyebera Jelat Butterworth dengan Pulau Pinang ini dan dengan hal yang demikian barulah perkhidmatan feri itu boleh mendapat keuntungan. Tetapi sekarang bukan begitu, feri yang direka untuk memuat muatan yang berlebihan, muatan yang berat sekarang ini digunakan untuk muatan ringan sahaja, bukankah ini hanya sia-sia sahaja dan membazirkan wang sahaja.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru, beliau adalah seorang ahli pengurus atau Board of Director pada masa satu pertimbangan telah dibangkitkan dalam Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) dan beliau bersetuju juga dan perkara ini adalah perkara anak Pulau Pinang dan saya tidak nampak wakil rakyat dari Pulau Pinang khususnya dari Bayan Baru yang ada, yang terlibat sendiri dalam kelulusan menaikkan tambang feri ini, beliau tidak mempertahankan kepentingan rakyat Pulau Pinang. Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya menyeru sekali lagi supaya menaikkan taraf Feri Pulau Pinang/Butterworth ini. Apa yang telah dinaikkan, saya pun ingat tidak boleh dipulihkan kembali dan tidak boleh diturunkan lagi, tetapi apa yang saya sarankan tadi, saya berharaplah kementerian boleh menimbangkan perkara ini dengan serius supaya kita tidak mahu mendengar lagi Feri Pulau Pinang masih mengalami kerugian dan mungkin ini adalah satu alasan di mana Feri Pulau Pinang ini akan ditutup, akan dihapus sama sekali dan memberi satu peluang kepada Jambatan Pulau Pinang untuk mengaut keuntungan yang lebih lagi. Sekian.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepong, selepas itu kementerian menjawab.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, ya.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

7.58 mlm.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, macam mana banyak pula, sepuluh minit sahaja!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Teruskan Yang Berhormat, masa berjalan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya hendak membangkitkan dua perkara, hanya sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi, dari semasa ke semasa saya menerima aduan mengenai muatan lebih dan kerosakan jalan terutamanya di jalan-jalan taman-taman kediaman kerana lori 'tipper' yang sepatutnya tidak menggunakan jalan-jalan di taman-taman kediaman tetapi kebanyakan lori 'tipper' ini masih menggunakan jalan-jalan yang tidak sepatutnya mereka melalui termasuk di belakang jalan besar, di belakang rumah-rumah kediaman, di simpan di situ dan setiap hari pada waktu subuh lori-lori tersebut menggunakan jalan-jalan yang saya sebutkan tadi sehingga merosakkan jalan itu dan setiap tahun Kementerian Kerja Raya terpaksa membuat kerja untuk membaiki jalan-jalan yang setiap tahun kerugian lebih RM400 juta kerana muatan lori yang lebih, overloading.

Setiap tahun, lebih RM400 juta. Cuba bayangkan kerugian dan ketidakselesaian untuk orang ramai. Itu masalah. Sebab itulah saya hendak bertanya pihak kementerian sama ada garis panduan yang disetujui di antara JPJ dengan pihak Persatuan Lori-lori ini, sama ada garis panduan ini dapat dilaksanakan dengan baik. Misalnya, garis panduan untuk lori yang mempunyai 6 roda perlu mengadakan 24 inci side board dan muatan maksimum itu adalah 16 tan.

Bagi lori yang mempunyai 10 roda, side boardnya 30 inci dan juga muatannya di antara 21 hingga 22 tan dan kemudian untuk lori yang mempunyai 12 roda, 30 inci side board dan juga muatan maksimum di antara 20 hingga 25 tan. Dengan garis panduan ini adakah ia dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan

untuk mengelakkan daripada berlakunya muatan yang lebih atau over loading, terutamanya di Selangor, Wilayah Persekutuan dan saya nampak banyak lori yang pergi ke Putrajaya dan pergi berulang-alik ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Banyak nampak muatannya lebih dan kadangkala kita nampak di setengah-setengah tempat tidak ada cukup way bridges.

Sebab itulah kita tidak tahu macam mana keberkesanan pihak JPJ untuk melaksanakan tugas itu. Tambahan pula saya pernah membincangkan dengan pemilik-pemilik lori ini, saya tanya sama ada mereka sanggup menerima kalau garis panduan ini dijalankan dengan berkesan dan tidak ada gangguan langsung dari pihak JPJ, asalkan mereka mengikut garis panduan dan tidak ada penyelewengan langsung, mereka akan terima, muatan biasa dan bukan muatan lebih.

Sebab itulah saya menyeru supaya pihak kementerian mengkaji sama ada kita dapat mengadakan langkah yang lebih berkesan untuk mengelakkan daripada berlakunya muatan yang lebih yang bukan sahaja merosakkan jalan, bahkan juga mengganggu orang ramai.

Satu lagi, walaupun pihak kementerian sudah mengambil tindakan, saya nampak masih berlaku di setengah-setengah tempat di mana ada penyelewengan. Untuk pergi dari Kuala Lumpur ke Johor Bharu, bukan sahaja hendak bayar tol melalui Lebuhraya Utara-Selatan, bahkan juga tol yang lain perlu dibayar. Kita mesti menghapuskan semua ini. Saya setuju bahawa kalau ada bayaran yang lumayan, maka ada setengah orang yang melanggar undang-undang. Walau bagaimanapun, untuk menyelesaikan masalah muatan lebih ini, kita mesti berusaha dengan langkah-langkah yang lebih berkesan untuk menyelesaikannya.

Tuan Pengerusi, yang kedua, dengan pendek sahaja, saya nampak hampir 50% ataupun 46% barangan, handling of this cargo melalui Pelabuhan Kelang misalnya. Hampir 46% ataupun 50% daripada kapal feeders daripada pelabuhan-pelabuhan di negara jiran dan apakah jadual atau matlamat pihak kementerian mengenai main line shipping - perkapalan yang utama dari Malaysia. Adakah satu jadual untuk menghapuskan segala feeder vessels ataupun pihak kementerian akan terus membenarkan feeder vessels untuk bergiat aktif di negara ini.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat, kalau kita hendak menggunakan pelabuhan-pelabuhan di negara ini dengan lebih berkesan, kita mesti mengkaji semula insentif-insentif yang diberi kepada pihak pengguna pelabuhan-pelabuhan kita dan juga satu kajian semula mengenai caj-caj yang diadakan di semua pelabuhan di negara ini. Maklumlah, kita bukan sahaja ada Pelabuhan Kelang, Pulau Pinang, Pasir Gudang, Kuantan, Bintulu, Kuching, Miri, Rajang, Kota Kinabalu, Lahad Datu, Kudat, Sandakan, Tawau, Labuan dan juga Melaka walaupun pelabuhan ini kecil sahaja nampaknya.

Walaupun bagaimanapun, untuk menggunakan semua pelabuhan kita dengan berkesan dan mengelakkan feeder vessels, kita perlukan insentif yang baik dan juga caj-caj yang munasabah supaya pengeksport dan pengimport negara kita boleh menggunakan pelabuhan-pelabuhan kita dengan baik.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kementerian menjawab.

8.07 mlm.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Melaka, Bagan dan Kepong yang telah membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996) bagi Kementerian Pengangkutan.

Yang Berhormat Kota Melaka tidak ada di dalam Dewan. Walaupun bagaimanapun saya jawab jugalah. Beliau lagi sekali membangkitkan berkaitan dengan Puspakom. Hasil daripada apa yang telah beliau tekankan, saya dapati beliau

nampaknya jealous kepada Puspakom kerana apabila dia kata tutup Puspakom, dia menggunakan suara yang terlalu tinggi. Itulah matlamatnya yang sebenar untuk mempertikaikan tindakan pemeriksaan asap yang telah dibuat oleh Puspakom dan akhirnya disemak semula secara rambang oleh pihak JPJ, polis ataupun pihak Jabatan Alam Sekitar.

Saya suka menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat Kota Melaka, kerajaan memperkenalkan Puspakom secara penswastaan sebagai usaha untuk mempertingkatkan kerja-kerja ujian kenderaan yang dahulunya dilakukan oleh JPJ. Ini adalah untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat, kepada pengguna-pengguna dan hasil daripada penswastaan Puspakom, kita dapati ujian untuk kenderaan telah dapat ditingkatkan masanya, khususnya masa JPJ jika dibandingkan dengan Puspakom, Puspakom mempunyai masa yang lebih pendek iaitu 7 minit ke 15 minit bagi satu pemeriksaan yang mana dahulunya rekod ini tidak dipecahkan oleh JPJ.

Yang kedua, perkhidmatannya lebih baik oleh kerana ia telah menggunakan banyak alat komputer ataupun alat-alat yang lebih baik daripada alat-alat yang pernah digunakan oleh JPJ. Kerana itu, walaupun ada satu, dua ataupun beberapa aduan, ia tidak melambangkan kelemahan Puspakom. Ianya hanya merupakan dua tiga kes yang terkecuali.

Kerana itu, untuk menyatakan Puspakom tidak berkesan dan harus ditutup adakah tidak kena kerana kita berpendapat bahawa Puspakom telah pun menjalankan tugasnya dengan baik kerana JPJ sentiasa mengawasi prestasi Puspakom dari masa ke semasa.

Berkaitan dengan.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Kepong bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Kerana masa tidak cukup Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Baik.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Berkaitan dengan ujian asap semula oleh JPJ, polis dan Jabatan Alam Sekitar, saya telah menjawab semasa jawapan lisan pagi tadi bahawa walaupun Puspakom telah meluluskan sesuatu ujian, tetapi sebagai regulator undang-undang, adalah menjadi kewajipan JPJ, polis dan juga Jabatan Alam Sekitar untuk memastikan apa yang telah diuji oleh Puspakom itu mengikut aspek yang telah ditetapkan. Kerana itu beberapa pemeriksaan rambang dibuat. Inilah tujuannya yang sebenar, bukan untuk menyusahkan pihak pengguna.

Satu lagi yang telah dibangkitkan adalah berkenaan dengan ujian asap yang pihak polis menggunakan kamera dan dengan cara melihat sahaja. Saya telah mendapatkan laporan daripada pihak polis, adakah betul mereka tidak menguji menggunakan mesin uji. Tetapi laporan yang saya terima yang terkini bahawa JPJ, polis dan juga Jabatan Alam Sekitar membuat ujian asap menggunakan mesin asap yang telah diluluskan. Kalau ada pun mereka mengambil gambar, gambar itu sebagai tambahan kepada kes-kes yang akan diketengahkan. Sekiranya ada kes misalnya saman dikeluarkan tanpa ujian menggunakan mesin, maka bolehlah Yang Berhormat laporkan kepada kementerian, saya akan semak di atas ujian ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, akta berkaitan dengan pengeluaran asap bunyi daripada kenderaan ini dahulunya di bawah Akta Pengangkutan Jalan, tetapi dalam Parlimen yang lepas telah dipinda di bawah Akta Jabatan Alam Sekitar. Ini bermakna bahawa sekarang akta ini dikendalikan oleh Jabatan Alam Sekitar, tetapi mereka yang dibenarkan membuat ujian dan mengeluarkan kompaun masih kepada tiga jabatan iaitu Jabatan Alam Sekitar, JPJ dan

juga polis. Ini bagi memberi kemudahan kepada orang ramai kerana jika banyak jabatan yang terlibat, maka lebih banyak lagi kenderaan yang akan mematuhi peraturan di jalan raya khususnya dalam segi pengeluaran asap yang berlebihan.

Berkaitan dengan .....

**Tuan Lim Guan Eng:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Ya, Kota Melaka bangun.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Minta maaf, Tuan Pengerusi, sorrylah kerana masa, nanti di luar bolehlah atau balik kampung kita boleh bincang lagi - tidak apa, selalu jumpa! [Ketawa]

Yang Berhormat dari Bagan telah membangkitkan tambang feri daripada Pangkalan Abdul Halim ke Butterworth. Semasa saya kecil dahulu memang selalu naik feri ini dan saya juga telah bertanya perkhidmatan feri elok dan patutlah diteruskan perkhidmatannya. Dan jawapan pihak Lembaga Pelabuhan memang feri ini telah diteruskan perkhidmatannya, tetapi setelah Jambatan Pulau Pinang siap didapati penggunaan feri ini telah menurun, kerana itulah sebahagian daripada feri-feri yang dahulu memberi perkhidmatan telah dijual, kerana jika tidak dijual maka harga untuk maintain itu lebih tinggi daripada menjualnya terus, kerana itulah sebahagian daripada feri ini telah pun dijual, tetapi sebahagiannya diteruskan perkhidmatan.

Setelah masa berlalu didapati orang ramai kembali balik dengan jumlah yang lebih baik untuk menggunakan feri ini kerana mereka lihat masanya pun lebih pendek ataupun lebih cepat, oleh kerana mereka tidak perlu pergi ke jalan ataupun ke jambatan, kerana itu peningkatan penggunaan semakin meningkat. Walaupun penggunaan semakin meningkat, tetapi syarikat terus mengalami kerugian sebanyak RM7 juta dan hasil daripada kerugian ini maka telah diminta kebenaran supaya harga tambang dinaikkan sedikit daripada 40 sen kepada 60 sen kerana ianya telah tidak dinaikkan selama 20 tahun daripada tahun 1976.

Kalau Yang Berhormat dari Bagan berniaga 20 tahun tidak naik saya fikir sudah lama 'tutup kedai', Bagan pun sudah mati 'beragan' juga, tetapi kerajaan bertimbang rasa, kerana itu kita benarkan dinaikkan cuma 20 sen sahaja. Itupun telah banyak kali appeal, kalau boleh memang kita tidak ingin naikkan. Walaupun naik 20 sen, tetapi syarikat ini masih lagi rugi - rugi RM5 juta, naik 20 sen cuma dapat tambah RM2 juta sahaja dan masih rugi RM5 juta, bukan dapat cover kesemua kerugian. Ini tidak boleh untuk disubsidikan melalui keuntungan daripada pelabuhan kerana pelabuhan ada kerja-kerja yang lebih besar untuk meningkatkan lagi perkhidmatan yang baik, misalnya membesarkan kawasan-kawasan, maintaining dan sebagainya, kerana itulah kita tidak menggunakan subsidi daripada keuntungan pelabuhan untuk cover kerugian daripada feri ini. Saya berharap orang ramai akan faham perkara ini, lagi pun kenaikan 20 sen dalam tempoh 20 tahun tidaklah begitu membebankan.

Berkaitan dengan aduan supaya platform yang runtuh itu diperbaiki, memang ada cadangan sekarang ini untuk kita perbaiki dan ini sedang pun dibuat kajian terperinci oleh Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang.

Cadangan supaya menggunakan feri, satu feri hanya untuk penumpang sahaja tanpa campur-aduk dengan kenderaan, kalau bawa kenderaan - kenderaan sahaja, itu yang saya difahamkan Yang Berhormat dari Bagan ya! Sekarang ini kedua-dua sekali, satu feri digunakan untuk penumpang dan juga untuk kenderaan, jadi cadangan tadi untuk dipisahkan, kalau feri untuk penumpang - penumpang sahaja, kalau untuk kenderaan - kenderaan sahaja. Cadangan ini bolehlah kita pertimbangkan sekiranya sesuai.

Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan berkaitan dengan kerosakan jalan taman kerana lori 'tipper' berat. Saya mengucapkan terima kasihlah kalau ada lori 'tipper' yang merosakkan taman-taman ataupun beratnya kuat masuk dalam taman, saya minta Yang Berhormat dari Kepong tolong adukan kepada JPJ, kita bolehlah mengeluarkan saman dan sebagainya, tetapi jangan pula bila JPJ mengambil

tindakan, marah kepada JPJ pula dan menjadi champion pula. Nampaknya Yang Berhormat dari Kepong juga pandai berkaitan dengan berat-berat muatan ini. Saya pun kadang-kadang tidak berapa ingat, lori enam roda berapa tan, 10 roda 21 tan atau 22 tan, saya fikir kalau Yang Berhormat masuk Barisan Nasional layak duduk sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan. Adakah ianya dapat dilaksanakan dengan berkesan?

Saya memberi jaminan bahawa had-had muatan ini dapat dilaksanakan dengan berkesan kerana jika lebih muatan, kita akan mengeluarkan kompaun ataupun saman kepada lori-lori berkenaan, supaya jalan-jalan yang digunakan tidak rosak. Setengah jalan kekuatannya ada had, kerana itu dia tidak boleh lebih muatan, kalau lebih muatan, maka tar yang ditampal akan rosak, itulah sebabnya mengapa sesetengah jalan ada hadnya yang telah ditetapkan.

Berkaitan dengan jambatan timbang yang tidak cukup, memang ada beberapa lagi keperluan jambatan timbang ini dan kerajaan telah pun meluluskan penggunaannya di beberapa tempat lagi khususnya di kawasan-kawasan pedalaman seperti di Sabah dan Sarawak di mana jambatan timbang memang amat diperlukan dengan lebih banyak.

Penyelewengan berlaku atas jalan raya, lebuh raya selain dari tol, sekiranya ada bukti daripada Yang Berhormat dari Kepong bahawa ada kutipan tol lain daripada tol jalan raya, di lebuh raya, saya minta tolonglah adukan. Janganlah menuduh pegawai-pegawai kita menyeleweng sedangkan bukti langsung tidak ada. Ini akan melemahkan semangat pegawai kita untuk bekerja dengan baik, sepatutnya kalau kerja itu baik, kita mesti puji, jika ada kesilapan kita boleh adukan dan kerajaan pasti akan mengambil tindakan.

Untuk menjadikan Pelabuhan Kelang sebagai pelabuhan utama bagi negara kita. Beberapa tindakan telah pun diambil seperti kemudahan-kemudahan handling yang lebih cepat, penggunaan sistem komputer, pre-clearance oleh Jabatan Kastam. Sehingga yang terakhir ini Jabatan Kastam telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kastam sendiri yang bermesyuarat setiap minggu bagi memastikan supaya masalah-masalah yang berlaku dapat diselesaikan dengan segera. Manakala Timbalan Pengarah Jabatan Kastam Selangor pula mempengerusikan Jawatankuasa Pelaksanaan yang bermesyuarat setiap dua minggu sekali. Ertinya apa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Pemandu hendaklah dilaksanakan dan ini juga ada satu lagi jawatankuasa yang dipengerusikan juga oleh pihak kastam sendiri.

Dengan ini kita berharap masalah-masalah harian di Pelabuhan Kelang akan dapat diselesaikan dengan segera. Memang ada sedikit lagi perkara-perkara yang boleh kita perbaiki misalnya tambang mengangkut barang daripada kilang ke Pelabuhan Singapura berbanding dengan ke Pelabuhan Pulau Pinang.

Yang Berhormat Menteri juga telah membangkitkan perkara ini misalnya kalau dari Muar jika dihantar ke Singapura lebih murah berbanding dengan dihantar ke Pelabuhan Kelang. Perkara ini telah pun kita bangkitkan dan sedang diteliti dengan terperinci, kerana difahamkan ada insentif pula diberi kepada mereka yang menghantar barang ke Singapura misalnya 25 percent discount, kerana itu harganya menjadi lebih kurang. Inilah yang sedang kita lihat mengapa perkara ini diberi insentif kepada penghantaran ke Singapura dan tidak pula ke Pelabuhan Kelang.

Ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri dalam post Kabinet jugalah pada minggu lepas, dan tadi kita sudah confirm lagi minit itu. Perkara ini memang kita bincangkan, kerana kita ingin melihat supaya lebih banyak lagi kemudahan di Pelabuhan Kelang akan memberi rangsangan kepada penggunaan pelabuhan di negara kita, di samping perkara-perkara lain seperti bila kargo main liner datang, kita sendiri terima kedatangan mereka. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri datang, menteri sendiri pergi, saya pergi dan juga Setiausaha Parlimen, ketua-ketua pelabuhan, bila main liner tiba, ketua pelabuhan sendiri menunggu kapal itu. Bukan kita hantar pegawai-pegawai rendah. The chief of the port pergi sendiri menunggu. Inilah caranya bagaimana kita ingin melihat supaya Pelabuhan Kelang

mempunyai taraf yang tinggi bagi menjadikan ianya pelabuhan utama bagi negara kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM15,866,500 untuk Maksud B.47 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM15,866,500 untuk Maksud B.47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM219,350,000 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1996 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM219,350,000 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1996.

#### **Maksud B.48 [Jadual] -**

#### **Maksud P.48 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1996] -**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.48 dan Kepala Pembangunan P.48 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar terbuka untuk dibahas. Kepong.

8.23 mlm.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, terutamanya pihak ahli Yang Berhormat daripada Ketua Kelab Backbancher, Yang Berhormat dari Parit Sulong yang mengata semalam saya tidak berminat untuk membincangkan masalah-masalah di luar bandar.

**Tuan Pengerusi:** Di bawah Kepala apa, Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** B.48.

**Tuan Pengerusi:** Yalah, Yang Berhormat berucapa tadi ni.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, saya tahu Tuan Pengerusi, B.48 dan juga P.48 mengenai Pinjaman Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

**Tuan Pengerusi:** Ada Parit Sulong di situ. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Semalam dia menuduh saya tidak berminat langsung. Tuan Pengerusi, masalah sekarang kerana satu usaha yang besar-besaran untuk mempermodenkan 3000 kampung di seluruh negara. Saya berharap di dalam tempoh 5 tahun ini kita benar-benar menaikkan taraf dengan prasarana yang cukup untuk 3000 kampung ini. Kalau tak silap saya, setiap tahun rancangan ini akan dilaksanakan di 500 kampung setiap tahun.

Tuan Pengerusi, B.48 mengenai lebih RM46 juta untuk pelarasan gaji dan elaun kakitangan. Ini dengan peruntukan yang begitu besar, kita berharap semua kakitangan di dalam kementeriannya dapat melaksanakan rancangan ini dengan baik.

Tuan Pengerusi, usaha-usaha telah dijalankan untuk mengadakan estet padi. Semalam Timbalan Menteri ada menjawab bahawa Bernas sudah pun bermula dengan estet-estet padi ini. Juga di Terengganu kalau tidak silap saya ada satu usaha untuk memberi peluang kepada nelayan-nelayan dan penanam tembakau untuk mencebur diri di dalam ladang rusa. Saya berharap semua ini dapat dijayakan supaya kita hendak menyaksikan lebih banyak orang di kampung dapat menikmati kemajuan dan pembangunan. Sebab setakat ini, kebanyakan terutamanya pemuda-pemudi berhijrah ke bandar untuk mencari kerja untuk memajukan diri sendiri. Tetapi saya percaya kalau kita boleh mengalihkan perhatian dengan projek-projek yang dapat dilaksanakan

misalnya di 3000 kampung ini, memang kita boleh menggalakkan orang-orang kampung maju dengan lebih cepat.

Itu sajalah Tuan Pengerusi, saya hendak mengetahui apakah peruntukan untuk memodenkan 3000 kampung ini, dan bilangan kakitangan yang terlibat di dalam usaha ini? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kementerian menjawab.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]:** Tuan Pengerusi, kalau kita dengar apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat dari Kepong memang menunjukkan beliau tidak tahu-menahu mengenai tajuk yang kita bincang, dan begitu juga menunjukkan beliau tidak minat membela rakyat luar bandar. Cuma berpura-pura saja untuk membuang masa Dewan pada petang ini. Oleh begitu, saya rasa kerana yang pertama beliau cuba bincang mengenai Amanah Ikhtiar Malaysia. Lepas itu, oleh kerana beliau tidak tahu apa Amanah Ikhtiar Malaysia, maka lari ke perkara-perkara yang tidak ada kena-mengena dengan tajuk-tajuk yang kita bincang pada petang ini. Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya tidak hendak membuang masa Dewan, kerana misalnya beliau bincang mengenai estet padi, adalah tanggungjawab Kementerian Pertanian, bukan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Jadi, saya tidak ucap terima kasih kepada beliau. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM57,396,100 untuk Maksud B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM57,396,100 untuk Maksud B.48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM123,210,000 untuk Maksud P.48 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1996 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM123,210,000 untuk Maksud P.48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1996.

#### **Maksud P. 49 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1996] -**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan Pembangunan P.49 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos terbuka untuk dibahas. Bagan.

**8.29 mlm.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Pengerusi, akhir-akhirnya TNB telah memberi 10% potongan kepada semua pengguna di seluruh negara kerana keputusan elektrik selama 17 jam pada Ogos tahun ini. Ini adalah satu hasil kepada pengguna berikutan desakan-desakan dan tekanan-tekanan dari orang ramai dan juga parti-parti DAP dan yang lain. Dalam hal ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga patut dipuji kerana mengarahkan TNB membuat pampasan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memang cukup marah kerana sedunia tahu Malaysia sedang mengalami masalah besar hal tenaga. Perbuatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah hendak mengajar TNB, dengan izin, satu lesson. Ini pun juga sebagai satu amaran kepada semua jabatan awam khasnya yang melibatkan dalam infrastruktur.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang amat menarik ialah wayang yang dimainkan oleh.....

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Butiran P.49 ini nampaknya lain.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ini berkenaan dengan kabel dari.....

**Tuan Pengerusi:** Tidak, ini berkenaan dengan Labuan. Pencawang-pencawang di Patau Sungai Berdaun untuk ditinggikan penghantaran di Wilayah Persekutuan, Labuan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Talian menghantar kuasa elektrik - serupa juga.

**Tuan Pengerusi:** Ini kena bercakap berkenaan dengan Labuan, Yang Berhormat, di bawah Peraturan 49.

**Tuan Lim Hock Seng:** Baiklah, kalau tidak izinkan saya tidak mahu sambung.

**Tuan Pengerusi:** Di bawah Peraturan 67(9). Jika tidak ada sambungan, saya akan bacakan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM4,530,000 untuk Maksud P.49 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1996 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diptuuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM4,530,000 untuk Maksud P.49 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1996.

#### **Maksud P.50 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1996] -**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Pembangunan P.50 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbincangan]*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM19,409,260 untuk Maksud P.50 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1996 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM19,409,260 untuk Maksud P.50 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1996.

#### **Maksud B.51 [Jadual] -**

#### **Maksud P.51 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1996] -**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.51 dan P.51 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk di bahas. Sila Kepong.

#### **8.33 mlm**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, saya memang percaya sungguh kepada Yang Berhormat Timbalan yang akan menjawab apa yang saya akan bentangkan di sini, bukan seperti Setiausaha Parlimen tadi yang tidak langsung dapat menjawab, cuma hendak lari dengan cepat sahaja, kerana pihak kakitangannya menerima gaji lebih RM40 juta dan tidak payah kerja - cuma mengikut dia.

**Tuan Pengerusi:** Itu tidak masuk, Yang Berhormat dalam Kepala ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** B.51 dan P.51. Tuan Pengerusi, saya percaya Kementerian Luar Negeri sudahpun mengambil tindakan untuk membaiki perkhidmatan-perkhidmatan di perwakilan kita di Paris, New York, Brazilia, Manila, Washington dan di Kompleks Wisma Putra di Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, sepertimana yang telah saya sebutkan dua hari yang lepas, mengenai perwakilan kita di New York di Bangsa-bangsa Bersatu. Walaupun pihak Kementerian Luar Negeri sudah berusaha untuk menghantar lebih pegawai-pegawai yang bertaraf tinggi ke New York, untuk membantu Tan Sri Razali Ismail di Bangsa-bangsa Bersatu - yang untuk pertama kali dalam tempoh 20 tahun orang Asia dan wakil tetap kita di misi Bangsa-bangsa Bersatu menjadi pengerusi Perhimpunan PBB dan dengan demikian, beliau sudahpun dijadualkan untuk mempengerusi badan lagi badan sampai tahun depan, iaitu akan dilantik untuk mempengerusikan beberapa badan dunia tersebut dan ini bermakna beliau memerlukan lebih banyak pegawai yang bertaraf tinggi. Masalah Wisma Putra ialah tidak ramai orang yang berminat, yang mempunyai pengalaman, Yang Berhormat berminat untuk pergi ke Bangsa-bangsa Bersatu.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, di bawah P.51 ini ialah untuk pembinaan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** P.51 - Pembangunan, Tuan Pengerusi dan juga.....

**Tuan Pengerusi:** Bangunan tidak bersangkutan dengan pegawai-pegawai Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang kita adakan bangunan dan bangunan itu memang digunakan oleh pihak wakil kita di Bangsa-bangsa Bersatu. Saya berharap pihak.....

**Tuan Pengerusi:** Saya tidak bersetuju, Yang Berhormat. [Ketawa]. Di bawah P.51 ini ialah membaiki, mengubahsuai bangunan, bukan manusia.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tahu, saya sudah baca, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, memang kita berharap lebih RM8 juta ini digunakan dengan baik untuk kerja yang disebutkan di dalam Kertas Perintah ini dan juga bukan sahaja kita hendak jaga bangunan, kita mesti jagakan pegawai-pegawai juga.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Parit Sulong.

8.36 mlm.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan B.51 iaitu tambahan sebanyak RM61.3 juta untuk membiayai caruman kerajaan kepada badan/pertubuhan antarabangsa dan negeri-negeri tertentu. Dalam konteks ini saya ingin bertanya di mana tahun lalu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu berhadapan dengan satu masalah kewangan yang sangat kritikal di mana banyak negara-negara ahli yang besar tidak menjelaskan caruman tahunannya kepada PBB. Jadi, saya ingin bertanya, dalam hal ini berapa banyakkah jumlah caruman Malaysia kepada PBB setiap tahun dan adakah Malaysia merupakan dari kalangan negara yang memang current dari segi proses pembayaran, ataupun kita juga mempunyai tunggakan-tunggakan terhadap PBB.

Keduanya, merujuk kepada P.51, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana perwakilan kita di New York adalah satu perwakilan yang mempunyai lokasi yang strategik yang hanya 5 minit perjalanan ke bangunan utama PBB itu sendiri. Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, sedikit sahaja. Saya ingin menyentuh tentang kekurangan-kekurangan yang dihadapi oleh Kedutaan kita di Johannesburg. Sebenarnya mission ini baru sahaja dibuka dan mereka masih lagi menghadapi berbagai kekurangan, peralatan tidak cukup, bangunan belum ada dan bangunan yang ada cuma disewa, sehinggakan gambar-gambar mengenai Malaysia pun tidak ada di situ.

Secara kebetulan, baru-baru ini, kami Ahli-ahli Parlimen melawat ke sana dan kita bawa gambar-gambar bangunan Parlimen, bila kita hadiahkan gambar itu kepada

Excellency Ambassador kita di sana, mereka amat gembira. Jadi, kalau boleh, walaupun Johannesburg ini tidak termasuk dalam pejabat-pejabat yang dipulihkan, saya minta supaya kementerian mengambil perhatian berat, kerana mission ini saya rasa mission yang penting, kita baru sahaja membukanya dan kita juga memainkan peranan yang begitu besar dalam memerangi Apartheid, jadi, untuk menunjukkan sensitiviti kita, kita harus memberikan, bukan keistimewaan, tetapi sekurang-kurang kemudahan asasi kepada mereka. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri menjawab.

**8.39 malm.**

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan terima kasih di atas ucapan dan teguran-teguran oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong, Parit Sulong dan Parit Buntar.

Mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi, tidak payah saya jawabkan kerana telah dijawabkan pada jawapan di Parlimen pada dua hari yang lalu dan mengenai sumbangan kita kepada PBB, kita telah memasukkan sumbangan ini dalam perbelanjaan tiap-tiap tahun kita, dalam budget biasa, tetapi yang disentuh, yang dimasukkan dalam peruntukan yang dipohon di sini - dalam Anggaran Belanjawan Tambahan ini adalah untuk sumbangan-sumbangan yang tidak dijangka dalam masa kita membuat budget, ini termasuk kepada badan-badan yang lain daripada Bangsa-bangsa Bersatu.

Dan keduanya, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar, kita akan mengambil perhatian di atas teguran dan saya mengucapkan terima kasih di atas usaha-usaha kerja kita bersama kerana masalah kita juga ialah pada masa kini kita membukakan pusat-pusat kita di luar negeri yang begitu cepat dan pesat dan dengan sedaya upaya kita memberikan kelengkapan cepat untuk menjalankan supaya misi-misi kita di luar negeri cukup kelengkapan dan peralatannya.

Kita akan masukkan dalam anggaran perbelanjaan kita pada setiap tahun. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM61,300,000 untuk Maksud B.51 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM61,300,000 untuk Maksud B.51 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM8,430,000 untuk Maksud P.51 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1996 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM8,430,000 untuk Maksud P.51 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bi.3) 1996.

**Maksud P.52 [Anggaran Pembangunan (Tam.) (Bil.3) 1996] -**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Pembangunan P.52 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahas. Tanjong Karang.

**8.42 mlm.**

**Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh dua perkara. Yang pertama, Butiran 028000 - Menaikkan Taraf Jalan. Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah banyak

meluluskan peruntukan untuk menaikkan taraf jalan-jalan luar bandar ini ke taraf jalan JKR yang lebih besar dan lebih selesa.

Persoalan yang saya ingin timbulkan ialah oleh kerana banyak jalan ini telah diluluskan, tetapi pelaksanaannya bermakna masih banyak lagi jalan-jalan yang telah diluluskan tetapi hingga sekarang masih belum dilaksanakan, sedangkan sekarang ini telah pun memasuki bulan Oktober dan saya difahamkan apabila habis bulan Disember nanti, peruntukan yang telah diluluskan itu mungkin akan hilang ataupun ditarik balik.

Jadi, bagaimanakah pihak JKR akan berusaha untuk memastikan dalam tempoh dua bulan ini segala projek-projek yang telah diluluskan itu ataupun jalan-jalan yang telah diluluskan itu akan terus dilaksanakan tanpa kehilangan peruntukan yang telah diluluskan kerana hendak mendapatkan peruntukan ini bukan satu perkara yang mudah. Dan saya difahamkan bahawa salah satu sebab lewat kerja-kerja ini dilaksanakan kerana prosedurnya terlalu banyak kerana terpaksa tender iklan dalam surat khabar, kemudian hendak dibawa kepada Tender Board dan kadang-kadang untuk satu tender itu mengambil masa sehingga empat, lima bulan baru boleh dilaksanakan. Kemudian bila sudah dapat Letter of Offer (LA) kemudian hendak dilaksanakan pula mengambil masa lagi. Jadi, harap pihak JKR dapat mengambil perhatian untuk segala projek yang telah diluluskan itu diberikan keutamaan dalam tempoh dua bulan ini.

Yang kedua, Butiran 038000 - Projek Penswastan Lebuhraya PLUS. Saya amat gembira apabila melihat kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak PLUS di tempat-tempat rehat begitu baik dan begitu memuaskan. Boleh dikatakan tempat rehat dan gerai-gerai makanannya begitu bersih dan selesa, termasuklah tandasnya begitu bersih dan dijaga dengan baik. Tetapi satu perkara yang mendukacitakan ialah surau. Surau di highway ini kalau kita lihat terlalu kecil, kadang-kadang kalau kita hendak sembahyang, Tuan Pengerusi, orang hendak buka pintu pun tak boleh!

Kadang-kadang highway kalau satu rombongan jangan kata ramailah, hanya mini bus sahaja, ingat hendak sembahyang jemaah ini kena lima kali baru habis bagi satu kumpulan itu, sebab paling ramai pun boleh sembahyang di situ dalam dua saf, tiga saf sahaja.

Jadi, kita harap di samping membersihkan keadaan sekeliling tempat beribadah ini, peralatan surau ini kalau boleh diperbesarkan sebagaimana yang sekarang ini usaha-usaha untuk membesarkan pondok-pondok tol ini sedang giat dijalankan. Jadi, itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi: Bagan.**

**8.45 mlm.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Butiran 02000 - Mengatasi Kesesakan Lalulintas di Pulau Pinang dan juga 02100 - Mengganti Lintasan Kereta Api. Kedua-dua perkara ini ada bersangkut-paut.

Sejumlah RM3 juta lebih telah diperuntukkan untuk mengatasi lalu lintas di Pulau Pinang. Saya nampak di sini selalunya Jalan Persekutuan, apabila ia berhubung dengan Jalan Negeri dan selalu di simpang-simpang itu kesesakan lalu lintas berlaku. Dan kami telah berhubung dengan pihak bandaran dan mereka kata ini perlu dirujuk kepada persekutuan kerana ini adalah Jalan Persekutuan.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Dan selama ini kami tidak pernah nampak ada apa-apa jejantas dibina untuk menggantikan lampu isyarat atau langsung tidak ada lampu isyarat di simpang-simpang itu. Itulah punca yang menjadikan kesesakan lalu lintas di sana.

Dan juga Butiran 02100 - Mengganti Jambatan atau Lintas Kereta Api. Di sini suka saya membangkitkan satu tugas Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam tidak mahu membangkitkan di sini iaitu lintasan kereta api di Bukit Mertajam yang telah

banyak kali dibangkitkan oleh rakan sejawat saya iaitu bekas Ahli Parlimen dari Bukit Mertajam, Yang Berhormat Tuan Chiang Heng Kai telah beberapa kali beliau membangkitkan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Sat! Sat!

Dan sampai sekarang sudah berapa tahun pun belum nampak ada apa-apa rancangan untuk membina satu jejantas atau apa-apa di lintasan kereta api di Bukit Mertajam ini. Ya, silakan.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Tuan Pengerusi, untuk penjelasan adakah Ahli Yang Berhormat dari Bagan sedar bahawa sebenarnya Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam pada Penggal Pertama lagi telah mengambil satu ruang untuk Ucapan Penangguhan untuk membincangkan perkara itu dan sudah pun ada langkah-langkah untuk menyelesaikan masalah tersebut tinggal lagi ....

**Seorang Ahli:** Ahli Yang Berhormat dari Bagan belum masuk lagi.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Oh! Ahli Yang Berhormat belum masuk lagi Dewan saya ingat pada masa itu. Dan tinggal lagi yang belum ada dia punya kerja-kerja di atas tanah yang belum dimulakan. Tetapi Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam selaku rakan saya dari Pulau Pinang telah pun mengambil tindakan tersebut.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau. Sebenarnya, saya tidak pernah mendengar apa-apa Ucapan Penangguhan dari Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam. Ucapan Penangguhan saya berkenaan 'Tambang Feri Pulau Pinang' telah 'dibunuh' oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam dengan membangkitkan tidak cukup kuorum dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, balik kepada tajuk ya?

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, balik kepada tajuk. Dan apa yang saya ketahui apa yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, kerja-kerja membuka tanah mungkin ada untuk melebarkan satu jambatan di hadapan Hospital Besar Bukit Mertajam.

Tetapi itu bukan jejantas, bukan sesuatu yang menyelesaikan kesesakan lalulintas di sana di atas landasan keretapi.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Tuan Pengerusi, yang sebenarnya yang saya maksudkan tadi ialah fly over di persimpangan untuk pergi ke Sekolah Tinggi Bukit Mertajam dengan pekan Bukit Mertajam. Perkara itu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, bukan yang di hadapan hospital.

**Tuan Lim Hock Seng:** Itu juga yang saya maksudkan. Kami bersama-sama mendesak pihak Kerajaan Pusat supaya projek ini dapat dijalankan untuk mengatasi kesesakan lalulintas di bandar Bukit Mertajam.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 03800 - Projek Penswastan Lebuh raya Utara-Selatan.

Di sini saya ingin bertanya sebab sebenarnya kerajaan perlu membenarkan PLUS menaikkan kadar tol 33% mulai tahun ini tetapi ia tidak dilakukan dan sebaliknya kerajaan telah membenarkan PLUS menaikkan tol buat tahun ini sebanyak 20%, tahun hadapan 20% dan tahun yang ketiga 7%, sekali gus 47%. 33% tidak dibenarkan dinaikkan, tetapi sekarang ia dibenarkan dinaikkan sebanyak 47%.

Tahun yang keempat, iaitu selepas 3 tahun tol dinaikkan, PLUS boleh menuntut untuk menaikkan tol lagi. Sampai bilakah kenaikan tol ini akan berhenti? Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat] Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta menjawab.

8.52 mlm.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrev] Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang dan Bagan yang telah menimbulkan beberapa perkara berhubung dengan perbelanjaan tambahan di bawah Maksud B.52, Kementerian Kerja Raya di mana Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang telah menimbulkan soal masih banyak jalan-jalan yang belum dilaksanakan, namun banyak peruntukan yang belum dibelanjakan.

Sebenarnya, selain daripada kelewatan-kelewatan yang tidak dapat dielakkan, Kementerian Kerja Raya juga sedang berusaha sedaya upaya dalam masa dua bulan ini mencuba bagaimana hendak mengatasi masalah kelewatan, mahu pun projek-projek yang sedang dalam pengendalian sekarang ini.

Kita juga akan mencuba seberapa daya yang boleh agar projek-projek yang tidak dapat dilaksanakan, walaupun tidak banyak, akan dapat diteruskan pada Rancangan Malaysia Ketujuh ini dengan memohon supaya diminta peruntukan semula dalam mid-term review, jika perlu.

Berhubung dengan keadaan surau di lebuh raya tol (PLUS) yang dikatakan terlalu kecil, ingin saya menarik Dewan yang mulia ini, bukan sahaja surau di lebuh raya, tetapi di mana-mana surau ataupun masjid, apabila kita bina pada mulanya tidak ramai orang, tetapi lama-kelamaan, surau yang besar itu menjadi kecil. Jadi, sudah tentulah selain daripada mengakui hakikat ini, kita akan berusaha. Alhamdulillah, kerana surau yang dibina di sepanjang Lebuh raya Utara-Selatan atau PLUS tidak diabaikan dan digunakan sepenuhnya. Kita akan memberitahu PLUS, insya-Allah, supaya di mana yang perlu surau-suru ini diperbesarkan agar dapat menampung para jemaah yang lalu-lalang ke kawasan-kawasan yang berkenaan.

Berhubung dengan saranan yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan iaitu berhubung dengan kesesakan Lalulintas di pekan Bukit Mertajam yang mana sebahagian daripadanya telah diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi, ingin saya maklumkan di sini bahawa dalam Rancangan Malaysia Keenam dan Ketujuh ini, projek yang sedang dijalankan sekarang iaitu Butterworth Autolink Road yang akan dilaksanakan tidak lama lagi, insya-Allah diharapkan akan dapat menyelesaikan masalah kesesakan di kawasan yang disebutkan tadi.

Berhubung dengan kenaikan kadar tol yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan juga, ingin saya maklumkan di sini yang mana Ahli Yang Berhormat telah mengatakan sebanyak 47% tol akan dinaikkan, iaitu 20% tahun ini; 20% tahun hadapan; dan 7% tahun 1998. Yang sebenarnya, dalam perjanjian konsesi yang telah ditandatangani, PLUS berhak menuntut 33% bermula dari 1hb. Januari tahun ini. Tetapi oleh kerana perjanjian yang ditandatangani masih tertakluk kepada perundingan, kerajaan dan PLUS telah bersetuju supaya tol yang dikenakan kepada kereta-kereta yang telah diclassifykan sebagai yang sepatutnya dikenakan tol pada tahun ini ialah sebanyak 20% pada tahun ini; 20% pada tahun hadapan; dan 7% pada tahun 1998.

Jadi maknanya, kalau kita terima perjanjian asal dengan PLUS, ia sepatutnya dikenakan 33.3% mulai dari tahun ini sehingga tahun 1998, manakala selepas itu, kadar 6% setiap tahun akan dikenakan. Jadi apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi saya rasa kurang tepat. Namun demikian, saya ingin juga memberikan penjelasan di sini bahawa kenaikan tol yang dibuat ini bukan sahaja kerana kerajaan telah terikat dengan perjanjian, tetapi ini adalah kadar yang telah difikirkan sebaik-baiknya untuk kebaikan rakyat di seluruh negara ini.

Di samping itu, bagi rakyat yang tidak sanggup menggunakan jalan tol, mereka sentiasa boleh menggunakan jalan alternatif iaitu jalan federal yang lama yang sedia ada ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Bagan bangun.

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Menyampuk]*

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Cukuplah. Saya rasa tak payahlah, sebab sudah jawab soalan Yang Berhormat. *[Disampuk]* Terima kasih.

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sila duduk ya. Dia tak beri jalan.

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Rasional yang telah diwujudkan sepanjang perbahasan di Dewan ini, termasuklah apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Bagan tadi telah kita jelaskan sejelas-jelasnya bahawa sebarang kenaikan tol tidak akan membebankan rakyat, sama ada soal menyebabkan kadar inflasi naik ataupun menyebabkan ketidakselesaian kepada para pengguna, semuanya telah diambil kira. Jadi kita harap sebarang kenaikan tol, sama ada pada masa kini ataupun masa akan datang tidak akan menjadi persoalan kerana kita pertimbangkan sedalam-dalamnya supaya mendapat manfaat yang sebaik-baiknya kepada rakyat semua.

Jadi Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan berhubung dengan Belanjawan di bawah perbelanjaan tambahan bagi Kementerian Kerja Raya.

Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM572,979,737 untuk Maksud P.52 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1996 di bawah Kementerian Kerja Raya hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM572,979,737 untuk Maksud P.52 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1996.

**Maksud B.53 [Jadual] -**

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kepala Bekalan B.53 di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi terbuka untuk dibahas.

*[Tiada Perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM36,900,100 untuk Maksud B.53 di bawah Kementerian Pembangunan Koperasi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM36,900,100 untuk Maksud B.53 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

#### FASAL-FASAL

**Fasal 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia satu bilion dua ratus empat juta, tiga ratus enam puluh satu ribu, lapan ratus empat (RM1,204,361,804) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1996, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia satu bilion dua ratus empat juta, tiga ratus enam puluh satu ribu, lapan ratus empat (RM1,204,361,804) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 1996 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 1996 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

### Bacaan Kali Yang Ketiga

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996)(No.2) 1996 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### USUL

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia satu bilion dua ratus empat juta, tiga ratus enam puluh satu ribu, lapan ratus empat (RM1,204,361,804) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1996, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia satu bilion dua ratus empat juta, tiga ratus enam puluh satu ribu, lapan ratus empat (RM1,204,361,804) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 1996 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 1996 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut.

hendaklah disetujui.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul sepertimana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia satu bilion dua ratus empat juta, tiga ratus enam puluh satu ribu, lapan ratus empat (RM1,204,361,804) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1996, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia satu bilion dua ratus empat juta, tiga ratus enam puluh satu ribu, lapan ratus empat (RM1,204,361,804) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 1996 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 1996 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Majlis mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 9.03 malam.*